

**KAJIAN SOSIOBUDAYA DALAM FILEM *BUMI  
MANUSIA* ADAPTASI DARIPADA NOVEL *BUMI  
MANUSIA* KARYA PRAMOEDYA ANANTA TOER**

**MOHAMMAD SYAHIR BIN JALALUDIN**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN**

KELANTAN

**2024**



**KAJIAN SOSIOBUDAYA DALAM FILEM *BUMI  
MANUSIA* ADAPTASI DARIPADA NOVEL *BUMI  
MANUSIA* KARYA PRAMOEDYA ANANTA TOER**

**MOHAMMAD SYAHIR BIN JALALUDIN  
(C20A1058)**

**Tesis yang dikemukakan adalah untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat ijazah sarjana muda pengajian warisan  
dengan kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**FEBRUARI 2024**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_


SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Mohammad Syahir Bin Jalaludin  
No. Kad Pengenalan: 000404-08-1223  
Tarikh: 12 Februari 2024



Tandatangan Penyelea

Nama Penyelea: **SUDIRMAN BIN KIFFLI**  
Tarikh: **15 FEBRUARI 2024**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum WBT dan Bismillahirrahmanirahim

Bersyukur ke hadrat Allah dengan kurniaNya, saya dapat menyiapkan kajian penyelidikan ini dengan baik. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang saya menyiapkan kajian ini secara langsung atau tidak langsung. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Encik Sudirman Bin Kiffli yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Semoga semua jasa baik dan tunjuk ajar yang telah diberikan dibalas dan memperoleh ganjaran daripada Allah SWT.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu saya iaitu, Puan Sarina Binti Nordin serta semua ahli keluarga yang atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan kepada saya sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Di samping itu, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu saya dalam menyempurnakan kajian ini, baik dari segi waktu, tenaga serta ilmu yang telah diberikan.

Akhir kata, saya amat berharap kajian yang saya laksanakan ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada khalayak yang ingin menjadikan kajian saya sebagai sumber rujukan ilmiah. Segala kelemahan daripada kajian ini datangnya daripada kelemahan dan kekurangan dalam saya melakukan kajian dan kelebihan yang baik datangnya dengan izin Allah SWT.

Sekian, Terima Kasih.

MOHAMMAD SYAHIR BIN JALALUDIN

13 FEBRUARI 2024

3 SYAABAN 1445

# KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI GAMBAR	vii
ABSTRAK	iiix
ABSTRACT	x
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.0.1 Filem Bumi Manusia	4
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif	8
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Metodologi Kajian	11
1.7.1 Kaedah Kajian	11
1.7.2 Kerangka Teori	13
1.8 Organisasi Kajian	13
1.9 Kesimpulan Bab	15
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.0 Pengenalan	16
2.1 Kajian Filem Dan Novel Bumi Manusia	16
2.2 Kajian Teori Marxisme	27
2.3 Kajian Adaptasi Novel Kepada Filem	29
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	32
3.1 Kaedah Kajian	32
3.2 Kerangka Teori	34

3.3 Latar Belakang Karl Marx	<b>34</b>
3.4 Teori Marxisme	<b>36</b>
3.4.1 Materialisme Dialektika	37
3.4.2 Materialisme Historis	40
3.4.3 Aliemasi	41
3.4.4 Eksploitasi	43
3.4.5 Kelas Sosial	44
3.4.5.1 Sosial	44
3.4.5.2 Ekonomi	45
3.4.5.3 Politik	46
3.4.5.4 Agama	47
3.4.5.5 Budaya	48
3.4.6 Revolusi Proletar	49
3.4.7 Komunisme	50
<b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pendahuluan	<b>52</b>
4.1 Sistem Hierarki Sosial Masyarakat Indonesia	<b>52</b>
4.1.1 Memerintah	52
A. Pemerintah Eropah	52
Undang-undang	53
B. Pemerintah Priyayi (Indonesia)	57
Undang-undang Islam	58
C. Bangsawan	61
Eropah	61
Pribumi	64
4.1.2 Diperintah	<b>67</b>
A. Pedagang	67
Masyarakat Tionghua	67
B. Masyarakat / Masyarakat bebas	70
C. Pertanian	74
Peladang	75
Petani	78
D. Hamba	81
4.2 Kesan Kemasukan Pengaruh Eropah	<b>85</b>
4.2.1 Struktur pemerintahan	<b>85</b>

4.2.2 Bahasa	90
4.2.3 Nilai dan Etika	94
4.2.4 Pendidikan	97
4.2.5 Agama	101
4.2.6 Modenisasi	104
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	110
5.1 Kesimpulan Kajian	110
5.2 Cadangan	113
5.2.1 Cadangan Mengatasi Kelas Sosial dan sosiobudaya	113
a. Sosial	113
b. Ekonomi	116
c. Politik	118
d. Budaya	121
e. Keseluruhan	123
5.3 Penutup	125
Rujukan	126

## SENARAI RAJAH

KANDUNGAN	HALAMAN
Rajah 1: Kerangka Teori Marxisme oleh Karl Marx	13
Rajah 2: Kerangka Teori Marxisme oleh Karl Marx	34



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## SENARAI GAMBAR

KANDUNGAN	HALAMAN
Gambar 1: Tangkap layar babak yang menunjukkan seorang pegawai Eropah yang ingin bukti Annalies anak kandung kepada Nyai Ontosoroh	56
Gambar 2: Tangkap layar babak yang menunjukkan masyarakat tempatan yang tertindas dengan undang-undang Eropah	56
Gambar 3: Tangkap layar babak yang menunjukkan ahli ulama Islam yang kecewa hukum Islam ditindas oleh Eropah	60
Gambar 4: Tangkap layar babak yang menunjukkan bangsawan Eropah yang meminta untuk mahkamah untuk berhenti bersidang	63
Gambar 5: Tangkap layar babak yang menunjukkan Tuan Mellema mengambil pekerja yang baharu	63
Gambar 6: Tangkap layar babak yang menunjukkan Minke menjadi penterjemah bagi ayahnya sewaktu pertemuan bersama pegawai Eropah	65
Gambar 7: Tangkap layar babak yang menunjukkan Minke sedang dinasihati oleh ibunya	66
Gambar 8: Tangkap layar babak yang menunjukkan gambaran hadapan rumah pelacuran	69
Gambar 9: Tangkap layar babak yang menunjukkan pegawai pelacur yang sedang dibicarakan mengenai kematian Tuan Mellema	69
Gambar 10: Tangkap layar babak yang menunjukkan masyarakat menghadiri majlis perkahwinan Minke dan Annalies	73
Gambar 11: Tangkap layar babak yang menunjukkan yang menunjukkan masyarakat menghadiri majlis yang dikelola oleh Eropah	73
Gambar 12: Tangkap layar babak yang menunjukkan Nyai Ontosoroh sedang memerhati pegawainya mengira hasil pertanian	76
Gambar 13: Tangkap layar babak yang menunjukkan Annalies sedang bekerja di ladang	77
Gambar 14: Tangkap layar babak yang menunjukkan situasi petani sedang memetik hasil pertanian	79
Gambar 15: Tangkap layar babak yang menunjukkan seorang pengurus yang membantu Minke di ladang	80
Gambar 16: Tangkap layar babak yang menunjukkan seorang hamba ditindas dan dihina oleh majikannya	83
Gambar 17: Tangkap layar babak yang menunjukkan Darsam memberitahu Minke bahawa Robert menyuruh untuk membunuhnya	83

Gambar 18: Tangkap layar babak yang menunjukkan individu yang berkuasa dalam bidang pemerintahan Eropah dan hakim mahkamah Eropah	88
Gambar 19: Tangkap layar babak yang menunjukkan Nyai Ontosoroh yang ditindas oleh mahkamah Eropah	88
Gambar 20: Tangkap layar babak Minke yang menjadi penterjemah kepada ayahnya sewaktu perjumpaan dengan golongan pemerintah Eropah	91
Gambar 21: Tangkap layar babak golongan pemerintah Eropah sewaktu perjumpaan bersama dengan pemerintah priyayi	91
Gambar 22: Tangkap layar babak yang menunjukkan cara atau etika pemakaian pakaian tradisional Indonesia	94
Gambar 23: Tangkap layar babak perkahwinan Minke dan Annalies yang menunjukkan budaya Indonesia dan Eropah	95
Gambar 24: Tangkap layar babak yang menunjukkan situasi Minke dan sahabatnya berbalah	98
Gambar 25: Tangkap layar babak guru Minke yang sedang membela Minke sewaktu Minke dan sahabatnya berselisihan faham	98
Gambar 26: Tangkap layar yang menunjukkan para ulama Islam yang memarahi apabila hukum Islam di dimainkan oleh Eropah	102
Gambar 27: Tangkap layar yang menunjukkan masyarakat yang sedang menyertai upacara dan majlis yang dianjurkan oleh Eropah	105
Gambar 28: Tangkap layar yang menunjukkan rekaan kereta kuda dan rumah yang mengikut reka bentuk Eropah	105

Kajian Sosiobudaya Dalam Filem *Bumi Manusia* Adaptasi Daripada Novel *Bumi Manusia* Karya Pramoedya Ananta Toer

**ABSTRAK**

Kajian ini memfokuskan kepada aspek sosiobudaya yang terdapat dalam filem *Bumi Manusia* (2019) yang diadaptasi daripada novel *Bumi Manusia* (2005) karya Pramoedya Ananta Toer. Kajian ini merupakan sebuah kajian perbandingan antara filem dan novel *Bumi Manusia* yang untuk melihat aspek sosiobudaya dengan lebih menyeluruh melalui kedua-dua jalan cerita. Aspek sosiobudaya yang terdapat dalam cerita ini memberi dampak yang sangat besar kepada masyarakat Indonesia sewaktu penjajahan Eropah pada abad ke-19 kerana ia turut membawa kesan kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengkaji hierarki sistem sosial masyarakat Indonesia sewaktu penjajahan Belanda. Seterusnya, kajian ini turut menganalisis kemasukan pengaruh budaya Eropah dalam mempengaruhi budaya masyarakat Indonesia dalam filem *Bumi Manusia* bagi mengukuhkan teori Marxisme. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif yang merangkumi kaedah kajian teks novel *Bumi Manusia*, kaedah kepustakaan, kaedah kajian internet terhadap kajian-kajian lepas yang telah dijalankan dan kaedah analisis filem *Bumi Manusia*. Selanjutnya, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Marxisme yang digunakan untuk menunjukkan aspek sosiobudaya yang terdapat dalam karya *Bumi Manusia*. Sosiobudaya masyarakat Indonesia terkesan sewaktu penjajahan Eropah, ini kerana penjajahan Eropah telah membawa perubahan yang sangat besar di Indonesia baik dalam masyarakat dan negara.

**Kata kunci:** budaya, Eropah, hierarki, perbandingan, sosiobudaya

*Sociocultural Study in the Film Bumi Manusia Adapted from the Novel Bumi Manusia  
by Pramoedya Ananta Toer*

**ABSTRACT**

*This study focuses on the sociocultural aspects present in the film Bumi Manusia (2019), adapted from the novel Bumi Manusia (2005) by Pramoedya Ananta Toer. This research is a comparative study between the film and the novel Bumi Manusia to examine sociocultural aspects more comprehensively through both narrative pathways. The sociocultural aspects in this story had a significant impact on Indonesian society during European colonization in the 19th century as it also influenced the people and the nation. Therefore, this study aims to examine the hierarchy of the social system in Indonesian society during Dutch colonization. Furthermore, it analyzes the influence of European culture in shaping Indonesian society in the film Bumi Manusia to reinforce Marxist theory. The research design employed in this study is qualitative, encompassing methods such as textual analysis of the novel Bumi Manusia, literature review, internet research on previous studies conducted, and film analysis of Bumi Manusia. Moreover, the approach used in this study is the Marxist theory, which is applied to highlight the sociocultural aspects present in the work Bumi Manusia. The sociocultural aspects of Indonesian society were affected during European colonization because European colonization brought about significant changes in Indonesia, both in society and the nation.*

**Keywords:** *comparison, culture, Europe, hierarchy, sociocultural*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Sosiobudaya ialah gaya hidup masyarakat yang hidup berdampingan dengan budaya dalam kehidupan seharian yang telah sebatu sebagai gaya hidup. Ia merupakan sebuah pegangan diri khalayak dalam himpunan intelektual dan kebendaan yang digunakan oleh masyarakat dalam mengembangkan pembangunan hidup masyarakat. Amalan yang merupakan sebuah gaya hidup dalam membentuk peradaban bagi masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam satu kelompok yang menyebabkan berlakunya pertukaran budaya yang dapat dipelajari antara masyarakat dalam membentuk sebuah peradaban bangsa. Di Malaysia, masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum yang telah menyebabkan amalan yang diamalkan oleh setiap kaum akan dipelajari dan mengambil tahu amalan tersebut untuk dipelajari. Kaum-kaum besar yang terdapat di Malaysia adalah, kaum Melayu, Cina, India dan pelbagai lagi kaum dan etnik yang terdapat di Malaysia yang membuatkan negara ini menjadi sebuah negara yang unik kerana pelbagai kaum dan budaya. Kepelbagaian ini membuatkan sosiobudaya di Malaysia semakin berkembang kerana setiap kaum saling hidup berdampingan bagi mengelakkan berlakunya sebarang masalah yang dapat merosakkan keharmonian dalam kelompok masyarakat.

Menurut Rahman Shaari (2001) novel adalah sebuah karya fiksi yang ditulis dengan patah perkataan yang panjang. Di mana, dalam sesebuah karya novel terdapat, watak, latar, plot, dan unsur-unsur yang boleh meningkatkan kualiti sesebuah karya. Jalan ceritanya mengandungi konflik, langkah untuk menyelesaikan konflik tersebut, puncak cerita dan peleraian sesebuah cerita tersebut. Fiksi adalah sebuah cereka iaitu cerita

rekaan yang dihasilkan daripada buah fikiran pengarang, novel dapat dikategorikan sebagai sebuah prosa naratif yang dihasilkan sama seperti sebuah cerpen yang dihasilkan. Jumlah patah perkataan dalam penulisan sesebuah prosa naratif adalah 20 000 – 50 000 patah perkataan yang dapat dikategorikan sebagai “novella” dan jika penulisan tersebut adalah lebih daripada 50 000 patah perkataan akan dikenali sebagai novel.

Menurut Siti Hajar (2009), pula, perkataan novel adalah berasal daripada perkataan Itali iaitu “novella” manakala dalam perkataan Sepanyol adalah “novela” dan novel dalam bahasa Perancis adalah “nouvelle” yang membawa makna sebuah kisah atau potongan berita yang ingin disampaikan kepada khalayak. Terdapat permasalahan dalam genre kesusasteraan pada abad ke-17 iaitu antara sebuah karya roman yang panjang dan novel pendek bagi definisi novel. Penulisan novel adalah panjang dan kompleks berbanding dengan penulisan cerpen dan mengandungi patah perkataan sebanyak 40 000. Novel bukanlah sebuah karangan yang berbentuk fakta yang ditulis dalam karya, penulis novel dikenali sebagai novelis. Pembikinan bahan sastera adalah tidak terhad dan filem juga termasuk dalam salah satu bahan pembikinan kesusasteraan warisan yang dikenali sebagai sastera dalam filem ataupun ianya lebih dikenali sebagai filem adaptasi.

Mahadi J Murat 2006 telah mendefinisikan, filem ialah sebuah imej yang dihasilkan dalam bentuk visual yang bergerak mempunyai unsur-unsur cerita yang dikarang oleh pengkarya yang mempunyai dialog, visual dan unsur bunyi yang dirakam menggunakan kamera serta ia diolah dalam pelbagai-bagai jenis mengikut kepentingan dan matlamat cerita tersebut yang ditayang di panggung wayang bentuk seni yang memaparkan cerminan yang berlaku dalam khalayak menerusi cetusan pemikiran dan perasaan yang tidak terbatas kepada manusia sahaja. Ia adalah bergantung kepada jenis cerita yang ingin dipaparkan kepada khalayak sama ada itu adalah cerita sebenar atau hanyalah rekaan daripada pengkarya yang diubahsuai mengikut ketentuan yang

dibenarkan dalam filem. Ia juga merupakan sebuah hiburan kepada khalayak di samping untuk memberi pengajaran dan mesej tertentu berdasarkan cerita tersebut.

Asiah Sarji, Fridah Ibrahim, & Mazni Buyung (1996) telah menyatakan bahawa Filem merupakan media baharu yang popular di negara ini, industri perfileman ini merupakan satu industri yang pada awalnya tidak berkembang dan tidak mendapat sambutan daripada khalayak yang menyebabkan ia tidak dapat berkembang sebagai satu industri yang besar. Industri filem di Malaysia menunjukkan tahap perkembangannya pada tahun 1960-an di mana pembikinan filem diketahui oleh konsep imej yang bergerak yang diterajui oleh seorang jurugambar British iaitu Easward Muybridge pada 1887, di mana beliau telah berjaya mengambil gambar siri seekor kuda yang sedang berlari.

Filem adaptasi merupakan sebuah filem yang telah dilakonkan dan diolah oleh pengarah berdasarkan sebuah novel yang telah dihasilkan oleh penulis. Pelbagai pendapat daripada tokoh-tokoh yang memberikan pandangan yang berbeza mengenai filem adaptasi ini. Francesco Casetti dalam tulisannya yang bertajuk *Adaptation and misadaptations: Film, literature and social discourses* menyatakan bahawa adaptasi ialah satu reappearance:

Within this reappearance, what matters is the development of a new communicative situation, more than simply the similarity or dissimilarity between the later and earlier events. Otherwise said, what matters is the new role and place that the later event takes on within the discursive field, more than the abstract faithfulness that it can claim with respect to the source text. (Casetti 2004, 82)

Berdasarkan pandangan Casetti di atas, adaptasi merupakan satu reappearance yang menciptakan sebuah bentuk yang baharu yang diambil daripada adaptasi yang tidak hanya menyentuh persamaan ataupun perbezaan yang terdapat dalam hasil adaptasi tersebut. Sebuah bentuk baharu yang tercipta daripada adaptasi adalah filem yang telah

diadaptasi yang diberikan perhatian kerana ianya merupakan sebuah platform yang akan membincangkan adaptasi yang telah berlaku iaitu, adaptasi daripada sebuah teks dalam novel kepada filem. Bentuk baharu ini akan mendapat perhatian daripada masyarakat kerana ianya lebih menarik untuk ditonton dan juga diteliti kerana filem yang diadaptasi merupakan campuran pelbagai bentuk seni yang dapat dilihat dalam sebuah filem adaptasi.

### **1.0.1 Filem Bumi Manusia**

Filem *Bumi Manusia* yang ditayangkan pada 2019 diarahkan oleh, Hanung Bramantyo dan skrip filem ini ditulis oleh Salman Aristo. Cerita ini adalah berkisarkan mengenai seorang lelaki peribumi Indonesia yang bernama Mingke yang jatuh cinta terhadap seorang gadis yang berdarah Belanda-Indonesia iaitu Annalise yang merupakan seorang gadis yang berasal daripada keluarga terhormat dalam kalangan masyarakat kerana ayahnya yang merupakan seorang yang berpengaruh yang berasal daripada Belanda. Percintaan mereka telah ditentang oleh ayahnya Annalise iaitu Tuan Mellema dan abangnya Robert kerana Mingke merupakan seorang lelaki pribumi Indonesia yang merupakan golongan bawahan dalam hierarki pemerintahan yang diperintah oleh Eropah. Percintaan Mingke dan Annalise dipersetujui oleh ibunya Annalise iaitu Nyai Ontosoroh yang lebih dikenali dengan panggilan Nyai, merupakan seorang Nyai yang berdarah Pribumi Indonesia. Bagi masyarakat Eropah kedudukan seorang pribumi Indonesia ataupun Nyai merupakan kedudukan bagi orang Indonesia yang dianggap mempunyai kedudukan yang rendah, kerana walaupun masyarakat pribumi Indonesia meniru cara berpakaian orang Eropah, mampu bercakap dalam



bahasa Eropah, namun mereka tetaplah golongan bawahan yang dipandang hina oleh orang Eropah. Namun situasi ini berbeza dengan Nyai Ontosoroh, pada awalnya beliau merupakan seorang hamba yang dijual oleh ayahnya kepada Tuan Mellema namun, Tuan Mellema telah merawatnya sejak kecil dengan memberi pendidikan dan mengajarnya dengan ilmu bidang perniagaan sehingga lah beliau dewasa dan dijadikan isteri oleh Tuan Mellama.

Nyai adalah seorang wanita tangguh yang mengerjakan perniagaan milik suaminya yang kini telah menjadi pencandu arak dan judi yang membuatkan Tuan Mellema telah hilang kewarasan kerana sehariannya beliau hanya meminum arak di rumah bordil (rumah pelacuran). Namun ia tidak menghalang bagi Mingke dan Annalise untuk melangsungkan perkahwinan bagi menghalalkan hubungan mereka. Masalah semakin rumit yang membuatkan hubungan perkahwinan Minke juga turut terlibat adalah selepas kematian Tuan Mellema yang terjadi secara misteri. Kematian Tuan Mellema membuatkan kehormatan yang dimiliki oleh Nyai Ontosoroh dalam kalangan masyarakat dipandang rendah oleh orang Eropah. Kematian suaminya menyebabkan seluruh ahli keluarga Nyai telah dipanggil ke mahkamah untuk mencari bukti kematiannya yang terbukti bahawa Tuan Mellema telah diberikan racun oleh pemilik rumah pelacuran yang selalu didatanginya.

Masalah tersebut tidak selesai pada tahap tersebut bahawa perkahwinan Tuan Mellema dan Nyai juga merupakan sebuah perkahwinan yang tidak sah dan tidak berdaftar di Eropah dan ini menyebabkan kelayakan Nyai Ontosoroh sebagai ibu juga telah dinafikan serta perkahwinan Minke dan Annalise juga dianggap tidak sah oleh mahkamah Eropah. Mingke dengan bakat tersembunyinya telah menulis akhbar bagi mendapatkan sokongan daripada masyarakat yang ditindas

oleh Eropah untuk bersama-sama membantu Nyai Ontosoroh serta perkahwinannya untuk mendapatkan keadilan yang sewajarnya. Mingke telah mendapatkan bukti daripada ahli agama Islam untuk membuktikan perkahwinannya dengan Annalise adalah sah namun ia dinafikan oleh mahkamah yang mengatakan bahawa perkahwinan Nyai Ontosoroh dengan Tuan Mellema adalah tidak sah yang membuatkan Nyai tidak mempunyai hak keatas Annalise termasuk untuk mengahwinkannya. Waris sah Annalise adalah Adik kepada Tuan Mellema iaitu Herman Mellema yang berada di Eropah dan akhirnya Annalise terpaksa dihantar pulang ke Eropah kepada waris sahnya untuk dijaga sehingga beliau cukup umur.

Pramoedya Ananta Toer atau lebih dikenali sebagai Pak Pram merupakan seorang sasterawan terulung yang pernah terdapat di Indonesia. Beliau merupakan anak sulung daripada seorang pengetua sekolah Institut Budi Oetomo yang telah berjaya menghasilkan lebih daripada 50 buah karya dan terdapat 41 terjemahan dalam bahasa asing di Dunia. Pak Pram pernah bekerja sebagai seorang juru tulis dan penyemak di syarikat berita Domei (LKBN ANTARA) semasa bekerja juga beliau telah berjaya menghasilkan artikel, puisi, cerpen dan juga novel yang membuatkan namanya dikenali dalam penulisan karya dan namanya sebaris dengan sastrawan dunia pada masa tersebut.

Novel *Bumi Manusia* merupakan novel pembuka dari Tetralogi Buru yang menjadi novel teragggung yang pernah dihasilkan oleh sasterawan tersebut yang menjadi sebuah cenderama budaya dan juga kesusasteraan Indonesia pada masa tersebut. Novel *Bumi Manusia* mengisahkan tentang pergolakan sosial pada era kolonialisme dan terdapat juga nilai nasionalisme yang diselitkan dengan humanistik yang diakui oleh pembaca dan dapat diambil oleh pembaca Karya ini telah dihasilkan

oleh beliau ditangkap dan dimasukkan dalam penjara yang membuatnya menjadi tahanan politik Order Baru di Pulau Buru, sebuah pulau di tengah kepulauan Maluku pada tahun 1969-1979. Beliau ditangkap selepas mengeluarkan karya yang bertajuk *Hoakiau* yang dianggap mengganggu keamanan negara dengan pro- komunis Tiongkok pada pemerintan Seoharto. Pramoedya Ananta Toer mendapat banyak penghargaan daripada pengkarya luar negara serta badan-badan penulisan karya luar yang menyukai dan mengangkat karya beliau, walaupun beliau dibenci dan dimusuhi oleh masyarakat Indonesia pada masa itu, penghargaan daripada dunia membuatkan beliau optimis dalam menghasilkan pelbagai karya.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Masalah sosiobudaya dalam filem atau novel *Bumi Manusia* kurang diteliti dengan lebih mendalam oleh mana-mana pengkaji baik di Malaysia mahupun di Indonesia. Kerana kebanyakan kajian yang dilakukan oleh setiap pengkaji adalah memfokuskan kepada perbezaan kelas sosial serta taraf kedudukan seseorang itu dalam masyarakat sewaktu penjajahan Eropah dan juga feminisme yang dapat dilihat dalam perwatakan Annalise dan juga Nyai Ontosoroh yang dapat dilihat dengan jelas dalam novel dan filem *Bumi Manusia*. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada sosiobudaya secara menyeluruh bagi untuk melihat aspek lain yang terdapat dalam filem dan juga novel *Bumi Manusia*. Sebagai contoh kajian daripada Ajeng Ayuning (2021) dalam kajiannya, yang bertajuk *Kajian Feminisme dalam Novel "Bumi Manusia" Karya Pramoedya Ananta Toer*, yang membahaskan mengenai sosok utama wanita yang terdapat dalam "*Bumi Manusia*" iaitu Nyai Ontosoroh dan juga Annalise.

Selain itu, permasalahan kajian yang kedua bagi kajian ini adalah kemasukan pengaruh budaya Eropah telah menyebabkan budaya masyarakat Indonesia itu mendapat perubahan dan percampuran budaya. Perubahan budaya ini dapat dilihat tidak hanya melalui budaya yang diamalkan oleh masyarakat, budaya juga terdapat dalam sistem sosial, politik dan juga ekonomi masyarakat. Justeru itu, kajian ini akan melihat kesan kemasukan budaya Eropah dalam masyarakat Indonesia dan dikukuhkan dengan penggunaan teori Marxisme dalam membuktikan permasalahan tersebut.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Terdapat dua persoalan kajian bagi kajian ini iaitu:

1. Apakah hierarki sistem masyarakat Indonesia sewaktu penjajahan Belanda?
2. Bagaimanakah kemasukan pengaruh budaya Eropah dalam mempengaruhi budaya masyarakat Indonesia dalam filem *Bumi Manusia*?

### **1.4 Objektif**

Terdapat dua objektif di dalam pelaksanaan kajian ini iaitu:

1. Mengkaji hierarki sistem sosial masyarakat Indonesia sewaktu penjajahan Belanda.
2. Menganalisis kemasukan pengaruh budaya Eropah dalam mempengaruhi budaya masyarakat Indonesia dalam filem *Bumi Manusia* bagi mengukuhkan teori Marxisme.

## 1.5 Batasan Kajian

Skop kajian yang pertama adalah meliputi teks daripada novel *Bumi Manusia* Karya Pramoedya Ananta Toer yang telah dimurnikan daripada karya asal dan diterbitkan pada tahun 2005 untuk menyelesaikan persoalan yang menjuruskan kepada objektif kajian. Skop kajian teks novel ini adalah berkisarkan di Tanah Jawa Timur pada abad-20 sewaktu penjajahan Belanda di Indonesia. Selain itu, skop kajian ini juga mengambil teks filem *Bumi Manusia* yang diterbitkan pada tahun 2019 bawah arahan pengarah Hanung Bramantyo dan skrip filem ini ditulis oleh Salman Aristo. Skop kajian teks dalam filem ini adalah dapat melihat dengan lebih jelas situasi seperti yang dipaparkan dalam novel *Bumi Manusia*.

Kajian ini menggunakan teori Marxisme dalam melakukan analisis dalam perbincangan teks yang dilakukan berdasarkan filem dan novel *Bumi Manusia*. Teori ini akan merangkumi setiap bahagian idea yang dibawa oleh Karl Marx pada abad ke-19 yang juga merupakan pelopor bagi teori ini. Teori Marxisme ini juga merupakan sebuah teori yang membawa serta menunjukkan aspek sosial, ekonomi, politik dalam setiap kajian yang dilakukan, yang melibatkan permasalahan dan pertentangan antara kelas sosial dalam masyarakat iaitu kelas atasan (bourgeoisie) dan kelas bawahan (proletariat) yang juga merupakan aspek yang utama yang dapat dilihat dalam kajian filem serta novel *Bumi Manusia* karya Pramoedya Ananta Toer.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk kembangkan kajian ilmu dalam bidang kesusasteraan. Ini adalah kerana kajian terhadap karya-karya sastera adalah semakin berkurang kerana, karya-karya sastera pada masa kini kurang mendapat sambutan. Tambahan pula, matapelajaran sastera pada peringkat sekolah juga semakin tidak mendapat sambutan. Ini adalah kerana mengikut dasar kerajaan yang menekankan bidang sains tulen, ekonomi, serta akaun yang menjadi mata pelajaran yang paling dititik beratkan. Justeru itu, dengan adanya kajian seperti ini, ilmu bagi kajian sastera dapat disampaikan kepada khalayak serta dapat menarik minat khalayak untuk membaca dan mengkaji karya-karya sastera untuk mengangkat kembali martabat ilmu sastera umumnya di dunia dan khususnya di Malaysia.

Kajian dalam ilmu bidang sastera bukan sahaja untuk mengembangkan ilmu bidang sastera malahan ia juga dapat kembangkan ilmu dalam bidang-bidang ilmu yang lain. Ini kerana, karya-karya sastera bukan sahaja membincangkan mengenai kesusasteraan malahan sejarah, warisan, budaya serta geografi dan banyak lagi bidang turut dimasukkan dalam karya sastera. Justeru itu, ilmu dalam bidang lain juga dapat dikembangkan seiring dengan perkembangan ilmu sastera. Mengapa banyak bidang ilmu yang digabung dalam karya sastera adalah kerana, umum mengetahui khalayak amat kurang untuk meminati untuk mempelajari ilmu yang berkaitan dengan sejarah, warisan dan lain-lain jika tidak mempunyai keperluan untuk mempelajarinya. Oleh itu, seiring perkembangan ilmu sastera, perkembangan dalam bidang ilmu yang lain juga turut dapat dilakukan supaya lebih banyak pengetahuan yang dapat diperolehi dalam masa yang sama.

Kajian ini juga memberikan kepentingan kepada masyarakat kini. Ini adalah kerana, kajian ini adalah berkisarkan mengenai penjajahan yang berlaku di Indonesia, namun ianya boleh diambil iktibar oleh masyarakat Malaysia agar perkara yang saya tidak terjadi di Malaysia buat kali yang kedua. Dalam kajian ini juga turut memaparkan mengenai perjuangan untuk mendapatkan keadilan yang sewajarnya jika hak dan keadilan yang seharusnya kita dapatkan dinafikan oleh pihak tertentu. Jadi ia boleh menjadikan hal tersebut sebagai pengajaran serta membuka minda khalayak untuk turut mendapatkan keadilan yang seharusnya didapatkan namun haruslah melalui saluran yang betul agar perkara tersebut dapat dielakkan pada masa yang akan datang.

## **1.7 Metodologi Kajian**

### **1.7.1 Kaedah Kajian**

Metodologi kajian merupakan cara ataupun kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam melakukan sebarang kajian untuk melengkapkan objektif serta matlamat kajian. Metodologi ini juga merupakan satu garis panduan yang akan digunakan supaya setiap kajian yang dilakukan akan lebih sistematik untuk mencapai objektif kajian ini.

Kajian ini akan memfokuskan kepada kajian teks terhadap novel (2005) serta filem (2019) *Bumi Manusia* iaitu sebuah kaedah kualitatif yang merupakan kaedah analisis teks, untuk melengkapkan objektif kajian yang telah ditetapkan sepanjang kajian ini. Kajian teks ini adalah merangkumi teks-teks novel *Bumi Manusia* serta kajian-kajian terhadap kajian lepas yang pernah dilakukan mengenai *Bumi Manusia*. Analisis kajian ini akan diperkukuhkan dengan pendekatan teori yang akan digunakan bagi kajian ini.

Kaedah kajian kepustakaan yang dilakukan dalam kajian ini adalah untuk mencari sumber-sumber yang terdapat dalam teks-teks di perpustakaan untuk melengkapkan kajian ini. Teks-teks yang diambil adalah teks kajian lain untuk melihat bagaimana perbandingan antara novel dan filem dilakukan serta kajian-kajian terhadap novel *Bumi manusia* yang pernah dilakukan.

Kaedah analisis filem adalah, untuk menghayati filem *Bumi Manusia* dengan lebih mendalam untuk mengambil pelbagai sudut pandang yang terdapat dalam filem untuk melakukan perbandingan antara filem dan juga teks yang terdapat dalam novel. Ini kerana, filem adaptasi yang dihasilkan adalah tidak sama seperti yang terdapat dalam novel. Jadi analisis filem ini dapat memperkuatkan lagi perbandingan novel dan filem dalam kajian ini.

Kaedah kajian internet digunakan adalah untuk mencari maklumat mengenai sumber kajian novel dan filem *Bumi Manusia* yang telah dikaji oleh pengkaji yang lepas serta kajian terhadap teori Maxisme yang pernah dikaji sebelumnya. Selain itu, sumber internet juga digunakan sebagai medium untuk mencari maklumat mengenai kajian bandingan yang pernah dilakukan tidak mengambil kira novel dan filem yang dikaji.



### 1.7.2 Kerangka Teori

Teori Marxisme oleh Karl Marx



**Rajah 1:** Kerangka Teori Marxisme oleh Karl Marx

### 1.8 Organisasi Kajian

Dalam struktur kajian dalam Bab 1 ini mengandungi beberapa perkara iaitu, pengenalan yang menerangkan serba ringkas mengenai maksud sosiobudaya serta penerangan ringkas mengenai filem adaptasi. Selain itu juga dalam pengenalan terdapat juga sinopsis ringkas mengenai *Bumi Manusia*. Seterusnya, terdapat juga permasalahan kajian dalam kajian ini, iaitu masalah yang mendorong kajian ini dilakukan iaitu, pada dasarnya kajian dalam aspek sosiobudaya tidak pernah dilakukan secara menyeluruh oleh mana-mana pengkaji serta, kebanyakan kajian yang dilakukan adalah mengenai feminisme yang terdapat dalam novel dan filem *Bumi Manusia*. Justeru itu, permasalahan kajian yang dinyatakan telah mendorong dalam kajian ini.

Selanjutnya, terdapat objektif kajian sebagai rujukan dalam melakukan kajian ini supaya kajian yang dilakukan tidak terpesong daripada tujuan kajian ini, iaitu Mengkaji hierarki sistem sosial masyarakat Indonesia sewaktu penjajahan Belanda dan Menganalisis kemasukan pengaruh budaya Eropah dalam mempengaruhi budaya masyarakat Indonesia dalam filem *Bumi Manusia* bagi mengukuhkan teori Marxisme. Dalam kajian ini terdapat juga skop dan batasan kajian supaya kajian ini tidak memasuki aspek yang diluar daripada faktor kajian. Disamping itu, kajian ini juga mempunyai beberapa kepentingan kajian iaitu, kepentingan terhadap bidang ilmu sastera, bidang ilmu yang lain serta kepentingan terhadap masyarakat. Akhir sekali, terdapat juga metodologi kajian yang membawa segala kaedah kajian yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini.

Selain itu, pada Bab 2 akan menyenaraikan sorotan kajian yang pernah dilakukan oleh setiap pengkaji yang terdapat baik di Malaysia dan Indonesia. Dalam sorotan kajian ini, pengkaji telah membahagikan kepada tiga aspek iaitu, sorotan kajian terhadap filem dan novel *Bumi Manusia*, keduanya adalah mengenai sorotan kajian filem adaptasi dan akhir sekali soroton kajian terhadap teori Marxisme.

Disamping itu, dalam Bab 3 akan menerangkan mengenai kerangka teori Marxisme seperti yang terdapat dalam Bab 1. Dan penerangan ini akan dilakukan secara menyeluruh terhadap pecahan yang terdapat dalam Teori Marxisme.

Pada Bab 4 akan menerangkan analisis kajian terhadap sosiobudaya yang terdapat dalam novel dan filem *Bumi Manusia*. Objektif kajian akan digunakan sebagai panduan dalam melakukan kajian supaya setiap analisis kajian yang hendak dilakukan tidak lari daripada tujuan asal daripada kajian ini.

Akhir sekali, pada Bab 5 akan menerangkan secara keseluruhan kesimpulan kajian bagi kajian ini berdasarkan daripada hasil kajian yang telah dilakukan. Dalam bab ini juga akan memiliki penilaian pengkaji terhadap kajian ini pada masa akan datang.

### **1.9 Kesimpulan Bab**

Kesimpulannya, filem dan novel *Bumi Manusia* mempunyai pelbagai perspektif yang dapat difokuskan dalam kajian ini. Ini kerana, *Bumi Manusia* adalah sebuah jalan cerita yang memfokuskan kepada latar sejarah yang terjadi di Indonesia. Banyak pengajaran yang dapat diambil oleh pembaca dan pengkaji yang mengkaji mengenai *Bumi Manusia*. Ini kerana, ia memaparkan kepada masyarakat apa yang harus dilakukan jika berlaku penjajahan pada masa hadapan.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Pengenalan

Pada bahagian ini akan menghuraikan sorotan kajian lepas yang berdasarkan kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji yang lain. Sorotan kajian lepas merujuk kepada ringkasan atau analisis singkat mengenai kajian atau penelitian yang telah dilakukan sebelumnya dalam bidang tertentu. Sorotan ini bertujuan untuk menyajikan pandangan umum tentang apa yang telah diketahui atau ditemukan oleh penelitian-penelitian sebelumnya, dan seringkali menjadi langkah awal dalam proses penyelidikan atau penelitian yang lebih mendalam. Sorotan kajian akan dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu, kajian filem dan novel *Bumi Manusia*, kajian teori Marxisme dan juga kajian adaptasi novel kepada filem.

#### 2.1 Kajian Filem Dan Novel *Bumi Manusia*

Ajeng Ayuning 2021 dalam kajiannya, yang bertajuk Kajian Feminisme dalam Novel “Bumi Manusia” Karya Pramoedya Ananta Toer, yang membahaskan mengenai sosok utama wanita yang terdapat dalam “Bumi Manusia” iaitu Nyai Ontosoroh dan juga Annalise. Biarpun Nyai merupakan seorang wanita pribumi Indonesia dan juga merupakan seorang “gundik” kepada Tuan Mellema, beliau merupakan seorang wanita yang bebas melakukan setiap perkara yang beliau inginkan. Iaitu, beliau dapat mengelolakan pertanian dan perternakan yang diusahakan olehnya serta Annalise serta mereka sebagai ibu dan anak mempunyai pengetahuan yang amat luas dalam membantu masyarakat pribumi yang lain dengan memberikan mereka peluang pekerjaan.

Masyarakat tidak mengetahui Nyai Ontosoroh serta Annalise mengalami kehidupan yang amat buruk sebelum mereka dapat bangkit dan memperjuangkan hak mereka sebagai wanita. Ini seperti, Nyai merupakan seorang anak dan wanita yang dijual oleh ayahnya sendiri kepada pihak Belanda untuk dijadikan hamba serta Annalise biarpun beliau seorang wanita yang memiliki darah keturunan Belanda, namun martabatnya sering direndahkan dan pernah diperkosa oleh abang kandungnya sendiri. Namun Annalise dan Nyai bangkit kembali dalam memperjuangkan hak mereka serta membantu masyarakat yang lain.

Ari Ratu, Kamajaya Al katuk, dan Intama Jemmy Polii 2020 dalam kajian yang bertajuk, Semiotika Perubahan Sikap Tokoh Annelies dalam Film “Bumi Manusia” Karya Hanung Bramantyo”, memaparkan watak Annalise yang merupakan seorang wanita yang mendepani banyak cabaran bersama-sama dengan suaminya Minke. Annalise amat mencintai tanah kelahiran iaitu Tanah Jawa walaupun Tanah kelahirannya itu telah dijajah oleh kerabat Eropah yang lain namun beliau amat mencintai tanah kelahirannya tersebut, beliau dengan sedaya upaya ingin membantu masyarakat pribumi yang lain supaya dapat mengubah martabat mereka dengan memberi pendidikan dan pekerjaan. Dengan sikapnya yang seperti itu, beliau telah bertemu dengan suami tercintanya dan hubungan antara seorang anak dan ibu kembali bertaut. Namun, kegembiraan yang diterima olehnya tidak dapat bertahan dengan lama selepas kematian ayahnya Tuan Mellema yang telah memberikan impak yang amat besar kepada keluarganya dan memecahbelahkan keharmonian keluarga tersebut. Di mana, Annalise terpaksa dihantar pulang ke Tanah Eropah kembali yang merupakan sebuah mimpi ngeri baginya jika kembali pulang ke Tanah Eropah.

Krisna Arif 2018 dalam kajiannya mengenai Sikap Hidup Wanita Jawa Pada Tokoh Nyai Ontosoroh Dalam Novel Bumi Manusia, menghuraikan mengenai sikap wanita Jawa yang terdapat pada Nyai Ontosoroh, biarpun Nyai seorang isteri kepada seorang bangsawan Eropah iaitu Tuan Mellema, namun Nyai masih tidak melupakan asal usulnya sebagai seorang wanita pribumi Tanah Jawa. Ini dapat dilihat dari segi pemakaian yang dikenakan olehnya, Nyai masih memakai sepasang kebaya yang merupakan pakaian tradisi masyarakat Jawa pada zaman tersebut. Selain itu, terdapat juga sulaman bunga yang dikenakan oleh Nyai pada rambutnya sebagai hiasan bersama dengan susuk rambutnya. Selain itu, Nyai masih menggunakan bahasa pribumi dalam perbualan dengan masyarakat yang lain, termasuk dalam menguruskan pertanian dan penternakannya. Ini kerana, Nyai masih tidak melupakan asal usulnya daripada keluarga yang susah. Nyai merupakan seorang wanita dan anak yang dijual oleh orang tuanya kepada keluarga Belanda iaitu suaminya Tuan Mellema demi mendapatkan wang. Namun, walaupun beliau sudah memasuki keluarga Tuan Mellema sebagai hamba, beliau masih tidak melupakan asal usulnya. Walaupun beliau sudah mendapat kesenangan dibalut dengan kedukaan, beliau tidak lupa untuk membantu masyarakat pribumi yang lain. Kerana bagi beliau masyarakat pribumi itu adalah keluarganya, jika dia tidak membantunya siapa lagi yang akan membantu mereka.

Risnawati, Anshari, dan Aslan Abidin 2016, yang bertajuk Pertentangan Dan Kesedaran Kelas Dalam Novel Bumi Manusia Karya Pramoedya Ananta Toer (Pendekatan Teori Marxis), menghuraikan tentang kesedaran masyarakat pribumi Indonesia dengan keadaan sosial yang tidak wajar terhadap mereka. Situasi penentangan kelas dapat dilihat dengan jelas terhadap watak Minke yang merupakan seorang pelajar di samping juga seorang penulis secara senyap yang mengkritik tentang ketidakadilan yang diterima oleh masyarakat pribumi yang dilayan secara berat sebelah oleh

pemerintahan Belanda. Minke dengan lantang mengkritik pemerintahan Eropah yang melakukan kaum pribumi secara tidak wajar dan hak kaum pribumi juga dinafikan oleh mereka. Selepas kematian Tuan Mellema, Minke, Annalise serta Nyai Ontosoroh menghadapi masa-masa yang amat sukar bagi mereka, apabila hak mereka telah dinafikan oleh pihak Eropah. Setelah itu, Minke dengan lantang menulis di akhbar-akhbar tempatan supaya masyarakat setempat turut menentang ketidakadilan Eropah. Selain itu, semua masyarakat pribumi Indonesia bersatu menentang Eropah apabila ia menyentuh hak dan berkaitan dengan hal-hal agama. Ini kerana, agama adalah perkara utama yang tidak boleh disentuh.

Seterusnya berdasarkan Hanifah Julman dan Haris Supratno 2022 dalam kajiannya yang bertajuk Nilai-Nilai Moral Dalam Filem Bumi Manusia Yang Disutradarai Oleh Hanung Bramantyo menyatakan banyak nilai yang boleh diperoleh daripada filem Bumi Manusia terhadap masyarakat kini. Salah satunya adalah kejujuran, kejujuran dapat dilihat pada watak Annalise yang jujur kepada Minke mengenai latar belakang ibu bapanya serta ahli keluarganya. Serta kejujuran dapat dilihat juga Annalise jujur terhadap Minke bahawa keperawanannya sebagai seorang wanita telah diambil oleh abang kandungnya secara paksa namun hal tersebut tidak diketahui oleh sesiapa pun. Namun Annalise jujur kepada Minke kerana Minke merupakan buah hatinya yang sangat dicintai oleh Annalise. Sifat kejujuran dan berdasarkan sejarah Annalise yang membuatkan Minke lebih menyayanginya dan menjadikan Annalise sebagai isteri yang sah. Walaupun sulit pada awalnya untuk Minke menerima kebenaran tersebut namun sifat kejujuran telahpun mengubah segala-galanya. Terdapat juga nilai-nilai lain seperti, bertanggungjawab, menjadi diri sendiri, berdikari dan banyak lagi nilai-nilai yang dapat diambil dalam filem Bumi Manusia.

Dalam kajian yang bertajuk Penggunaan Makian Dalam Filem Bumi Manusia: Kajian Sociolinguistik oleh Khairunnisa dan Sisti Damayanti tahun 2022 menyatakan dalam filem Bumi Manusia terdapat banyak penggunaan unsur-unsur yang tertentu bagi memantapkan penyampaian filem terbabit. Sifat yang dibawa oleh setiap watak bagi menjayakan filem terbabit harus diberikan pujian oleh masyarakat. Ini kerana, agak sukar bagi para pelakon untuk membawakan sesuatu watak yang memerlukan seseorang pelakon tersebut untuk membawa banyak aspek terutamanya adalah aspek makian. Unsur makian jika difahamkan secara mudahnya, adalah unsur yang membawa nada yang marah, dalam filem Bumi Manusia dapat dilihat banyak unsur makian. Sebagai contoh, watak Nyai Ontosoroh yang memarahi suaminya yang menghina Minke dan masyarakat pribumi apabila suaminya tersebut pulang ke rumah dalam keadaan yang mabuk. Contoh bahasa makian yang digunakan terdapat yang agak kasar dan juga berlapik. Sebagai contoh, monyet, goblok, berengsek, gemblung, biadab, setan dan banyak lagi contoh-contoh makian yang dapat dilihat dalam filem ini. Namun, menggunakan unsur makian ini adalah untuk menghidupkan suasana dan jalan cerita yang telah ditetapkan supaya cerita tersebut dapat memberikan kesan kepada masyarakat yang menonton.

Dalam novel Bumi Manusia dapat dilihat dengan jelas aspek rasisme yang ditekankan oleh penulis. Fauzi Ridwan dan Kunto Sofianto 2019 dalam kajian yang bertajuk Rasisme Dalam Novel Bumi Manusia Karya Pramoedya Ananta Toer: Kajian Sosiologi Sastra juga menekankan aspek rasisme yang terdapat dalam karya Pramoedya Ananta Toer ini. Dalam kajian ini menerangkan sewaktu zaman kolonial masyarakat tempatan alami peristiwa rasis yang dilakukan oleh Eropah terhadap masyarakat Pribumi. Masyarakat Eropah merupakan golongan yang memerintah dan mempunyai darjat yang tinggi dalam pemerintahan jadi masyarakat pribumi harus mematuhi setiap perkataan yang keluar dari mulut masyarakat Eropah. Manakala masyarakat pribumi merupakan



masyarakat yang diperintah yang memiliki status yang amat rendah dalam kelompok masyarakat. Sektor ekonomi juga dikuasai oleh Eropah yang mana menjadikan masyarakat pribumi yang tiada status sebagai hamba dan buruh sahaja. Jadi dapat disimpulkan pada zaman tersebut masyarakat pribumi Indonesia terpaksa menghadapi rasisme yang dilakukan oleh Eropah kepada mereka.

Nur Hastuti 2018 dalam kajiannya, Novel Bumi Manusia Karya Pramoedya Ananta Toer Kajian Sosiologi Sastra yang menghuraikan mengenai hubungan antara masyarakat pribumi dengan masyarakat Eropah dalam masa peralihan abad yang ke-20. Masyarakat pribumi harus menghormati masyarakat Eropah kerana bagi mereka Eropah adalah tuhan ataupun dewa yang memberi mereka makan dan juga tempat tinggal kepada masyarakat pribumi. Dalam masa yang sama, masyarakat Eropah memiliki tahap pendidikan yang tinggi serta dalam sektor pendidikan warga Eropah yang menjadi guru-guru di sekolah bagi bangsa Eropah ataupun masyarakat pribumi yang memiliki peluang untuk belajar. Terdapat juga bangsa Eropah yang memiliki hati yang baik yang membantu masyarakat pribumi yang lain, ini dapat dilihat dalam watak Annalise yang biarpun beliau merupakan seorang gadis yang mempunyai darah keturunan Eropah yang merupakan penguasa ke atas kaum pribumi. Namun beliau tidak melakukan apa-apa perkara yang membebaskan masyarakat pribumi malahan, beliau dan keluarganya memberikan pendidikan serta perlindungan dan pertolongan kepada mereka jika memerlukan. Ini dapat dilihat tidak semua warga Eropah yang memperlakukan masyarakat pribumi secara kasar, sebagai contoh juga, guru Minke yang berbangsa Eropah memuji dan mendokong beliau selepas mengetahui bahawa Minke merupakan seorang penulis secara senyap yang mengkritik pemerintahan Eropah. Dapat disimpulkan disini, hubungan antara dua bangsa ini mempunyai pro dan juga kontra yang tersendiri bagi pembaca.

Manusia Dan Budaya Jawa Dalam Roman Bumi Manusia: Eksistensialisme Pemikiran Jean Paul Sartre, tajuk kajian diatas merupakan sebuah kajian yang dilakukan oleh Puji Retno Hardiningtyas 2015. Dapat dilihat dalam novel atau filem Bumi Manusia yang memaparkan secara jelas mengenai budaya jawa yang masih terdapat pada zaman tersebut. Walaupun telah terdapat pemerintahan Eropah, masih terdapat masyarakat yang mengamalkan budaya Jawa berbanding dengan budaya Eropah. Tidak dinafikan, terdapat masyarakat pribumi yang terikut dengan budaya Eropah sehinggakan mereka tidak menerangkan mengaku masyarakat pribumi itu adalah keluarganya sendiri tetapi mengagungkan budaya dan pemikiran Eropah. Budaya yang dapat dilihat dalam Bumi Manusia ini adalah dari segi, pertuturan, pemakaian bagi lelaki dan juga wanita dan juga agama. Malahan ditunjukkan juga pemerintahan tradisional yang terdapat dalam masyarakat Jawa namun ianya juga turut dikuasai oleh Eropah. Selepas peristiwa berlaku dan berlaku dan adanya melibatkan budaya dan masyarakat pribumi, watak Minke memainkan peranan yang sangat penting bagi membuka mata masyarakat pribumi untuk mempertahankan budaya Jawa itu sendiri. Dan mempertahankan juga hak yang seharusnya dimiliki oleh masyarakat pribumi serta masyarakat pribumi seharusnya berganding bahu dalam segala hal dan saling melindungi antara satu sama lain supaya masyarakat Eropah tidak dengan sewenang-wenangnya melakukan hal-hal yang boleh memecahbelahkan masyarakat pribumi.

Lela Irayani dan Joni Helandri 2021 dalam kajian yang bertajuk Analisis Komunikasi Antar Budaya Dalam Filem Bumi Manusia yang mengenai komunikasi yang dilakukan melalui antara budaya. Ini dapat dilihat sewaktu Minke pada mula ke rumah Annalise dan Minke berkenalan dengannya. Dan Minke berjabat tangan dengan Annalise dan memberitahu namanya kepada Annalise. Bagi orang Eropah mereka memiliki nama keluarga pada awalan atau akhiran namanya namun bagi orang Indonesia dan pribumi

tidak memiliki nama keluarga pada Awalan atau akhiran nama mereka. Bagi keturunan Eropah yang memiliki nama keluarga, mereka amat memandang tinggi kepada keturunan yang memiliki nama keluarga yang baik atau terhormat. Namun pada Eropah pribumi Indonesia adalah masyarakat yang rendah dan hina dan tidak layak untuk bersama-sama dengan kaum Eropah. Oleh itu, Eropah menindas dan menjadikan kaum pribumi ini sebagai hamba mereka dan hak kaum pribumi dinafikan oleh Eropah, seperti yang dapat dilihat dapat filem Bumi Manusia oleh Hanung Bramanyanto.

Tri Mike Aprila 2022 dalam kajiannya Gaya Bahasa Hiperbola Dalam Novel Bumi Manusia Karya Pramoedya Ananta Toer yang menerangkan mengenai penggunaan gaya bahasa yang dianggap berlebihan dalam menghasilkan novel Bumi Manusia. Penggunaan gaya bahasa yang digunakan adalah untuk menguatkan dan mengukuhkan jalan cerita yang dihasilkan. Sebagai contoh penggunaan gaya bahasa yang digunakan adalah untuk “menegaskan” penggunaan ini adalah untuk menegaskan pernyataan yang terdapat dalam novel. Penegasan ini dapat dilihat dengan sangat jelas melalui filem yang telah dihasilkan. Penegasan ini adalah sebagai menguatkan dan memberi semangat bagi pembawa watak. Ini kerana, bagi menghasilkan penghayatan watak yang baik, penggunaan gaya bahasa yang menegaskan ini adalah diperlukan. Selain itu, gaya bahasa adalah untuk memberikan unsur puitis dalam jalan cerita. Unsur puitis ini dapat dilihat dalam suasana romantik yang terdapat dalam novel Bumi Manusia, ini adalah untuk memberi keindahan bagi sesuatu perkataan yang digunakan. Serta, puitis ini bukan juga untuk suasana romantis sahaja, gaya bahasa yang puitis juga adalah untuk memberi semangat kepada seseorang dan orang sekeliling.

Erfi Firmansyah 2013, dalam kajiannya Refleksi Budaya Jawa dalam Novel Bumi Manusia dan Anak Semua Bangsa Karya Pramoedya Ananta Toer: Perspektif Filsafat yang menerangkan bahawa Jawa mempunyai falsafah dan pemerintahan yang baik namun

ianya terlalu lemah. Tidak dinafikan Jawa mempunyai pemerintahan dan falsafah atau penulis yang sangat baik namun ia lemah jika dengan kuasa yang besar. Dari struktur pemerintahan Jawa, mereka mempunyai sistem pentadbiran yang tersendiri yang menguruskan masyarakat, seperti mereka mempunyai sistem kehakiman sendiri, sistem agama, masyarakat, ekonomi dan banyak lagi. Namun, kedatangan kuasa besar seperti Eropah telah menyebabkan sistem pemerintahan telah bercampur dengan pemerintahan barat. Ini kerana, sewaktu kedatangan Eropah adalah untuk membantu pribumi Jawa dan Indonesia yang lain dalam ekonomi dan pemerintahan untuk memajukan ekonomi setempat. Namun, Eropah telah mengambil niat baik pemerintahan pribumi dengan memasukan pemerintahan Eropah. Oleh itu pemerintahan Eropah telah berkuasa di tanah Jawa dan keseluruhan Indonesia. Dari segi penulisan yang dihasilkan oleh penulis tempatan amat menarik dan kuat, namun sejak kedatangan Eropah, seperti yang dapat dilihat dalam novel Bumi Manusia, watak Minke merupakan seorang penulis yang terkenal. Namun, dengan adanya sekatan daripada Eropah terhadap penulis tempatan untuk menulis, jadi keadaan memaksa Minke untuk membuat penulisan secara dalam diam. Itu adalah bertujuan untuk mengelakkan Eropah dapat mengetahui jika terdapat penulis tempatan yang menulis untuk menghasut masyarakat pribumi yang lain dengan ideologi yang membangkitkan masyarakat untuk menentang Eropah.

Ira Rahayu dan Tri Pujiatna 2016 yang bertajuk, Analisis Novel Bumi Manusia Karya Pramoedya Ananta Toer Dengan Kajian Feminisme yang mengkaji berdasarkan kebangkitan kaum wanita berdasarkan novel Bumi Manusia. Feminisme ini dapat dilihat apabila kaum wanita mula bangkit daripada penindasan yang dilakukan oleh kaum lelaki yang menganggap kaum wanita adalah kaum yang lemah dan hanya pemuas kaum lelaki. Kebangkitan kaum wanita ini terjadi apabila kaum wanita yang pernah teraniaya tidak lagi ingin berada dalam situasi tersebut yang menyebabkan kaum wanita berusaha untuk

mengubah kehidupan mereka. Watak yang amat jelas dalam novel Bumi Manusia adalah watak Annalise dan juga ibunya Nyai Ontosoroh. Nyai Ontosoroh merupakan wanita yang berasal daripada keluarga yang miskin dan kemudiannya dia dijual oleh ayah kandungnya sendiri kepada Tuan Mellema. Setelah masuk ke Keluarga Tuan Melemma Nyai dijadikan hamba namun, beliau diberikan pendidikan dan pengetahuan dalam menguruskan pertanian dan perladangan. Setelah besar beliau dijadikan isteri oleh Tuan Mellema. Nyai menjadikan situasi di mana beliau masuk ke dalam keluarga Tuan Melemma untuk mengubah hidupnya supaya kehidupannya serta keluarganya boleh berubah. Annalise pula merupakan seorang yang pernah diperlecehkan oleh abang kandungnya yang menyebabkan Annalise trauma dan bermula daripada itu Annalise bangkit untuk melupakan setiap perkara yang terjadi untuk menjadikan dirinya sebagai wanita yang kuat dan berpendidikan sehingga tiada siapa yang boleh melawannya. Ini menunjukkan apabila kaum wanita bangkit setiap perkara yang tidak boleh mereka lakukan mereka akan lakukan sehingga mereka berjaya.

Interpretasi Feminisme Tokoh Nyai Ontosoroh Dalam Novel Bumi Manusia  
Tulisan Pramoedya Ananta Toer Pada Komposisi Musik Ontosoroh Karya Peni Candra Rini oleh Peni Candra Rini 2019. Nyai Ontosoroh sememangnya memiliki liku-liku kehidupan dari masa kecil yang amat memeritkan baginya. Ini adalah kerana, beliau merupakan seorang anak gadis kecil yang berasal daripada keluarga yang amat susah untuk mendapatkan makanan sewaktu penjajahan Eropah. Ayah kandung Nyai menjualnya kepada keluarga kaya yang bersalah daripada Eropah iaitu Tuan Mellema. Tuan Mellema merupakan seorang bangsawan yang kaya yang berasal daripada Belanda yang masuk ke Tanah Jawa sewaktu penjajahan. Tuan Mellema telah membeli Nyai daripada keluarganya dengan jaminan wang dan juga bekalan makanan. Setelah masuk dalam keluarga Tuan Mellema dalam umur yang sangat muda sebagai seorang hamba dan

juga seorang gundik bagi keluarga tersebut. Namun, nasib amat meyebelahi Nyai kerana Tuan Mellema adalah seorang yang baik hati yang memberikan Nyai pendidikan dan juga pengetahuan dalam bidang perniagaan. Daripada itu, Nyai telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengubah hidupnya pada masa hadapan. Ini dapat dibuktikan apabila beliau berjaya untuk menjadi seorang pengusaha pertanian dan penternakan yang berjaya di kampungnya. Sehingga beliau dihormati oleh orang sekeliling, beliau juga membantu masyarakat pribumi yang lain dalam menyediakan peluang pekerjaan.

Diskriminasi Terhadap Nilai Feminisme Dalam Novel Bumi Manusia Karya Pramoedya Ananta Toer oleh Teguh Alfidzin, Ida Ayu Made Wedasuwari, dan I Gusti Ayu Putu Tuti Indrawati tahun 2021. Diskriminasi terjadi dalam pelbagai bentuk yang menyebabkan kaum yang ditindas bangkit kembali untuk menentang dan menuntut keadilan. Ini adalah seperti diskriminasi dalam ekonomi yang dihadapi oleh kaum pribumi, kaum pribumi tidak kira lelaki atau wanita akan ditindas dalam ekonomi dan akan menjadi hamba kepada pihak Eropah. Kaum pribumi akan bekerja bagi menghasilkan wang untuk majikan mereka dan mereka akan dijadikan hamba buat selama-lamanya dan hak mereka juga akan dinafikan seperti tidak diberikan cuti dalam tempoh bekerja. Ini menunjukkan diskriminasi yang dihadapi oleh kaum pribumi dalam sektor ekonomi. Selain itu, terdapat juga diskriminasi dalam hukum dan politik tempatan. Dalam sektor keadilan dan politik juga terjadi diskriminasi terhadap kaum pribumi di mana bagi sektor keadilan lebih memberatkan kepada Bangsa Eropah dan kaum pribumi tempatan tidak mempunyai peluang bagi mendapatkan keadilan yang seharusnya mereka dapatkan. Begitu juga dengan sektor politik juga dikuasai oleh Eropah dan kaum pribumi yang mempunyai jawatan dalam politik juga tidak akan berkuasa dalam politik kerana nama hanya bagi jawatan bukan kuasa. Ini dapat dilihat diskriminasi yang terjadi dalam Bumi Manusia.

## 2.2 Kajian Teori Marxisme

Menurut, Wijaya, E. 2008 dalam kajiannya Pengantar Mengenai Teori Marxis Tentang Hukum yang menjelaskan mengenai, hukum merupakan salah satu daripada politik. Ini kerana bagi orang-orang yang berkuasa dalam politik akan dapat keistimewaan dan mempunyai kuasa dalam menentukan hukum. Serta bagi sebilangan yang berkuasa dalam politik, jika melakukan kesalahan hukum tidak akan terjadi ke atas dirinya dan hukum tidak akan berlaku selagi dirinya mempunyai kuasa dalam politik. Orang yang berkuasa dalam politik mempunyai kuasa yang mutlak dalam menentukan bidang hukum bagi pentadbirannya. Ini kerana, hukum yang akan menjamin kelancaran kuasa seseorang itu dalam politik dan mengawal ekonomi dan akan menguatkan lagi kuasa seorang ahli politik tersebut. Bidang hukum juga merupakan satu bidang yang memberi satu pengaruh yang amat besar dalam mencorak dan mencerminkan kekuasaan yang ada dalam mengawal politik dan juga ekonomi. Hanya kelompok yang berkuasa sahaja yang dapat mengawal dan menjalankan hukum. Bagi kelompok yang tidak mempunyai kuasa dan berada dalam kelas masyarakat yang sederhana atau tidak mampu mereka tidak akan dapat mengawal hukum dan jika ingin hukum memihak kepada mereka, mereka harus mengeluarkan banyak wang bagi membeli hukum supaya hukum dapat memihak kepada mereka.

Putri, S. E. 2014 dalam kajian yang bertajuk, Perjuangan Kelas Proletar dalam Novel Kani Kousen Karya Kobayashi Takiji melalui Pendekatan Teori Marxisme yang menjelaskan mengenai, bagaimana perjuangan yang dilakukan oleh golongan nelayan yang ditindas oleh yang berkuasa. Perjuangan yang dipaparkan oleh golongan nelayan yang bekerja di kilang pemprosesan ketam yang sentiasa ditekan oleh majikan dalam melakukan pekerjaan. Pihak atasan melakukan kekerasan terhadap golongan nelayan menggunakan kuasa mereka untuk memaksa para nelayan bekerja secara lebih masa dan

bayaran yang dikenakan juga adalah tidak berpatutan. Oleh itu para nelayan yang tertindas mula bangkit dan memberontak bagi mendapatkan hak dan keadilan yang sewajarnya bagi para nelayan. Penyeksaan yang dikenakan menyebabkan ada nelayan yang meninggal dan jatuh sakit yang parah. Jika terjadi sebarang kemalangan kepada para pekerja nelayan, majikan tidak akan mengambil peduli terhadap mereka dan tiada pampasan yang akan mereka perolehi. Jadi para pekerja mula bangkit bagi mendapatkan hak yang seharusnya mereka perolehi. Berlakunya pergaduhan antara para nelayan dan majikan bagi mendapatkan hak dan wujudnya sebuah pertubuhan bagi mendapatkan maklumat daripada para pekerja yang tertindas dan mereka bersatu bagi menjatuhkan pihak majikan yang amat berat sebelah.

Rachmawati, F. 2020, dalam kajian yang bertajuk, Kritik terhadap Konsep Ideologi Komunisme Karl Marx yang menjelaskan, mengenai ideologi komunisme yang dibawa oleh Karl Marx. Pada awal terjadinya ideologi komunisme yang berlandaskan pentadbiran yang maju dan kuat tanpa adanya perbezaan kelas. Namun semakin ideologi tersebut berkembang bersama dengan “kultus individu” yang menyebabkan berlakunya pentadbiran yang mementingkan kebendaan mahupun materialisme. Ini menyebabkan berlakunya pertentangan kelas dalam masyarakat. Selain itu, ideologi komunisme ini juga membuat urusan hal ehwal agama menjadi sebuah urusan politik, yang menafikan adanya tuhan dan kehidupan selepas kematian. Jadi selain, berlakunya pertentangan kelas dalam kelompok masyarakat akibat daripada mementingkan materialisme dunia antara masyarakat yang berkemampuan dan tidak berkemampuan, masyarakat yang tidak berkemampuan ini telah dinafikan hak mereka dan urusan hal ehwal agama juga dipertandingkan. Ini yang menyebabkan masyarakat bangkit untuk mendapatkan hak mereka dan mempertahankan hak agama mereka daripada campur tangan orang yang tidak faham akan agama.



Keterasingan Manusia menurut Karl Marx oleh Derajat Fitra Marandika 2018. Dalam kajian ini menerangkan dari segi kepentingan ideologi yang dibawa oleh Karl Marx dalam mengkritik sistem kapitalisme. Dalam ideologi ini Karl Marx menekankan bahawa perwujudan kelas sosial dalam masyarakat itu, menyebabkan berlaku pelbagai masalah yang menyebabkan masyarakat semakin susah dalam melanjutkan kehidupan. Sebagai contohnya, masyarakat yang tidak berkemampuan dari segi hari, mereka akan ditindas dan hak mereka juga telah dinafikan oleh pihak pentadbiran dan kelompok masyarakat. Selain itu, hubungan dalam masyarakat juga telah menunjukkan kelompondan dan menjadi renggang kerana masyarakat yang berkemampuan tidak akan bergaul dengan masyarakat yang tidak berkemampuan serta masyarakat yang tidak berkemampuan ini hanya akan menjadi hamba kepada orang-orang yang berkemampuan dan berkuasa. Pemikiran inilah yang ingin dihapuskan oleh Karl Marx dalam ideologi yang ingin dibawa olehnya supaya berlaku kesamarataan dalam masyarakat. Serta ingin mewujudkan pentadbiran kerajaan yang seimbang dan adil kepada semua masyarakat dan masyarakat mendapat semua hak yang seharusnya menjadi milik mereka.

### **2.3 Kajian Adaptasi Novel Kepada Filem**

Dari Novel ke Film: Kajian Teori Adaptasi sebagai Pendekatan dalam Penciptaan Film Deny oleh Tri Ardianto 2014. Adaptasi dari naskah Sastera ke filem merupakan sebuah pendekatan yang lebih dekat yang digunakan bagi menyampaikan maklumat dan juga menyampaikan nilai yang terkandung dalam naskah Sastera tersebut. Ini kerana, semua karya Sastera yang dihasilkan adalah berdasarkan daripada pengalaman yang dilalui oleh pengkarya itu sendiri. Oleh itu karya Sastera mempunyai banyak nilai dan juga pengajaran yang ingin disampaikan kepada masyarakat kini. Jadi dengan adanya

adaptasi daripada naskah Sastera dalam bentuk Filem ini akan memperlihatkan dengan lebih dalam akan maksud dan juga pengajaran yang ingin disampaikan. Ini yang dikatakan sebagai “pendekatan” kerana, setiap karya tersebut adalah berkisarkan perorangan ataupun masyarakat, jadi kehidupan masyarakat dengan karya Sastera mempunyai ikatan yang istimewa yang membuatkan sesebuah karya tersebut berharga dan mendapat sambutan daripada masyarakat setelah diadaptasikan dalam bentuk filem.

Adaptasi Novel Ronggeng Dukuh Paruk Ke Dalam Film Sang Penari: Sebuah Kajian Ekranisasi oleh Dian Nathalia Inda 2016. Adaptasi bagi filem ini adalah bagi memudahkan masyarakat faham akan jalan cerita yang ingin disampaikan kerana kebanyakan masyarakat tidak akan memahami teks yang mempunyai banyak halaman yang harus dibaca. Justeru itu, adaptasi ini akan meringkaskan sebuah penceritaan yang terdapat dalam teks yang asal. Pengadaptasian novel Ronggeng Dukuh Paruk ke dalam filem Sang Penari adalah berkenaan dengan seorang penari yang pandang serong oleh orang ramai terhadap pekerjaan tersebut. Namun cerita ini memaparkan jalan cerita yang dekat dengan masyarakat kerana pada zaman dahulu situasi tersebut diolah dalam bentuk yang berbeza tanpa mengaibkan sesiapa. Pengadaptasian dalam bentuk filem juga telah diolah mengikut kesesuaian bagi mempertimbangkan moral bagi jalan cerita tersebut. Ini adalah seperti, mengubah tahap umur watak utama ketika perawannya diambil iaitu dalam novel pada umur 7 tahun namun setelah diadaptasi menjadi 17 tahun ini adalah bagi menjaga aib dan moral serta sensitiviti kepada masyarakat.

Kesetiaan Kepada Teks: Dari Novel Ke Filem Ranjau Sepanjang Jalan oleh Nur Nafishah Azmi, Rohani Hashim dan Rahimah A.Hamid 2012. Cerita ini adalah berkisarkan tentang kemiskinan yang dihadapi oleh golongan petani yang tidak menerima pemodenan pada masa tersebut. Ketabahan mereka dalam melakukan pekerjaan pertanian dalam menanam padi bagi menyara kehidupan sehari mereka dalam bertahan hidup.

Adaptasi yang dilakukan dalam filem ni adalah hampir sama dengan yang terdapat dalam novel yang telah dikarang oleh Shahnnon Ahmad. Dapat dilihat bagaimana cerita ini diolah dengan penambahan kesan yang menjadikan filem ini mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat. Kesan-kesan terhadap penyampaian dialog dan emosi dan banyak lagi dapat dilihat dalam filem tersebut. Adaptasi ini telah memberi kesan yang sangat mendalam kepada masyarakat kerana cerita ini adalah sangat dekat dengan kehidupan masyarakat zaman dahulu.

Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan Md. Salleh Yaapar 2015. Teks dan filem Hikayat Merong Mahawangsa merupakan sebuah adaptasi yang menjadi fenomena setelah filem tersebut dikeluarkan. Adaptasi karya ini telah dilakukan dengan mengikut situasi semasa dan mengikut keadaan. Jika di dalam karya asal tersebut Merong Mahawangsa merupakan seekor burung garuda yang sangat gagah dan kuat dalam mengalahkan musuh-musuhnya, namun setelah diadaptasikan seorang burung garuda telah menjadi seorang pahlawan yang amat kuat dalam mempertahankan tanah airnya dan kuat dalam berperang. Jalan cerita yang asal adalah tidak terlalu lari setelah ianya diadaptasikan dalam bentuk filem. Filem ini memberi pengajaran kepada masyarakat akan perjuangan dalam mempertahankan bangsa serta tanah air yang dicintainya. Cerita ini merupakan sebuah cerita rakyat yang memperihalkan tentang sejarah dan asal usul bagi Negeri Kedah serta salasilah keturunan Kesultanan Kedah. Justeru ini, cerita Hikayat Merong Mahawangsa ini adalah sangat dekat dengan masyarakat negeri Kedah dan rakyat Malaysia.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Metodologi kajian merujuk kepada kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan atau kajian dalam sesuatu bidang atau topik. Ia melibatkan langkah-langkah sistematik dan kaedah penyelidikan yang diterapkan untuk mengumpul, menganalisis, dan menginterpretasikan data. Metodologi kajian memberikan struktur dan panduan kepada penyelidik dalam proses penyelidikan, membantu untuk merancang dapatan kajian, membuat pengukuran, dan membuat kesimpulan.

#### **3.1 Kaedah Kajian**

Metodologi kajian merupakan cara ataupun kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam melakukan sebarang kajian untuk melengkapkan objektif serta matlamat kajian. Metodologi ini juga merupakan satu garis panduan yang akan digunakan supaya setiap kajian yang dilakukan akan lebih sistematik untuk mencapai objektif kajian ini.

Kajian ini akan memfokuskan kepada kajian teks terhadap novel (2005) serta filem (2019) Bumi Manusia iaitu sebuah kaedah kualitatif yang merupakan kaedah analisis teks, untuk melengkapkan objektif kajian yang telah ditetapkan sepanjang kajian ini. Kajian teks ini adalah merangkumi teks-teks novel Bumi Manusia serta kajian-kajian terhadap kajian lepas yang pernah dilakukan mengenai Bumi Manusia. Analisis kajian ini akan diperkukuhkan dengan pendekatan teori yang akan digunakan bagi kajian ini.

Kaedah kajian kepustakaan yang dilakukan dalam kajian ini adalah untuk mencari sumber-sumber yang terdapat dalam teks-teks di perpustakaan untuk melengkapkan kajian ini. Teks-teks yang diambil adalah teks kajian lain untuk melihat bagaimana perbandingan antara novel dan filem dilakukan serta kajian-kajian terhadap novel Bumi manusia yang pernah dilakukan.

Kaedah analisis filem adalah, untuk menghayati filem Bumi Manusia dengan lebih mendalam untuk mengambil pelbagai sudut pandang yang terdapat dalam filem untuk melakukan perbandingan antara filem dan juga teks yang terdapat dalam novel. Ini kerana, filem adaptasi yang dihasilkan adalah tidak sama seperti yang terdapat dalam novel. Jadi analisis filem ini dapat memperkuatkan lagi perbandingan novel dan filem dalam kajian ini.

Kaedah kajian internet digunakan adalah untuk mencari maklumat mengenai sumber kajian novel dan filem Bumi Manusia yang telah dikaji oleh pengkaji yang lepas serta kajian terhadap teori Maxisme yang pernah dikaji sebelumnya. Selain itu, sumber internet juga digunakan sebagai medium untuk mencari maklumat mengenai kajian bandingan yang pernah dilakukan tidak mengambil kira novel dan filem yang dikaji.

### 3.2 Kerangka Teori



**Rajah 2 :** Kerangka Teori Marxisme oleh Karl Marx

### 3.3 Latar Belakang Karl Marx

Karl Marx atau nama aslinya adalah Karl Heinrich Marx yang dilahirkan di Trier, Jerman pada 5 Mei 1818. Ibu Marx adalah seorang wanita yang berasal daripada Rabbi Yahudi manakala ayahnya adalah seorang yang berpendidikan sekular dan seorang peguam yang berjaya serta ayahnya menjadi seorang ahli ekonomi dan filosofi Jerman setelah memeluk agama Protestan setelah gagal untuk meneruskan kerjaya sebagai peguam. Pada tahun 1841 Karl Marx telah berjaya mendapatkan gelaran doktor falsafah dari Universiti Berlin dan merupakan seorang Hegel yang sangat kritis. Pemikiran Marx terhasil sewaktu pergolakan politik yang dikuasai oleh kapitalis para Borjuis yang menentang kekuasaan aristokrasi dan menyebabkan berlakunya perubahan dalam hubungan sosial. Yang memperjuangkan hak bagi kelas sosial masyarakat yang ditindas

dalam ekonomi, politik dan juga sosial, Marx dikenali sebagai salah seorang tokoh utama dalam perkembangan teori sosialis dan komunis. Karl Marx meninggal dunia pada 14 Mac 1883 di London, England.

Marx memulakan kerjayanya sebagai wartawan dan penulis, tetapi dia terkenal dengan sumbangan teorinya kepada analisis sosial dan ekonomi. Salah satu karyanya yang paling terkenal ialah "Manifesto Komunis" yang dikarang bersama Friedrich Engels dan diterbitkan pada tahun 1848. Manifesto ini menggambarkan pandangan Marx tentang konflik kelas dalam masyarakat kapitalis dan memperjuangkan pemansuhan pemilikan persendirian terhadap alat pengeluaran. Pemikiran Marx adalah berdasarkan analisis material dan sejarah. Beliau percaya bahawa sejarah manusia adalah sejarah konflik antara kelas yang memiliki alat pengeluaran (kelas yang memiliki modal atau borjuasi) dan kelas yang hanya memiliki tenaga buruh mereka (proletariat). Marx menyifatkan sistem kapitalis sebagai sistem eksploitasi di mana pekerja diambil bekerja untuk mencipta nilai, tetapi hanya menerima gaji yang rendah, sekali gus mewujudkan ketidakadilan sosial.

Marx membangunkan teori nilai buruh yang menyatakan bahawa nilai sesuatu barang atau perkhidmatan ditentukan oleh jumlah buruh yang diperlukan untuk menghasilkannya. Beliau juga mengemukakan konsep nilai lebihan iaitu perbezaan antara nilai yang dihasilkan oleh pekerja dengan nilai yang diterima oleh mereka dalam bentuk upah. Menurut Marx, nilai lebihan ini diperoleh oleh pemilik modal sebagai keuntungan mereka. Marx juga menghuraikan konsep pengasingan, di mana pekerja dalam masyarakat kapitalis merasa terasing daripada hasil kerja mereka sendiri dan tidak mempunyai kawalan ke atas pengeluaran. Beliau berhujah bahawa kapitalisme akan mencapai titik tepu dan akhirnya runtuh, dan perubahan sosial akan berlaku melalui revolusi proletariat. Pemikiran Marx sangat berpengaruh dalam perkembangan gerakan

sosialis dan komunis di dunia. Walaupun pelaksanaan praktikal ideanya di beberapa negara mengakibatkan rejim kontroversi, warisan teorinya kekal sebagai sumber inspirasi bagi ramai pemikir dan aktivis sosial hari ini.

### **3.4 Teori Marxisme**

Teori Marxisme, juga dikenali sebagai teori sosialis atau komunis, adalah kerangka pemikiran yang dibangunkan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels. Teori ini menerangkan analisis kritis masyarakat, ekonomi, dan politik, dengan tumpuan kepada konflik kelas sosial, kapitalisme, dan transformasi kepada masyarakat sosialis atau komunis. Teori Marxisme berkembang pada abad ke-19 semasa zaman Revolusi Perindustrian di Eropah. Perubahan besar dalam pengeluaran dan struktur sosial telah berlaku akibat daripada perindustrian, pembedaan dan kebangkitan kapitalisme. Keadaan sosial dan ekonomi yang sukar ini memberi inspirasi kepada Marx untuk membangunkan analisis dan kritikan terhadap sistem kapitalis. Pemikiran Falsafah dan Ekonomi: Marx telah dipengaruhi oleh pelbagai pemikiran dan teori apabila beliau mengembangkan teori Marxisme daripadanya. Idea Hegel tentang dialektik dan idealisme mempunyai pengaruh terhadap Marx, walaupun dia meninggalkan idealisme Hegelian dan menggunakan pendekatan materialis.

Selain itu, pemikiran ekonomi klasik, khususnya karya Adam Smith dan David Ricardo, mempengaruhi Marx dalam mengembangkan teori ekonomi politik dan konflik kelasnya. Karya Marx yang paling terkenal ialah "Manifesto Parti Komunis" (1848) yang ditulis bersama Friedrich Engels dan "Das Kapital" (Kapital dalam bahasa Indonesia) yang merupakan kritikan menyeluruh terhadap sistem kapitalis. Dalam karya ini, Marx mengembangkan analisis eksploitasi kelas, pengasingan pekerja dan dinamik



kapitalisme. Pengaruh Gerakan Sosialis dan Komunis yang dibawa oleh Karl Marx telah mengukuhkan perkembangan teorinya dalam masyarakat. Marx terlibat dalam gerakan sosialis dan komunis di Eropah pada zamannya. Beliau menjadi ahli Liga Komunis dan menyumbang kepada penerbitan radikal seperti majalah "Neue Rheinische Zeitung". Pengaruhnya dalam gerakan ini membantu menyebarkan dan mengukuhkan teori Marxisme dalam masyarakat.

Selepas kematiannya, teori-teori Marxisme telah diserap dan ditafsirkan oleh pelbagai pemikir dan gerakan di seluruh dunia. Salah satu fahaman yang terkenal ialah Marxisme-Leninisme yang dikembangkan oleh Vladimir Lenin dan menjadi asas kepada ideologi Kesatuan Soviet. Selain itu, terdapat juga bentuk Marxisme zaman pertengahan yang lain, seperti Marxisme Barat, Marxisme Humanis, dan Marxisme Analitik. Teori Marxisme boleh dilihat sebagai reaksi terhadap ketidakadilan sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh kelas pekerja semasa Revolusi Perindustrian. Dalam analisisnya, Marx mengenal pasti percanggahan dalaman dalam kapitalisme dan menganjurkan perubahan radikal ke arah masyarakat yang lebih adil dan saksama. Walaupun pelaksanaan dan tafsiran teori ini berbeza-beza, pengaruhnya terhadap pemikiran politik dan sosial berterusan sehingga kini.

#### **3.4.1 Materialisme Dialektika**

Materialisme dialektika adalah suatu pandangan filosofis yang mengintegrasikan materialisme dan dialektika. Materialisme dialektika mengemukakan bahawa dunia nyata adalah materi yang ada secara berdikari dari fikiran manusia, dan bahawa perkembangan materi merupakan dasar bagi perubahan dan perubahan dalam dunia ini. Dialektika mengacu pada pendekatan filosofis yang menekankan kontradiksi dan perubahan sebagai

bagian dari proses perkembangan. Konsep dasar dalam materialisme dialektika adalah pemahaman bahawa materi adalah sumber dan dasar dari segala hal yang ada di dunia ini, termasuk pemikiran dan kesadaran manusia. Pandangan ini berbeza dengan idealisme yang menyatakan bahawa pikiran atau kesadaran adalah yang mendasari eksistensi dunia. Dalam materialisme dialektika, materi dan perubahan dalam materi merupakan pusat pemikiran dan analisis filosofis.

Dialektika dalam materialisme dialektika mengacu pada pendekatan yang mengakui peran kontradiksi dan perubahan dalam proses perkembangan. Pandangan ini berpendapat bahawa segala sesuatu dalam dunia ini terlibat dalam perubahan dan pertentangan yang terus-menerus. Kontradiksi dan pertentangan ini menghasilkan perubahan dan kemajuan dalam masyarakat, politik, ekonomi, dan ilmu pengetahuan. Materialisme dialektika juga menekankan pentingnya pemahaman yang komprehensif dan holistik terhadap fenomena dan proses sosial. Pemahaman ini melibatkan analisis yang lebih dalam dan kritis terhadap pelbagai faktor yang mempengaruhi perkembangan masyarakat dan sejarah. Melalui pendekatan dialektis, materialisme dialektika berupaya untuk mengungkapkan kontradiksi, konflik, dan perubahan dalam dinamika sosial. Pandangan ini telah berpengaruh dalam pelbagai bidang, termasuk filsafat, sosiologi, politik, dan ekonomi. Beberapa tokoh terkenal yang berkontribusi dalam pengembangan materialisme dialektika antara lain Karl Marx dan Friedrich Engels, yang memperkenalkan pandangan ini dalam kerangka pemikiran mereka tentang materialisme historis dan teori kritis.

Namun, penting untuk dicatat bahawa pandangan dan interpretasi tentang materialisme dialektika dapat bervariasi. Terdapat pelbagai aliran dan pendekatan dalam materialisme dialektika, dan pemahaman yang lebih rinci dapat ditemukan melalui studi lebih lanjut tentang konsep ini. Rasional materialisme sejarah Marx berasal dari

karya Ludwig Feuerbach (1804-1872). Menurut Marx, Feuerbach telah berjaya membina materialisme sebenar dan sains positif dengan menggunakan hubungan sosial antara manusia sebagai prinsip asas teorinya. Michel Curtis dalam Watloly24 menjelaskan bahawa materialisme sejarah Marx ialah materialisme dalam pengertian falsafah, bukan materialisme praktikal yang mentafsirkan perkara sebagai kebenaran, dan tidak mempunyai makna. Materialisme sejarah Marx akan menunjukkan bahawa di sebalik kebendaan terdapat kesedaran yang menggerakkan hala tuju sejarah sehingga materialisme sejarah mesti difahami sebagai pergerakan bahan sejarah. Perkara di sini dalam erti kata kaedah pemikiran. Jirim mempunyai kuasa transformatif sejarah. Marx melihat bahawa hanya dalam kerja ekonomi, manusia mengubah dunia.

Pandangan Marx yang menjadikan material sebagai primer di atas dikenali sebagai konsep materialisme sejarah. Materialisme sejarah berpendapat bahawa tingkah laku manusia ditentukan oleh kedudukan kebendaan, bukan pada idea kerana idea adalah sebahagian daripada kebendaan.<sup>25</sup> Marx memetakan materialisme kepada materialisme sejarah dan materialisme dialektik. Materialisme sejarah ialah pandangan ekonomi terhadap sejarah. Perkataan "sejarah" diletakkan oleh Marx dengan tujuan untuk menjelaskan pelbagai peringkat pembangunan ekonomi sosial yang berlaku sepanjang zaman. Manakala materialisme yang dimaksudkan oleh Marx merujuk kepada pengertian objek sebagai realiti utama. Marx secara konsisten menggunakan perkataan materialisme sejarah untuk menunjukkan sikapnya yang bertentangan dengan falsafah idealisme.

Falsafah materialis mengandaikan bahawa realiti berada di luar persepsi manusia, serta mengiktiraf kewujudan realiti objektif sebagai penentu akhir idea. Sementara itu, falsafah idealisme menekankan bahawa semua kesedaran adalah berdasarkan idea dan menafikan kewujudan realiti di sebalik idea manusia. Materialisme merupakan sebuah pemikiran yang meyakinkan bahawa material yang merupakan satu yang mutlak dan

material tersebut yang dipuja dan menolak segala yang tidak selari dengan material tersebut. Dialektika materialisme ini merupakan sebuah pemikiran tentang material yang menjadi fokus utama yang terkenal dalam pemikiran Karl Marx.

### **3.4.2 Materialisme Historis**

Materialisme historis adalah sebuah kerangka teoritis yang dikembangkan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels untuk menganalisis dan memahami sejarah manusia serta perkembangan masyarakat. Pandangan ini menekankan bahwa faktor ekonomi, khususnya produksi materi, memainkan peran sentral dalam mengarahkan dan membentuk struktur sosial, politik, dan budaya. Pandangan materialisme historis berpendapat bahwa perkembangan masyarakat tidak dapat difahami secara terpisah dari perkembangan produksi materi. Produksi materi mencakup hubungan manusia dengan alam dan cara manusia memproduksi barang dan jasa yang memenuhi kebutuhan hidup mereka. Faktor-faktor ekonomi seperti kepemilikan sumber daya, organisasi produksi, dan distribusi kekayaan dianggap sebagai faktor penentu yang fundamental dalam menghasilkan struktur sosial dan sistem kekuasaan.

Menurut Marx dan Engels, masyarakat terbagi menjadi kelas-kelas sosial yang berbeza berdasarkan peran mereka dalam produksi. Kelas-kelas sosial ini memiliki kepentingan yang bertentangan dan sering terlibat dalam konflik sosial. Materialisme historis mengidentifikasi sejarah manusia sebagai sejarah konflik kelas, di mana kelas yang memiliki kontrol atas produksi dan sumber daya ekonomi dominan atas kelas yang kurang berkuasa. Marx dan Engels berpendapat bahwa dalam masyarakat kapitalis, kelas borjuis yang memiliki kapital dan alat produksi mengeksploitasi kelas pekerja, atau proletar, yang hanya memiliki tenaga kerja mereka sebagai komoditas. Mereka

menggambarkan kapitalisme sebagai sistem ekonomi yang didasarkan pada eksploitasi kelas, alienasi manusia, dan pertumbuhan pertentangan antara kelas-kelas sosial.

Pandangan materialisme historis juga menekankan pentingnya perubahan dan perkembangan dalam sejarah manusia. Masyarakat dikatakan berada dalam kondisi perubahan terus-menerus karena kontradiksi internal dalam struktur sosial dan ekonomi yang mengarah pada perubahan revolusioner. Marx dan Engels memperkirakan bahwa kapitalisme akan mengalami krisis internal yang akan mendorong munculnya revolusi proletar dan terbentuknya masyarakat sosialis yang lebih adil. Materialisme historis telah mempengaruhi banyak disiplin ilmu sosial dan politik, termasuk ekonomi politik, sosiologi, dan ilmu politik. Meskipun juga menghadapi kritik dan tantangan dari pelbagai perspektif, pendekatan ini terus digunakan sebagai alat analisis untuk memahami perubahan sosial dan ekonomi dalam konteks sejarah manusia.

### **3.4.3 Aliemasi**

Alienasi (alienation) adalah konsep yang dikembangkan dalam pemikiran Marxisme untuk menggambarkan kondisi di mana manusia kehilangan kontrol, keterhubungan, dan identitas mereka dalam hubungan sosial dan produksi mereka. Ini terjadi terutama dalam masyarakat kapitalis modern. Marx mengidentifikasi beberapa bentuk alienasi yang berbeza dalam kehidupan masyarakat kapitalis iaitu yang pertama adalah alienasi dari produk kerja yang mana dalam sistem kapitalis, pekerja tidak memiliki atau mengontrol apa yang mereka hasilkan. Mereka hanya menyumbangkan tenaga kerja mereka untuk memproduksi barang atau jasa yang dimiliki oleh pemilik modal. Pekerja kehilangan kontrol atas produk kerja mereka, yang menyebabkan perasaan tidak memiliki terhadap hasil kerja mereka sendiri.

Keduanya, alienasi dari proses kerja yang menerangkan berkenaan pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat kapitalis sering kali tidak memiliki kendali atau partisipasi yang signifikan dalam proses produksi. Mereka dipekerjakan untuk melaksanakan tugas-tugas spesifik yang ditentukan oleh pemilik modal. Akibatnya, pekerja tidak dapat mengembangkan potensi dan kreativitas mereka sepenuhnya dalam pekerjaan mereka, yang menyebabkan perasaan terasing dari proses kerja itu sendiri. Selain itu, alienasi dari manusia lain yang menerangkan berkenaan suasana dalam hubungan kerja kapitalis, pekerja cenderung bersaing satu sama lain untuk mempertahankan pekerjaan atau mendapatkan upah yang lebih tinggi. Hubungan sosial yang dibangun berdasarkan persaingan ini menghasilkan alienasi antara individu dan menghalang solidariti sosial yang lebih luas.

Seterusnya, alienasi dari kehidupan manusia, Marx berpendapat bahawa dalam masyarakat kapitalis, pekerjaan tidak lagi menjadi ekspresi dari esensi manusia. Pekerjaan menjadi sekadar alat untuk bertahan hidup, dan hubungan sosial sehari-hari sering kali diatur oleh pertukaran komoditas. Akibatnya, manusia kehilangan keterhubungan dengan esensi kemanusiaan mereka, yang terletak dalam kreativitas, kebebasan, dan hubungan sosial yang sihat. Alienasi dalam pemikiran Marx bukan hanya masalah individu, tetapi merupakan fenomena yang muncul dari struktur sosial dan ekonomi masyarakat kapitalis. Marx berpendapat bahawa penghapusan alienasi hanya mungkin terjadi melalui perubahan fundamental dalam sistem produksi, iaitu dengan menciptakan masyarakat sosialis di mana produksi dikendalikan oleh kaum pekerja sendiri dan nilai-nilai manusia lebih didahulukan daripada keuntungan materi. Konsep alienasi tetap menjadi topik relevan dalam analisis kritis terhadap masyarakat moden, dan berbagai teori sosial masih mempertimbangkan dampak alienasi dalam kehidupan manusia dan upaya untuk mengatasi alienasi tersebut.

### 3.4.4 Eksploitasi

Eksploitasi merujuk pada praktik memanfaatkan atau memperoleh manfaat dari orang lain dengan cara yang tidak adil atau tidak setara. Dalam konteks sosial dan ekonomi, eksploitasi sering kali terjadi ketika seseorang atau sekelompok orang memanfaatkan kerja keras atau sumber daya orang lain untuk keuntungan pribadi atau kelompok mereka sendiri.

Dalam perspektif Marxisme, eksploitasi merupakan karakteristik mendasar dalam sistem kapitalisme. Eksploitasi dalam konteks ini terjadi ketika pemilik modal, atau borjuis, mengambil keuntungan dari tenaga kerja yang diberikan oleh pekerja, atau proletar. Borjuis memiliki kendali atas alat produksi dan mempekerjakan pekerja untuk memproduksi barang atau jasa. Mereka membayar pekerja dengan upah yang biasanya lebih rendah daripada nilai tambahan yang dihasilkan oleh pekerja melalui kerja keras mereka. Perbedaan antara nilai tambahan yang dihasilkan dan upah yang dibayarkan kepada pekerja inilah yang menyebabkan eksploitasi. Dalam sistem eksploitasi ini, pemilik modal memperoleh keuntungan yang lebih besar sementara pekerja diberikan kompensasi yang lebih rendah dari nilai yang mereka hasilkan. Pemilik modal mengendalikan dan memanfaatkan tenaga kerja pekerja untuk memperoleh surplus nilai atau keuntungan ekonomi.

Eksploitasi juga dapat terjadi dalam pelbagai bentuk dan konteks lain di luar sistem kapitalis. Misalnya, dalam konteks hubungan internasional, negara-negara kuat dapat memanfaatkan sumber daya atau tenaga kerja negara-negara lemah dengan cara yang merugikan bagi negara yang dieksploitasi. Penting untuk dicatat bahawa pengertian eksploitasi dapat bervariasi dan konteksnya dapat diterapkan dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, tenaga kerja, sumber daya alam, atau bahkan hubungan pribadi. Dalam

analisis sosial dan politik, kritik terhadap eksploitasi seringkali terkait dengan pertanyaan tentang keadilan, kesetaraan, dan distribusi kekayaan dan kekuasaan.

### **3.4.5 Kelas Sosial**

Kelas sosial merujuk pada pembagian masyarakat berdasarkan perbedaan dalam status sosial, kekayaan, kekuasaan, dan akses terhadap sumber daya. Konsep kelas sosial merupakan alat analisis yang digunakan dalam sosiologi dan ilmu sosial lainnya untuk memahami hierarki sosial dan ketimpangan dalam masyarakat. Dalam konteks Marxisme, kelas sosial difahami terutama melalui hubungan dengan produksi ekonomi. Marx mengidentifikasi dua kelas utama dalam masyarakat kapitalis iaitu kelas Borjuis dan kelas Proletar. Kelas borjuis adalah pemilik modal atau alat produksi seperti pabrik, perusahaan, atau tanah. Mereka memiliki kontrol atas sumber daya ekonomi dan memiliki kekuasaan ekonomi yang signifikan. Kelas borjuis terutama memperoleh keuntungan melalui eksploitasi tenaga kerja pekerja. Kelas proletar adalah pekerja yang tidak memiliki kepemilikan atas alat produksi dan sumber daya ekonomi. Mereka bergantung pada penjualan tenaga kerja mereka kepada borjuis untuk memperoleh penghasilan. Kelas proletar seringkali memiliki kekuatan ekonomi yang lebih rendah dan kekurangan akses terhadap sumber daya yang lebih besar.

#### **3.4.5.1 Sosial**

Dalam konteks kelas sosial, istilah "sosial" mengacu pada segala sesuatu yang berkaitan dengan interaksi dan hubungan antara individu atau kelompok dalam masyarakat. Ini mencakupi norma, nilai, struktur sosial, dan peran yang



dimainkan oleh individu dalam pelbagai kelompok dan institusi. Dengan kata lain, "sosial" dalam kelas sosial berkaitan dengan dinamika sosial yang terjadi di dalam masyarakat. Hal ini mencakup pembagian masyarakat menjadi berbagai kelas sosial, baik berdasarkan faktor ekonomi, seperti tingkat pendapatan atau kepemilikan aset, maupun berdasarkan faktor-faktor lainnya, seperti status sosial, keanggotaan dalam kelompok etnis, agama, atau gender. Selain itu, dalam kelas sosial, konsep sosial juga melibatkan pemahaman terhadap norma dan nilai yang diterapkan dalam pelbagai kelompok sosial. Norma dan nilai ini membentuk dasar perilaku sosial, dan studi kelas sosial seringkali melibatkan analisis bagaimana faktor-faktor sosial ini mempengaruhi kehidupan sehari-hari individu dan kelompok. Dengan demikian, "sosial" dalam kelas sosial mencakup elemen-elemen yang mempengaruhi interaksi sosial, pembagian struktur masyarakat, serta norma dan nilai yang membentuk identitas dan perilaku sosial individu dalam pelbagai konteks.

#### **3.4.5.2 Ekonomi**

Dalam konteks kelas sosial, "ekonomi" merujuk pada bagaimana sumber daya ekonomi, seperti wang, pekerjaan, dan harta, keterlibatan di dalam masyarakat dan bagaimana penglibatan ini mempengaruhi kelas-kelas sosial. Dengan kata lain, ekonomi dalam kelas sosial membahas ketidaksetaraan ekonomi dan struktur kelas dalam masyarakat. Ekonomi dalam kelas sosial melibatkan analisis tentang bagaimana kekayaan dan pendapatan dibahagikan di antara pelbagai kelas sosial. Ini mencakup pertanyaan tentang bagaimana keuntungan ekonomi dan peluang diakses oleh pelbagai kelompok dalam

masyarakat. Pemahaman tentang kelas sosial dan bagaimana mereka terkait dengan struktur ekonomi masyarakat adalah fokus utama. Ini mencakup pembahagian antara pemilik modal (kapitalis) dan pekerja (proletariat), serta pertanyaan tentang mobilitas sosial dan peluang ekonomi. Analisis terhadap dampak kebijakan ekonomi, baik itu kebijakan fizikal pada kelas sosial. Kebijakan-kebijakan ini dapat mempengaruhi kekayaan, kesempatan pekerjaan, dan tingkat kesetaraan dalam masyarakat.

### **3.4.5.3 Politik**

Dalam konteks kelas sosial, "politik" merujuk pada studi tentang bagaimana kekuasaan dan pengaruh politik didistribusikan di dalam masyarakat, serta bagaimana faktor politik mempengaruhi pembagian struktur kelas. Analisis politik dalam kelas sosial melibatkan pemeriksaan cara kekuasaan dan pengaruh politik didistribusikan di masyarakat. Ini mencakup pemeriksaan bagaimana kelompok-kelompok dalam masyarakat, berdasarkan faktor seperti kelas sosial, memiliki akses atau kendali terhadap keputusan politik. politik dalam kelas sosial melibatkan penilaian terhadap sejauh mana individu atau kelompok dari berbagai kelas sosial terlibat dalam proses politik. Keterlibatan ini dapat mencakup hak pilih, akses ke jabatan politik, dan peranan dalam aktivisme politik. Pemahaman tentang bagaimana struktur politik, termasuk pemerintahan dan lembaga-lembaga politik lainnya, mempengaruhi pembagian kelas sosial. Pertanyaan ini menyoroti bagaimana kebijakan dan keputusan politik dapat mempengaruhi ketidaksetaraan sosial dan ekonomi. Identiti politik dapat menjadi faktor yang signifikan dalam pembentukan kelas sosial. Ini mempertimbangkan bagaimana orientasi politik

individu dan kelompok dapat mempengaruhi kedudukan mereka dalam struktur kelas sosial. Penting untuk diingat bahawa politik dan kelas sosial sangat terkait dan saling mempengaruhi. Definisi politik dalam kelas sosial mencakup dinamika kekuasaan dan kebijakan yang membentuk dan mencerminkan pembagian struktural dalam masyarakat.

#### **3.4.5.4 Agama**

Dalam kelas sosial, "agama" merujuk pada studi tentang peran dan dampak agama dalam membentuk dan mempengaruhi struktur sosial, pembagian kelas, serta interaksi dalam masyarakat. Agama membawa norma dan nilai-nilai tertentu yang memainkan peranan dalam membentuk norma sosial dan nilai-nilai dalam masyarakat. Nilai-nilai agama dapat mempengaruhi cara individu dan kelompok memandang diri mereka dan orang lain dalam konteks kelas sosial. Agama dapat menjadi aspek penting dalam membentuk identitas sosial individu dan kelompok. Kelas sosial dan identitas agama seringkali terkait, dan orang sering mengidentifikasi diri mereka berdasarkan agama mereka. Dalam beberapa masyarakat, agama dapat memainkan peranan dalam pembagian kekuasaan dan struktur sosial. Misalnya, sistem kasta atau sistem kelas yang terkait dengan ajaran agama tertentu. Dalam beberapa masyarakat, kelompok-kelompok agama dapat memberikan layanan sosial, pendidikan, dan bantuan kepada anggotanya. Keterlibatan dalam kegiatan agama tertentu dapat memainkan peranan dalam pembentukan dan perubahan status sosial. Agama dapat memainkan peranan dalam menciptakan kolaborasi atau konflik dalam masyarakat, terutama jika terdapat perbezaan agama di antara kelompok-kelompok sosial. Ini dapat

mempengaruhi hubungan antara kelas sosial dan memberikan identitas khusus dalam konflik sosial. Definisi agama dalam kelas sosial mencakup aspek-aspek ini untuk memberikan pemahaman tentang cara agama memainkan peranan dalam membentuk norma sosial, identitas, dan struktur kelas dalam masyarakat.

#### **3.4.5.5 Budaya**

Dalam kelas sosial, "budaya" merujuk pada pola-pola yang bersifat simbolik, normatif, dan nilai-nilai yang membentuk cara hidup masyarakat. Definisi budaya dalam kelas sosial mencakupi bagaimana budaya mempengaruhi dan dipengaruhi oleh pembagian struktural kelas dan interaksi sosial. Budaya mencakup nilai-nilai yang dihargai oleh masyarakat dan norma-norma yang mengatur perilaku. Nilai-nilai dan norma ini dapat memainkan peranan penting dalam membentuk struktur sosial dan pembagian kelas. Budaya memainkan peranan dalam membentuk identitas sosial dan memberikan landasan bagi klasifikasi sosial. Identiti budaya, termasuk bahasa, adat istiadat, dan simbol-simbol budaya, dapat mempengaruhi bagaimana individu dan kelompok diidentifikasi dalam konteks kelas sosial. Seni, musik, sastera, dan bentuk ekspresi budaya lainnya dapat mencerminkan dan membentuk nilai-nilai serta pandangan dunia dalam masyarakat. Mereka dapat memainkan peranan dalam memperkuat atau menentang pembagian struktur kelas. ketidaksetaraan dalam masyarakat. Definisi budaya dalam kelas sosial mencakupi kompleksiti hubungan antara budaya dan struktur sosial, menggambarkan bagaimana pola budaya mempengaruhi dan tercermin dalam pembagian kelas dalam masyarakat.

### 3.4.6 Revolusi Proletar

Revolusi proletar merujuk pada konsep dalam pemikiran Marxisme yang menggambarkan revolusi sosial yang dipacu oleh kelas pekerja atau proletar. Marx berpendapat bahawa dalam masyarakat kapitalis, eksploitasi kelas pekerja oleh kelas borjuis akan mencapai titik krisis yang tidak dapat diatasi, yang pada gilirannya akan mendorong terjadinya revolusi proletar. Menurut Marx, revolusi proletar adalah hasil dari pertentangan yang tumbuh antara kelas borjuis dan kelas pekerja yang terus menerus semakin tajam seiring dengan perkembangan kapitalisme. Pekerja, yang secara ekonomi dieksploitasi dan dihadapkan pada kondisi sosial yang tidak adil, akan menyedari kepentingan bersama mereka sebagai kelas yang bekerja dan bersatu untuk menggulingkan kapitalisme.

Revolusi proletar bertujuan untuk menggantikan sistem kapitalis dengan masyarakat sosialis atau komunis. Dalam masyarakat sosialis, produksi dan sumber daya ekonomi akan dimiliki dan dikendalikan oleh kelas pekerja secara kolektif, bukan oleh individu atau kelompok borjuis. Tujuannya adalah mencapai redistribusi kekayaan yang lebih adil, penghapusan eksploitasi kelas, dan penciptaan masyarakat yang lebih setara dan bebas. Marx dan Engels percaya bahawa revolusi proletar tidak hanya merupakan perjuangan ekonomi, tetapi juga perjuangan politik yang luas. Mereka menggambarkan revolusi proletar sebagai perubahan radikal dalam struktur sosial dan politik, yang melibatkan pengambilalihan kekuasaan oleh kelas pekerja dan pendirian negara sosialis sebagai langkah transisi menuju masyarakat komunis yang tanpa kelas.

Namun, penting untuk dicatat bahawa implementasi revolusi proletar dan pencapaian masyarakat komunis sesuai dengan visi Marxisme telah menghadapi tantangan dan interpretasi yang beragam dalam sejarah. Ada perbezaan pendapat di antara para

teoretikus dan gerakan sosialis mengenai strategi, taktik, dan pengorganisasian yang tepat untuk mencapai revolusi proletar dan masyarakat komunis yang diinginkan. Meskipun demikian, konsep revolusi proletar tetap merupakan elemen penting dalam teori Marxisme dan terus menjadi subjek perbincangan dan analisis dalam pemikiran sosial dan politik kontemporer.

### **3.4.7 Komunisme**

Komunisme adalah sebuah ideologi politik dan sosial yang berasal dari pemikiran Marxisme dan dikembangkan lebih lanjut oleh teoritikus lain seperti Friedrich Engels. Paham komunisme bertujuan untuk menciptakan masyarakat tanpa kelas yang berdasarkan pada kepemilikan kolektif atas sumber daya ekonomi dan produksi. Prinsip-prinsip komunisme secara umum dikaitkan dengan gagasan-gagasan yang diperkenalkan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels dalam karya mereka, termasuk "Manifesto Partai Komunis" dan "Das Kapital". Di bawah sistem komunis, tujuan akhirnya adalah menciptakan masyarakat yang setara, adil, dan tanpa kelas. Di masyarakat ini, semua sumber daya dan alat produksi dimiliki secara kolektif oleh seluruh anggota masyarakat. Distribusi kekayaan dilakukan berdasarkan kebutuhan individu, dan kerja keras dan kontribusi individu diakui dan dihargai.

Komunisme menentang kepemilikan pribadi atas alat produksi dan melihat kapitalisme sebagai sumber ketidakadilan sosial dan ekonomi. Konflik kelas dalam masyarakat kapitalis, menurut fahaman komunisme, akan mengarah pada revolusi proletar yang menggulingkan borjuis dan menggantikannya dengan negara sosialis yang mempersiapkan jalan menuju masyarakat komunis. Dalam negara sosialis, pemerintah memiliki peran penting dalam mengelola produksi dan mengarahkan sumber daya

ekonomi secara kolektif. Negara dianggap sebagai alat transisi yang diperlukan menuju masyarakat komunis yang lebih bebas, di mana negara akan berangsur-angsur menghilang dan kebutuhan individu akan dipenuhi secara langsung oleh masyarakat. Meskipun ada berbagai interpretasi dan implementasi komunisme di seluruh dunia, beberapa negara seperti Uni Soviet, Republik Rakyat Tiongkok, dan Kuba telah mencoba menerapkan model sosialis dan mengklaim mencapai tahap awal menuju masyarakat komunis. Namun, perkembangan dan pengalaman komunisme dalam praktik telah bervariasi dan menghadapi kritik serta tantangan. Penting untuk diingat bahwa walaupun komunisme adalah sebuah gagasan yang memiliki tujuan nobel, sejarahnya juga mencakup kontroversi, pelanggaran hak asasi manusia, dan kegagalan implementasi yang menimbulkan kritik dari pelbagai pihak. Dalam praktiknya, implementasi komunisme telah berkisar dari rezim otoriter hingga upaya eksperimen sosial yang lebih demokratis.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pendahuluan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan semua isu tersurat dan tersirat dalam kajian ini yang membincangkan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan bagi kajian ini. Objektif yang telah ditetapkan adalah bertujuan sebagai panduan kepada pengkaji dalam menjalankan kajian dan menghuraikan aspek dan isu yang dikaji. Dalam kajian ini akan melalui dua tahap iaitu yang pertama analisis terhadap novel *Bumi Manusia* dan keduanya terhadap filem *Bumi Manusia*. *Bumi Manusia* adalah novel Pramoedya Ananta Toer yang diadaptasi ke dalam filem. Karya Pramoedya Ananta Toer mempunyai nilai sejarah dan sastera yang tinggi, dan filem ini adalah sebahagian daripada karya yang berkaitan dengan sejarah Indonesia semasa zaman penjajahan Belanda.

#### 4.1 Sistem Hierarki Sosial Masyarakat Indonesia

##### 4.1.1 Memerintah

###### A. Pemerintah Eropah

Pemerintahan Belanda atau Eropah ini sebagai kuasa yang mengendalikan wilayah dan rakyat Indonesia. Mereka memonopoli perdagangan, mengeksploitasi sumber daya alam, dan menindas masyarakat pribumi. Dalam struktur pemerintahan tertinggi yang terdapat dalam novel dan filem *Bumi Manusia* adalah dikuasai oleh kolonial Belanda yang menguruskan dan menjalankan pentadbiran di Indonesia. Struktur pemerintahan adalah dibawa dari Eropah bagi melancarkan pentadbiran. Melalui karya "Max Havelaar," Douwes



Dekker (pseudonim Multatuli) mengkritik keras eksploitasi dan ketidakadilan yang dilakukan oleh kolonial Belanda di Hindia Belanda di Indonesia. Karyanya menjadi suara perlawanan terhadap praktik kolonial dan menyoroti penderitaan rakyat pribumi yang dijalankan oleh Eropah.

Undang-undang yang digunakan oleh pihak Eropah dalam menjalankan pentadbiran adalah berdasarkan undang-undang yang digunakan di Eropah yang disesuaikan dengan pentadbiran tempatan. Namun, undang-undang tersebut masih menyebelahi kepada Eropah dan meminggirkan masyarakat Indonesia. Sebagai contohnya, dalam struktur kehakiman, sistem kehakiman adalah memberatkan kepada masyarakat Eropah dan masyarakat Pribumi ini dipinggirkan dan ditindas dengan sistem kehakiman yang dijalankan oleh Eropah yang menyebabkan berlakunya ketidakadilan.

### **Undang-undang**

Undang-undang adalah suatu sistem peraturan atau peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah atau badan yang bertanggungjawab dalam suatu negara atau undang-undang. Aristotle (384-322 SM) ahli falsafah Yunani kuno, memberikan pandangan undang-undang dalam karyanya "Politik." Bagi Aristotle, undang-undang adalah instrumen untuk mencapai keadilan dan matlamat moral dalam masyarakat. Walaupun tiada definisi undang-undang yang jelas daripada Aristotle, pandangannya memberikan asas kepada konsep undang-undang semula jadi. Tujuan undang-undang adalah untuk mengatur perilaku masyarakat, menetapkan hak dan kewajiban, serta menjaga ketertiban dalam masyarakat.

Undang-undang dapat berupa hukuman bertulis, yang secara resmi dicatat dalam dokumen hukum seperti konstitusi, peraturan pemerintah, dan akta hukuman, atau undang-undang dapat berupa hukuman umum yang berkembang dari undang-undang yang diterima dalam masyarakat seiring waktu berjalan. Dalam sistem hukuman yang lebih berstruktur, undang-undang seringkali disusun oleh badan bertanggungjawab yang terpilih, seperti parlimen atau kongres, dan kemudian disahkan oleh pemerintahan undang-undang atau pemimpin negara. Undang-undang merupakan landasan penting dalam menjaga keamanan sosial dan hukum dalam suatu negara, dan pelanggaran terhadap undang-undang dapat mengakibatkan hukuman seperti denda, hukuman penjara, atau tindakan hukum lainnya sesuai dengan ketentuan undang-undang yang berlaku berdasarkan kesalahan yang telah dilakukan.

Pengadilan Amsterdam telah juga menunjukkan Ir. Maurice Mellema menjadi wali bagi Annalies Mellema, kerana yang terakhir ini dianggap masih berada dibawah umur, sedangkan haknya ke atas warisan, sementara dia dianggap belum dewasa, juga dikelola oleh Ir. Maurice Mellema.

...

melalui peguamnya, Mr. Graeg telah mensubstitusikan kuasa ke pada rakan sejawatnya..... mengajukan pendakwaan terhadap Sanikem alias Nyai Ontosoroh dan Annalies Mellema kepada Pengadilan Putih di Surabaya tentang perwalian atas Annalies dan penjagaannya di Netherlands.

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:546)

Berdasarkan teks yang telah diberikan di atas dapat dilihat dari segi undang-undang adalah memberatkan kepada masyarakat Eropah dan itu adalah undang-undang yang tidak adil kepada masyarakat pribumi Indonesia yang cuba mendapatkan keadilan yang sewajarnya daripada undang-undang Eropah. Dalam

teks tersebut telah menunjukkan bahawa, pihak berkuasa Eropah telah menyatakan bahawa hak penjagaan Annalies telah diberikan kepada keluarga isteri pertama Tuan Mellema untuk menjaga dan menguruskan Annalies sehingga beliau berumur 18 tahun. harta milik Annalies yang ditinggalkan oleh almarhum ayahnya juga diberikan hak menjaganya kepada keluarga isteri pertama Tuan Mellema untuk menguruskan sehingga Annalies mencapai umur 18 tahun. Selain itu, Nyai Ontosoroh sebagai ibu kandung kepada Annalies telah dinafikan hak penjagaan Annalies dan menguruskan harta yang ditinggalkan oleh almarhum suaminya Tuan Mellema. Akibat daripada tidak sah taraf antara dua bangsa Eropah dan pribumi yang menyebabkan undang-undang yang ada lebih memberatkan kepada bangsa mereka itu sendiri iaitu Eropah. Ini menunjukkan bagaimana undang-undang Eropah dalam menindas masyarakat pribumi dengan undang-undang yang tidak adil kepada rakyat pribumi. Hal ini dapat dilihat dalam contoh yang kedua dalam novel Bumi Manusia iaitu;

Memang begitu Nyai, kalau soalnya undang-undang, orang tak perlu mengubah perasaan ataupun air muka. Walhasil sama sahaja, apabila orang tertawa, melonjak-lonjak atau menangis meraung-raung. Dia tetap yang menentukan, hukum itu

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:553)

MALAYSIA

KELANTAN



**Gambar 1:** Tangkap layar babak yang menunjukkan seorang pegawai Eropah yang ingin bukti Annalies anak kandung kepada Nyai Ontosoroh

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 1:17:51)



**Gambar 2:** Tangkap layar babak yang menunjukkan masyarakat tempatan yang tertindas dengan undang-undang Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 34:00)

Berdasarkan gambar 1 dan 2 di atas yang menunjukkan undang-undang yang dijalankan oleh pemerintahan Eropah yang menekan kaum Pribumi untuk mendapatkan keadilan. Undang-undang yang dijalankan oleh Eropah menyebabkan kaum pribumi tidak mendapatkan keadilan yang sewajarnya yang menyebabkan kaum pribumi ini memberontak bagi mendapatkan keadilan yang sewajarnya. Dalam rajah 1 menunjukkan undang-undang Eropah menekan Annalies untuk membuktikan bahawa Nyai Ontosoroh adalah ibu kandungnya. Walaupun hukum pribumi mengetahui bahawa Nyai Ontosoroh adalah ibu kandung Annalies yang sah dan isteri kepada Tuan Mellema yang merupakan penguasa kekayaan di kawasan tersebut serta keluarga yang berpengaruh di

kawasan itu. Manakala dalam rajah 2 menunjukkan, kaum pribumi yang tertindas ingin bangkit bagi mendapatkan hak dan keadilan bagi mereka yang sewajarnya didapatkan oleh mereka sebagai pribumi. Namun undang-undang Eropah malah meniadakan hak mereka serta penindasan yang amat berat harus dilalui oleh kaum pribumi mengikut undang-undang yang telah digariskan oleh Eropah.

### **B. Pemerintah Priyayi (Indonesia)**

Bangsawan Jawa ataupun Priyayi merupakan kelompok yang memiliki status sosial dan ekonomi yang lebih tinggi dalam masyarakat kolonial. Menurut Ki Hajar Dewantara, priyayi adalah golongan yang harus bertanggungjawab terhadap pendidikan dan kemajuan masyarakat. Ia mendorong agar priyayi tidak hanya fokus pada kepentingan diri sendiri, tetapi juga berperan aktif dalam memberikan kontribusi pada perkembangan sosial dan pendidikan. Priyayi dapat bekerja dan bebas menjadi pemerintah tempatan untuk menguruskan masyarakat Pribumi dan dapat mengumpul kekayaan yang setara dengan kolonial Eropah. Kekuasaan dan kemapanan pemerintah Priyayi sering diambil dari kerjasama dengan penjajah, dan mereka mendapat pendidikan formal dalam bahasa Belanda. Pemerintahan yang dijalankan oleh Priyayi adalah tertakluk kepada pemerintah dan garis pemerintahan yang telah ditetapkan oleh pemerintah Eropah. Kekuasaan pemerintahan Priyayi dapat dilihat sebagai penasihat kepada kolonial Eropah dalam menjalankan dan menguruskan mengenai masyarakat Pribumi. Masyarakat priyayi juga dapat keistimewaan untuk mendapatkan taraf dan tahap pendidikan Eropah kerana keluarga Priyayi berkhidmat untuk Eropah dan keistimewaan yang didapatkan adalah sebanding dengan kekuasaan yang telah mereka korbakan.

## **Undang-undang Islam**

Undang-undang Islam, juga dikenal sebagai hukum syariah, adalah sistem hukum yang didasarkan pada ajaran dan prinsip-prinsip Islam. Sayyid Qutb (1906–1966 M), seorang ahli teori dan aktivis Islam Mesir, memberikan pandangan tentang undang-undang Islam sebagai sistem lengkap yang merangkumi aspek politik, sosial dan ekonomi. Baginya undang-undang Islam mestilah menjadi asas kepada negara Islam yang melaksanakan syariah secara menyeluruh. Hukum Islam mencakup berbagai aspek kehidupan, termasuk tata cara ibadah, tata tertib sosial, masalah keluarga, ekonomi, dan hukum berat.

Hukum Islam berasal dari sumber-sumber utama, iaitu Al-Quran (kitab suci Islam) dan Hadis (tradisi dan ajaran-ajaran Nabi Muhammad). Penerapan undang-undang Islam dapat berbeza di berbagai negara dengan majoriti penduduk Islam. Beberapa negara menerapkan hukum Islam secara lebih ketat dan menjadi dasar utama sistem hukum mereka (seperti di Arab Saudi), sedangkan negara-negara lain mungkin hanya menerapkan beberapa aspek hukum Islam sebagai sebahagian dari sistem hukum mereka. Penting untuk diingat bahawa interpretasi dan penerapan hukum Islam bisa bervariasi secara signifikan di berbagai negara dan kelompok Muslim. Selain itu, banyak negara dengan penduduk beragama, termasuk yang tidak beragama Islam, memiliki sistem hukum undang-undang atau konstitusional yang berbeza.

Perkahwinanmu sah menurut hukum Islam. Membatalkan adalah menghina hukum Islam, mencemarkan ketentuan yang dimuliakan oleh umat Islam Ah, betapa aku impikan perkahwinan yang sah. Tuan selalu menolak. Ternyata kerana dia masih ada isteri yang sah. Sekarang anakku berkahwin secara sah, jauh lebih tinggi daripadaku sendiri. Namun tidak sah.

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:562)

Mahkamah Agama di Betawi mengeluarkan pernyataan, bahawa perkahwinan kami sah dan dapat dipertanggungjawabkan, tidak dapat diganggu-gugat. Sebaliknya beberapa akhbar kolonial mengejek, memaki dan melecehkan. Akhbar Nijman dan Kommers sibuk meringkaskan pernyataan-pernyataan tersebut.

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:571)

Berdasarkan contoh teks yang terdapat dalam novel di atas yang menunjukkan bahawa undang-undang Islam mengawal hukum hakam bagi semua umat Islam. Daripada undang-undang perkahwinan yang telah ditetapkan sehinggakan garis panduan yang telah ditetapkan oleh agama Islam kepada umatnya bagi menjamin kesejahteraan hidup mereka. Berdasarkan teks tersebut telah menyatakan perkahwinan antara Mingke dan Annalies adalah sah dan mereka adalah sebagai suami dan isteri seperti yang telah digariskan oleh fatwa dan Mahkamah Agama Islam mengenai perkahwinan mereka. Namun, akibat daripada masalah perkahwinan ibu dan ayah Annalies yang telah dinyatakan tidak sah oleh mahkamah Eropah yang telah memberi dampak terhadap perkahwinan Mingke dan Annalies. Ini menunjukkan, walaupun agama Islam berhak untuk menjalankan undang-undang yang tersendiri bagi umatnya namun, undang-undang yang dijalankan oleh umat Islam adalah rendah kuasanya berbanding undang-undang yang telah ditetapkan oleh mahkamah Eropah. Ini menunjukkan bagaimana status sosial antara masyarakat Pribumi dan masyarakat Eropah yang

harus diterima oleh setiap masyarakat yang mana Tanah Airnya dikuasai oleh kuasa besar yang lain.



**Gambar 3:** Tangkap layar babak yang menunjukkan ahli ulama Islam yang kecewa hukum Islam ditindas oleh Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 39:49)

Gambar 3 diatas menunjukkan hukum atau undang-undang Islam yang digunakan oleh pribumi yang beragama Islam telah ditindas oleh undang-undang Eropah. Ini merupakan salah satu ketidakadilan yang dilakukan oleh Eropah terhadap undang-undang tempatan. Undang-undang Islam tidak mampu melawan undang-undang yang dijalankan oleh Eropah, kerana undang-undang Eropah adalah undang-undang utama yang harus dipatuhi oleh undang-undang tempatan yang undang-undang Eropah tidak boleh diganggu gugat. Hal ini dapat dilihat dalam rajah 3, di mana undang-undang Islam yang digunakan oleh Mingke dalam mempertahankan perkawinannya bersama Annalies telah kalah walaupun Minke dan hukum Islam telah memberikan bukti yang cukup kuat berkaitan perkahwinan mereka yang menunjukkan hubungan mereka sebagai suami dan isteri adalah sah dalam undang-undang. Namun undang-undang Eropah tidak melihat bukti yang diberikan dan menyatakan bahawa perkahwinan antara Annalies dan Minke adalah tidak sah dalam undang-undang Eropah.



### **C. Bangsawan**

Bangsawan adalah kelompok sosial yang memiliki status tinggi dalam masyarakat, terutama dalam masyarakat yang memiliki sistem hierarki sosial. Karl Marx (1818–1883), seorang pemikir dan ahli falsafah sosialis, mengkritik aristokrasi dalam konteks sistem kapitalis. Baginya, golongan bangsawan adalah sebahagian daripada struktur kelas yang bercanggah dengan kepentingan pekerja, dan revolusi proletariat boleh menggantikan sistem ini. Mereka seringkali memiliki hak istimewa, kekayaan, dan kekuasaan dalam masyarakat. Bangsawan seringkali menduduki posisi atas dalam struktur sosial dan bisa memiliki peran penting dalam politik, kepemilikan tanah, dan hierarki kekuasaan. Status kebangsawanan mereka sering kali diwarisi secara turun-temurun dan dapat membawa hak-hak khusus, seperti mengumpulkan pajak, mengatur hukum, atau memerintah wilayah tertentu. Peran dan signifikan mereka dalam masyarakat dapat berubah seiring berjalannya waktu dan perubahan sosial serta politik yang berlaku.

### **Eropah**

Sampai sejauh itu sahaja orang mengenal nama Tuan Mellema. Orang sama sekali tidak pernah melihatnya lagi. Sebaliknya, orang lebih banyak menyebut nama gundiknya: Nyai Ontosoroh, gundik yang banyak dikagumi orang. Rupawan, berumur tiga puluhan, pengendali seluruh perusahaan pertanian yang besar itu. Dari nama Buitenzorg itu dia mendapatkan nama Ontosoroh dengan sebutan Jawa.

Kata orang, keamanan keluarga dan perusahaan itu dijaga oleh seorang pendekar Madura, Darsam dan pasukannya. Maka tidak ada orang yang berani datang membuat kacau di Istana Kayu itu.

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:19)

Berdasarkan contoh teks diatas, sebagai seorang bangsawan Eropah yang ternama dan kaya-raya, tidak dapat dinafikan jika seorang bangsawan itu mempunyai seorang gundik yang membantu beliau dalam menguruskan perusahaan atau perniagaan yang dijalankan. Ini adalah kerana, seorang bangsawan itu atau pemilik perusahaan itu akan mempunyai seorang atau lebih pembantu yang akan membantu beliau dalam menguruskan perniagaan dan mempunyai seseorang yang beliau amat percaya dalam mengelola perusahaannya dengan baik. Kerana, seorang bangsawan akan mempunyai banyak hal lain yang perlu dilakukan dan bangsawan juga akan menunggu untuk menikmati hasil yang akan dituai oleh pembantunya hasil daripada perniagaan. Sebagai contohnya, Nyai Ontosoroh sebagai seorang gundik yang amat dipercayai oleh Tuan Mellema untuk menguruskan perniagaan, pertanian dan peternakan yang diusahakan olehnya. Nyai menguruskan perniagaan tersebut daripada beliau tidak tahu apa-apa mengenai perniagaan sehingga beliau berjaya menyakinkan Tuan Mellema bahawa beliau boleh dipercayai oleh Tuan Mellema untuk menguruskan perniagaan tersebut sehingga lebih berkembang dan sebarang keputusan yang dilakukan oleh Nyai tidak akan ada sebarang bantahan. Selain itu, seorang bangsawan juga berhak untuk mengambil sesiapa sahaja sebagai pegawai atau pengawal bagi menjaga keselamatan keluarga dan keselamatan perniagaan. Hal ini dapat dilihat apabila Tuan Mellema mengambil Darsam yang merupakan seorang pendekar yang terkenal di Madura sebagai pengawalnya untuk menjamin keamanan dari segala aspek. Justeru itu, ini merupakan keistimewaan yang dimiliki oleh seorang bangsawan yang terkenal dan kaya-raya dari bangsa Eropah.



**Gambar 4:** Tangkap layar babak yang menunjukkan bangsawan Eropah yang meminta untuk mahkamah untuk berhenti bersidang

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 1:11:24)



**Gambar 5:** Tangkap layar babak yang menunjukkan Tuan Mellema mengambil pekerja yang baharu

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 2:13:57)

Menjadi bangsawan Eropah merupakan hal yang amat diinginkan oleh mana-mana bangsawan pribumi yang lain. Dalam gambar 4 seorang bangsawan Eropah menghentikan proses perbincangan tentang penyebab kematian Tuan Mellema, kerana situasi di mahkamah yang tidak dapat dikawal oleh hakim. Ini menunjukkan betapa besarnya kuasa yang dimiliki oleh bangsawan Eropah sehingga mahkamah mengikut kata-katanya untuk menghentikan perbincangan dan tangguh pada masa yang lain. Kuasa yang besar ini hanya dimiliki oleh seorang bangsawan Eropah yang berpengaruh dalam khalayak dan mempunyai posisi yang tinggi dalam masyarakat Eropah, yang menyebabkan mahkamah

terpaksa mengikuti kata-kata daripada bangsawan tersebut. Selain itu, dalam gambar 5 menunjukkan Tuan Mellema mengambil seorang pekerja untuk bekerja dalam menguruskan hal ehwal perniagaan Tuan Mellema. Tidak dinafikan tuan mellema merupakan seorang bangsawan Eropah yang besar namanya dalam masyarakat yang kaya dan berkuasa di tempatnya. Posisi Tuan Mellema sebagai seorang bangsawan Eropah yang kaya dan berkuasa itu menyebabkan masyarakat sanggup berbuat apa sahaja untuk memenangkan hati Tuan Mellema bagi mendapatkan bantuan ataupun untuk bekerja bersama Tuan Mellema.

### **Pribumi**

Ditimbang Nendamu menjadi Bupati, ditimbang dihormati semua orang anak terpuandai dalam keluarga terpuandai di seluruh kota, ya Tuhan apa yang bakal terjadi pada anak ini.


(Pramoedya Ananta Toer, 2023:205)

...Kau siswa H.B.S., kan? Bolehkan esok petang pada jam lima kau datang ke rumah kami?

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:224)

Berdasarkan daripada teks yang telah diambil daripada novel *Bumi Manusia* yang telah menunjukkan status sosial seorang bangsawan yang dimiliki oleh keluarga pribumi yang merupakan impian yang diinginkan oleh setiap pribumi yang dijajah oleh Eropah. Seorang bangsawan pribumi akan dihormati dalam kelompok masyarakat, ini adalah kerana, ia merupakan kedudukan yang setara dengan bangsawan Eropah. Bangsawan pribumi juga dapat mengabdikan dirinya untuk berkhidmat dengan pemerintahan Eropah bagi menguruskan

perkara-perkara yang berkaitan dengan bangsanya sendiri. Di Samping dihormati dalam masyarakat, banyak akses yang akan diperoleh oleh bangsawan pribumi. Antaranya adalah, boleh mendapatkan pendidikan yang diajarkan oleh aliran Eropah dan dapat menyertai apa-apa sahaja aktiviti atau keramaian yang dianjurkan oleh Eropah. Seterusnya, bangsawan pribumi yang menabur khidmat dalam pemerintahan yang dikelola oleh Eropah akan dihormati oleh pihak Eropah jika pemerintahan yang dijalankan itu adalah sesuai dengan apa yang digariskan oleh Eropah serta tidak melanggar dan berusaha untuk menjatuhkan Eropah. Hal ini dapat dilihat berdasarkan teks di atas, dimana Mingke telah berjaya memenangkan hati pemerintah Eropah selepas beliau berjaya menjadi penterjemah kepada ayahnya dalam suatu program yang dihadiri oleh pemerintah setempat Eropah.



**Gambar 6:** Tangkap layar babak yang menunjukkan Minke menjadi penterjemah bagi ayahnya sewaktu pertemuan bersama pegawai Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 1:53:32)



**Gambar 7:** Tangkap layar babak yang menunjukkan Minke sedang dinasihati oleh ibunya

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 1:58:41)

Berdasarkan gambar 6 yang diambil dari filem *Bumi Manusia* yang menunjukkan bahawa seorang bangsawan pribumi mampu untuk duduk sebangku dan setara dengan bangsawan Eropah. Menjadi bangsawan dalam kalangan masyarakat adalah sebuah hal yang amat besar kerana mampu untuk berkhidmat bagi Eropah bagi melayani masyarakat tempatan yang lain. Ini dapat dilihat apabila, ayahnya Minke adalah golongan bangsawan yang bekerja sebagai penasihat Eropah yang menguruskan hal ehwal berkaitan dengan masyarakat tempatan. Dan hal ini juga merupakan hal yang amat baik kepada keluarga Minke kerana keluarganya juga dapat hidup dengan selesa dan boleh bekerja dalam pemerintahan Eropah. Seterusnya dalam gambar 7, Minke sebagai seorang anak bangsawan yang berpengaruh boleh melanjutkan pendidikan di sekolah yang terkenal dan dalam keluarga bangsawan dan sekolah yang mempunyai rekod kecemerlangan murid yang amat baik dan merupakan sekolah ternama dan utama bagi bangsawan Eropah. Sebagai keluarga bangsawan juga ini merupakan hal yang sangat baik kerana Minke adalah seorang anak dan pelajar yang sangat cemerlang di sekolahnya.

## 4.1.2 Diperintah

### A. Pedagang

Pedagang ialah individu atau entiti yang terlibat dalam membeli dan menjual barangan atau perkhidmatan dengan tujuan untuk mengaut keuntungan. Mereka memainkan peranan penting dalam ekonomi dengan menghubungkan pengeluar atau pembekal barangan dan perkhidmatan dengan pengguna. Adam Smith (1723-1790), seorang ahli ekonomi dan ahli falsafah Scotland, mengembangkan pandangan perdagangan dalam karyanya "The Wealth of Nations." Baginya, pedagang mempunyai peranan penting dalam mewujudkan kesejahteraan masyarakat. Smith mempopularkan konsep "tangan tak terlihat" yang menyatakan bahawa, melalui tindakan mementingkan diri mereka, peniaga secara tidak langsung menyumbang kepada kesejahteraan umum dengan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Pedagang boleh beroperasi di pelbagai peringkat, termasuk tempatan, serantau, kebangsaan dan antarabangsa. Peniaga adalah sebahagian daripada sistem ekonomi dan memainkan peranan dalam memacu aktiviti ekonomi dengan menyediakan akses kepada pelbagai barangan dan perkhidmatan. Kejayaan peniaga selalunya bergantung pada keupayaan mereka untuk memahami pasaran, mengikuti arah aliran dan menjalankan operasi perniagaan yang cekap.

### Masyarakat Tionghua

"Masyarakat Tionghua" atau "masyarakat Tionghoa" adalah istilah yang merujuk kepada komuniti keturunan Cina atau Cina yang tersebar di pelbagai negara di seluruh dunia. Orang Cina mempunyai sejarah dan budaya yang kaya

dan pelbagai, dan mereka telah menyumbang dengan ketara kepada bidang seperti ekonomi, seni, budaya, dan politik di pelbagai negara. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa masyarakat Cina adalah kumpulan yang sangat pelbagai, dan adalah mustahil untuk membuat generalisasi tentang semua ahlinya. Mereka mempunyai pelbagai latar belakang, kepercayaan dan pengalaman yang berbeza bergantung kepada negara tempat mereka tinggal.

...Pelabot telbaik, Nyo. Balu selesai dibuat, gaya Plancis sejati. Memang Tuan Majool suka segala yang Plancis. Ini buatan tukang-tukang Plancis kenamaan. Pelabot paling mahal, Nyo dalam gedung ini. ...Ada wiski dan sake apa sahaja Sinyo suka. Kerusi, almari gantung, sofa, kelusi panjang,” katanya sambil menunjuk perabot itu satu demi satu. “Lanjang belukil begini bikin tidul lebih tenang dan senang. Bukan Maiko?...

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:281)

Teks diatas menunjukkan sisi daripada masyarakat Tionghua yang terdapat dalam novel *Bumi Manusia*. Masyarakat Tionghua yang terdapat dalam novel ini merupakan masyarakat yang dibawa masuk oleh Eropah ke tanah Jawa untuk bekerja dan berkhidmat untuk Eropah. Masyarakat Tionghua dalam novel ini bekerja sebagai peniaga yang menjalankan perniagaan pelacuran. Pemilik pelacuran telah menyediakan wanita bagi hiburan kepada pihak Eropah atau masyarakat setempat. Wanita yang digunakan sebagai pelacur adalah wanita yang dibawa masuk daripada kalangan masyarakat Tionghua yang dibawa masuk secara berperingkat. Selain itu, dalam teks di atas dapat dilihat daripada segi watak yang menerangkan mengenai perabot yang dibuat serta motif yang terdapat pada perabot berkenaan yang menunjukkan unsur peniaga yang berketurunan



Tionghua. Serta penggunaan pelat Tionghua yang membezakan watak dengan watak yang lain.



**Gambar 8:** Tangkap layar babak yang menunjukkan gambaran hadapan rumah pelacuran

(Sumber: Filem Bumi Manusia,2019: Minit 2:48:51)



**Gambar 9:** Tangkap layar babak yang menunjukkan pegawai pelacur yang sedang dibicarakan mengenai kematian Tuan Mellema

(Sumber: Filem Bumi Manusia,2019: Minit 1:08:50)

Gambar diatas menunjukkan seorang pelacur yang dibawa masuk oleh pemilik rumah pelacuran iaitu Babah Ah Tjong yang menjalankan aktiviti pelacuran menggunakan wanita yang dibawa masuk dari Jepun, wanita Tionghua sebagai pelacur. Pada awalnya masyarakat Tionghua ini dibawa masuk oleh Eropah adalah bagi hiburan pihak Eropah sahaja. Namun perdagangan pelacuran ini telah berkembang dengan pesat dalam yang menyebabkan jumlah pelacur yang

dibawa masuk adalah semakin meningkat mengikut permintaan daripada pelanggan yang menggunakan khidmat mereka. Perdagangan pelacuran ini adalah menyediakan hiburan dalam kalangan masyarakat lelaki bangsawan yang menginginkan keseronokan. Perdagangan seperti ini mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat bangsawan dan masyarakat tempatan yang mencari hiburan dan keseronokan. Seorang pelacur akan melayani pelanggan yang sanggup membayar mahal bagi khidmat mereka. Justeru itu perdagangan ini merupakan sebuah perdagangan yang mendapat sambutan tinggi dalam masyarakat.

## **B. Masyarakat / Masyarakat bebas**

"Masyarakat" merujuk kepada sekumpulan individu yang tinggal bersama dalam kawasan geografi atau komuniti tertentu dan berinteraksi antara satu sama lain dalam kehidupan seharian. Emile Durkheim (1858-1917), sebagai ahli sosiologi Perancis, Emile Durkheim menyumbangkan konsep fungsionalisme dalam pemikiran sosial. Bagi beliau, masyarakat adalah satu sistem yang terdiri daripada pelbagai institusi sosial yang saling berkaitan dan mempunyai fungsi tertentu dalam mengekalkan keseimbangan dan integrasi sosial. Konsep masyarakat merangkumi sebilangan orang yang telah mentakrifkan hubungan sosial, budaya, ekonomi, atau politik, dan mereka sering mempunyai matlamat dan nilai bersama yang menjadi asas identiti dan interaksi mereka. Masyarakat mempunyai struktur sosial yang mengawal hubungan antara ahlinya. Ini boleh termasuk keluarga, kumpulan etnik, kelas sosial, agama, dan organisasi lain yang membentuk sebahagian daripada kehidupan sosial. Masyarakat mempunyai budaya yang unik, yang merangkumi nilai, norma, adat resam, bahasa, seni, dan

aspek budaya lain. Budaya memainkan peranan penting dalam membentuk identitas sebuah masyarakat. Kehidupan ekonomi masyarakat melibatkan pelbagai aktiviti ekonomi, termasuk pengeluaran, pengedaran dan penggunaan barangan dan perkhidmatan. Sistem ekonomi boleh berbeza-beza, daripada ekonomi pasaran kepada ekonomi terancang. Struktur politik masyarakat termasuk organisasi kerajaan dan peraturan yang mengawal pembuatan keputusan politik dan pelaksanaan undang-undang.

Masyarakat mempunyai perpaduan sosial yang membolehkan kerjasama dan interaksi antara individu. Ia melibatkan norma sosial yang mengawal tingkahlaku anggota masyarakat. Masyarakat melibatkan interaksi harian antara individu dalam pelbagai konteks, termasuk keluarga, sekolah, tempat kerja dan komuniti. Masyarakat juga mengalami perubahan sosial dari masa ke semasa. Perubahan ini boleh merangkumi perkembangan teknologi, perubahan dalam norma sosial, perubahan demografi dan peristiwa sejarah yang memberi kesan kepada masyarakat. Oleh itu, Masyarakat adalah entiti yang kompleks, dan konsep ini mungkin berbeza-beza dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Masyarakat boleh merangkumi kumpulan kecil seperti kampung atau komuniti bandar kecil, atau masyarakat yang lebih besar seperti negara atau bahkan sekumpulan besar negara yang membentuk masyarakat global. Interaksi dan dinamik dalam masyarakat banyak dipengaruhi oleh budaya, nilai dan keadaan sejarah, ekonomi dan politik yang wujud di dalamnya.

Para pelajar seakan-akan gila berpesta merayakan pertabalan ini, dengan pertandingan, pertunjukan, pameran keterampilan, dan kebiasaan yang dipelajari oleh orang Eropah; bola speak, standen, dan besbol...

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:12-30)

Terserahlah. Setidak-tidaknya senang juga ada teman Annalies datang berkunjung. Hei Ann, layan tetamumu ini dengan baik.


(Pramoedya Ananta Toer, 2023:12-30)

Berdasarkan petikan yang telah diberikan di atas dapat dilihat bahawa, masyarakat yang bebas atau masyarakat merdeka mempunyai status pergaulan yang berbeza sesama dengan masyarakat yang lain. Masyarakat bebas boleh melibatkan diri dalam sektor ekonomi untuk bekerja dan mendapatkan wang bagi menyara keluarga mereka. Masyarakat yang bebas juga mempunyai hak untuk mendapatkan taraf pendidikan yang sesuai dengan mereka. Bagi para pelajar mereka boleh melibatkan diri dalam dalam aktiviti yang tersedia di sekolah. Teks diatas menunjukkan, masyarakat yang bebas ini berhak untuk menyertai apa sahaja pesta atau keramaian yang dijalankan oleh pihak Eropah yang menunjukkan sebagai masyarakat pribumi menghormati dan merayakan sekali perayaan yang disambut oleh Eropah. Serta masyarakat yang bebas ini juga berhak untuk menghadiri apa sahaja pameran atau perlawanan permainan yang dianjurkan oleh pihak Eropah. Hal ini adalah berbeza dengan status hamba yang tidak mendapat kebebasan seperti masyarakat bebas pada umumnya.



**Gambar 10:** Tangkap layar babak yang menunjukkan masyarakat menghadiri majlis perkahwinan Minke dan Annalies

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 44:58)



**Gambar 11:** Tangkap layar babak yang menunjukkan yang menunjukkan masyarakat menghadiri majlis yang dikelola oleh Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 2:55:00)

Berdasarkan daripada gambar yang diambil dari filem *Bumi Manusia* yang menunjukkan masyarakat bebas dapat melakukan apa yang ingin dilakukan oleh mereka. Masyarakat bebas adalah masyarakat yang tidak terikat terhadap sesuatu perkara namun masih termaktub dalam undang-undang yang telah digariskan. Hal ini dapat dilihat dalam filem *Bumi Manusia*, dimana masyarakat bebas dapat menghadiri keramaian yang diadakan untuk berhibur dan bergaul dengan kelompok masyarakat yang lain. Ini adalah seperti masyarakat bebas dalam rajah 10 yang menghadiri majlis perkahwinan Minke dan Annalies yang dijalankan dalam kawasan perumahan Annalies. Ini menunjukkan hanya masyarakat bebas

yang dapat menghadiri majlis yang begitu megah dan bermakna bagi Minke dan Annalies. Masyarakat bebas tidak semestinya adalah masyarakat bebas yang kaya terdapat juga masyarakat bebas yang sederhana dan miskin. Dalam perkahwinan Annalies dan Minke masyarakat bebas yang hadir adalah masyarakat bebas yang terdiri dari semua golongan. Ini adalah kerana, Annalies dan ibunya amat mengasihi dan membantu masyarakat pribumi yang dalam kesusahan dan miskin. Justeru itu, mereka juga turut menghadiri majlis tersebut. Selain itu, dalam rajah 11 yang menunjukkan setiap lapisan masyarakat bebas menghadiri majlis atau keramaian yang dijalankan oleh Eropah yang dapat dilihat pada awal permulaan filem Bumi Manusia.

### **C. Pertanian**

Pertanian adalah sektor ekonomi yang berhubungan dengan budidaya tanaman, ternakan, dan produksi bahan makanan. Pertanian adalah salah satu sektor ekonomi tertua dan paling penting di dunia karena menyediakan makanan, serat, dan berbagai produk penting lainnya. Pertanian memiliki peranan penting untuk memenuhi kebutuhan makanan bagi manusia serta dalam pembangunan ekonomi di banyak negara. Terus menerapkan latihan pertanian lanjutan dan mengatasi tantangan seperti perubahan iklim adalah aspek penting dalam menjaga keberlanjutan sektor pertanian dalam memenuhi keperluan masyarakat.

## **Peladang**

Petani merupakan istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada individu atau petani yang bekerja di sektor pertanian. Penternak adalah orang yang terlibat dalam penanaman tanaman atau ternakan, serta aktiviti berkaitan pertanian. Mereka melakukan pelbagai tugas, termasuk menanam, menjaga, dan menuai tanaman, atau menjaga ternakan, mengikut jenis pertanian yang mereka amalkan. Petani boleh mempunyai pelbagai tahap pengetahuan dan pengalaman dalam pertanian, dan mereka boleh bekerja sebagai pemilik ladang mereka sendiri atau sebagai pekerja di ladang orang lain. Peranan petani amat penting dalam memastikan bekalan makanan, baik pada skala tempatan mahupun global. Adalah penting untuk diingat bahawa istilah "petani" boleh berbeza-beza dalam konteks budaya dan geografi tertentu. Walau bagaimanapun, secara amnya, petani adalah individu yang terlibat dalam amalan pertanian.

Jadi Nyai Ontosoroh melakukan pekerjaan pejabat. Pekerjaan seperti apa yang dia boleh lakukan?

“Administrasi?” tanyaku meneka.

semuanya. Akaun, perdagangan, surat-menyurat, bank.

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:43)

...Muncul dihadapankanku sebagai gadis luar biasa, bukan hanya dapat mengatur pekerjaan yang begitu banyak, juga seorang penunggang kuda, dapat memerah susu lebih banyak daripada semua tukang perah.”

Tentu. Bagaimana dapat mengawal hasil tuaian seluas itu kalau tidak berkuda?

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:46)

Teks diatas menunjukkan bagaimana seorang peladang yang menguruskan dan menjalankan aktiviti perladangan. Berdasarkan teks yang telah diberikan yang memaparkan, watak Nyai Ontosoroh yang mengelola pertanian, penternakan, dan perniagaan yang dijalankan oleh suaminya Tuan Mellema. Nyai Ontosoroh belajar mengenai perniagaan adalah daripada suaminya yang mengajarnya yang mengajarnya dari awal sehingga beliau diberikan kepercayaan untuk mengelola perniagaan yang besar dan maju sehingga mereka dikurniakan dengan dua cahaya mata. Di Bawah kelolaan Nyai Ontosoroh, aktiviti perladangan milik Tuan Mellema semakin berkembang maju dan segala yang berkaitan dengan perniagaan keluarganya adalah diuruskan sendiri oleh Nyai Ontosoroh dan dibantu oleh Annalies yang sentiasa bersedia membantu ibunya dalam menjalankan dan menjaga pertanian, penternakan dan perniagaan mereka tanpa mengharapkan bantuan daripada yang lain. Di Bawah kelolaan Nyai dan Annalies mereka membantu warga pribumi dengan memberikan pekerjaan yang sewajarnya.



**Gambar 12:** Tangkap layar babak yang menunjukkan Nyai Ontosoroh sedang memerhati pegawainya mengira hasil pertanian

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 2:41:26)





**Gambar 13:** Tangkap layar babak yang menunjukkan Annalies sedang bekerja di ladang

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 1:44:13)

Dalam gambar 12 dan 13 yang menunjukkan Nyai Ontosoroh dan Annalies yang mengerjakan kegiatan perladangan yang dilakukan dari awal hingga akhir. Nyai telah diberikan kepercayaan oleh suaminya Tuan Mellema untuk menguruskan ladang, pertanian, penternakan dan perniagaan milik keluarga mereka. Nyai mempelajari urusan dalam mengelola ladang dan perniagaan adalah daripada suaminya sewaktu beliau tiba di rumah Tuan Mellema sebagai seorang Gundik. Ini adalah kerana, Nyai adalah seorang wanita yang tidak pernah mendapatkan pendidikan secara formal mahupun pendidikan yang diajarkan oleh ibu bapanya. Namun, setelah beliau tiba di rumah Tuan Mellema, beliau telah diberikan peluang untuk belajar daripada awal seperti mengenal huruf, mengeja dan membaca. Sejak daripada itu, Nyai belajar dengan bersungguh-sungguh dalam pendidikan sehingga beliau diberikan kepercayaan oleh Tuan Mellema untuk menguruskan ladang milik keluarga mereka. Nyai dan Annalies begitu gembira dan seronok dalam mengerjakan hal-hak di ladang. Walaupun pekerjaan tersebut adalah pekerjaan bagi lelaki namun itu tidak mematahkan semangat nyai dan Annalies dalam mengerjakan pekerjaan mereka.

## **Petani**

Petani ialah individu atau orang yang bekerja dalam sektor pertanian dan menumpukan kepada penanaman tanaman, ternakan dan pengeluaran makanan. Mereka mempunyai peranan penting dalam menyediakan makanan, makanan, serat dan pelbagai hasil pertanian lain bagi memenuhi keperluan rakyat. Petani bekerja keras untuk memastikan bekalan makanan yang stabil dan mampan. Peranan mereka penting dalam keselamatan makanan dan pembangunan ekonomi di banyak negara. Meneruskan pelaksanaan amalan pertanian yang cekap dan mampan adalah kunci untuk menghadapi cabaran masa depan dalam pertanian.

Perempuan bekerja di perusahaan! Mengenakan baju belacan pula!  
Perempuan kampung berbaju! Dan tidak di dapur rumah tangga sendiri!...

...

Perempuan meninggalkan dapur rumah tangga sendiri, berbaju kerja, mencari kehidupan di perusahaan orang, bercampur pula dengan lelaki! Apa ini juga tanda zaman moden di Hindia?

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:41)

Berdasarkan contoh teks yang telah diberikan dapat dilihat bahawa, dalam aktiviti pertanian atau pekerjaan. Tiada yang dapat membezakan jantina antara lelaki dan wanita untuk bekerja. Dapat dilihat dalam teks yang diberikan, kaum wanita lebih mendominasi dalam pekerjaan walaupun pekerjaan yang mereka lakukan adalah sebenarnya pekerjaan yang harus dilakukan oleh kaum lelaki. Kaum wanita sanggup melakukan pekerjaan lelaki adalah kerana keadaan kehidupan mereka yang mendesak dan mendorong mereka untuk turun bekerja untuk mendapatkan wang bagi menyara keluarganya. Seperti yang diketahui

umum, pada zaman dahulu tempat wanita adalah untuk melayani suami dan melakukan pekerjaan dapur. Namun setelah kedatangan penjajah yang menyebabkan berlakunya masalah yang tidak mereka inginkan yang menyebabkan kaum wanita sendiri mencari inisiatif untuk turun bekerja dalam ruang bagi membantu suami mereka bagi mendapatkan wang untuk keluarga mereka. Berkat daripada bantuan yang diberikan oleh Nyai Ontosoroh dan Annalies yang mengambil kaum pribumi sebagai pekerja untuk bekerja dalam pertanian, penternakan dan perniagaan mereka, kebanyakan kaum pribumi setempat yang susah dapat dibantu untuk diberikan pekerjaan. Itu merupakan inisiatif yang dilakukan oleh Nyai Ontosoroh dalam usahanya untuk membantu kaum pribumi yang berada dalam kesusahan. Bukan sahaja membantu dalam sektor ekonomi kaum pribumi, Annalise juga membantu dalam mendidik dan memberi ilmu kepada kanak-kanak yang mengikuti ibu bapa mereka bekerja.



**Gambar 14:** Tangkap layar babak yang menunjukkan situasi petani sedang memetik hasil pertanian

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 2:37:03)



**Gambar 15:** Tangkap layar babak yang menunjukkan seorang pengurus yang membantu Minke di ladang

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 42:05)

Filem *Bumi Manusia* 2019 pula menunjukkan petani dan pekerja yang bekerja di ladang milik Nyai Ontosoroh adalah pekerja yang diambil dalam kalangan masyarakat pribumi yang hendak bekerja dan mengubah nasib keluarga mereka. Setiap pekerja yang diambil oleh Nyai dibahagikan mengikut pembahagian ladang yang ada seperti, pertanian sayuran, peternakan dan perniagaan susu lembu. Petani yang bekerja di ladang yang dikelola oleh Nyai dapat hak yang seharusnya diberikan oleh majikan kepada pekerjanya. Contohnya, setiap pekerja dapat menentukan hari apakah yang mereka ingin bercuti daripada bekerja. Cuti merupakan sebuah hak yang harus diberikan kepada setiap pekerja yang masih ditekan oleh pemerintah di setiap negara agar setiap pekerja diberikan cuti dalam seminggu walaupun cuti adalah sehari. Hal ini dilakukan oleh Nyai untuk menjaga kebajikan setiap pekerjanya, ini adalah bertujuan pekerjanya dapat mempunyai hari untuk berehat dan meluangkan masa bersama keluarga. Nyai sangat bersungguh-sungguh dalam menjaga kebajikan setiap pekerjanya. Setiap pekerja diperlakukan seperti keluarganya oleh Annalies tanpa mengira status. Annalies turut memberikan pendidikan kepada setiap anak petani yang mengikuti ibu bapanya bekerja. Mereka tidak melarang setiap petani

untuk tidak membawa anak-anak mereka semasa bekerja. Malah anak-anak petani juga dibenarkan untuk membantu ibu bapa mereka untuk melakukan kerja.

#### **D. Hamba**

Perkataan “hamba” ialah perkataan yang merujuk kepada seseorang yang memenuhi peranan hamba atau hamba kepada orang lain. Abraham Lincoln (1809-1865), Presiden ke-16 Amerika Syarikat, Abraham Lincoln, melihat perhambaan sebagai ketidakadilan yang bertentangan dengan prinsip demokrasi dan kebebasan individu. Perang Saudara Amerika telah dicetuskan sebahagian besarnya oleh perbezaan pandangan mengenai perhambaan. Istilah ini sering digunakan dalam konteks sejarah atau dalam konteks budaya untuk merujuk kepada masyarakat atau sistem yang melibatkan perbezaan status sosial atau kasta di mana sekumpulan orang berkhidmat kepada orang lain. Dalam sesetengah masyarakat, terutamanya pada masa lalu, sistem kasta memisahkan manusia kepada kumpulan yang berbeza dari segi status sosial dan tugas. Kumpulan hamba atau hamba biasanya berada pada tahap sosial yang lebih rendah dan berkhidmat kepada kasta atau kumpulan yang lebih tinggi.

Selain itu, sepanjang banyak sejarah, hamba adalah orang yang dianggap sebagai hamba atau harta orang lain. Mereka tidak mempunyai kebebasan dan dikehendaki berkhidmat kepada tuan mereka. Tambahan pula, dalam beberapa tradisi agama, istilah "hamba" digunakan untuk menggambarkan hubungan antara manusia dan Tuhan. Sebagai contoh, dalam Islam, "Abd" (hamba) digunakan untuk menggambarkan hubungan tunduk dan patuh antara manusia dengan Allah. Adalah penting untuk memahami bahawa penggunaan perkataan "hamba" boleh

berbeza-beza bergantung pada konteks dan budaya. Dalam kebanyakan masyarakat moden, istilah ini sering tidak lagi digunakan dalam konteks sosial atau budaya yang sama seperti pada masa lalu, dan lebih kerap merujuk kepada hubungan agama atau satu bentuk penghormatan formal dalam perbualan.

Seorang pelayan wanita menghidangkan susu coklat dan kuih. Dan pelayan itu tidak datang merangkak-rangkak seperti kepada majikan pribumi. Malah dia melihat kepadaku seperti menyatakan kehairanan. Tak mungkin hal itu terjadi kepada majikan peribumi, dia harus menunduk, menunduk terus...

(Pramoedya Ananta Toer, 2023:31)

Status hamba adalah status yang paling rendah dalam hierarki sosial masyarakat yang ada. Dalam contoh teks yang telah diberikan di atas, hamba dilakukan dengan sewenangnyanya oleh pihak Eropah yang menjadikan mereka sebagai hamba. Pihak Eropah melihat hamba ini sebagai seorang yang tidak sewajarnya diperlakukan layaknya manusia dan hanya layak diperlakukan layaknya haiwan. Hamba harus melakukan apa sahaja yang disuruh oleh “tuan” atau majikannya tanpa boleh membantah atau menolak apa yang disuruh oleh tuannya. Jika hamba disuruh untuk mengadap atau berjumpa dengan tuannya, hamba haruslah merangkak dan tidak boleh memandang ke atas melihat wajah tuannya. Ini adalah kerana, hamba adalah kelas sosial yang paling bawah yang tidak setaraf dengan majikannya. Sebagai seorang hamba, hamba hanya boleh melakukan apa yang disuruh oleh majikannya dan tidak boleh melawan kata-kata atau arahan yang diberikan oleh tuannya. Jika hal itu berlaku, majikan kepada hamba tersebut boleh memberikan hukuman yang selayaknya kepada hamba atas kesalahan yang dilakukan serta majikan tersebut boleh menjatuhkan hukuman

mati kepada hambanya. Sebagai seorang hamba harus taat dan setia kepada tuanya sehingga khidmat mereka habis ataupun harus berkhidmat seumur hidup kepada majikannya itu.



**Gambar 16:** Tangkap layar babak yang menunjukkan seorang hamba ditindas dan dihina oleh majikannya

(Sumber: Filem Bumi Manusia,2019: Minit 2:49:52)



**Gambar 17:** Tangkap layar babak yang menunjukkan Darsam memberitahu Minke bahawa Robert menyuruh untuk membunuhnya

(Sumber: Filem Bumi Manusia,2019: Minit 1:48:06)

Gambar 16 menunjukkan bagaimana seorang hamba diperlakukan oleh tuannya jika seorang hamba melakukan kesalahan. Dalam filem Bumi manusia ini dapat dilihat bagaimana seorang bangsawan Eropah memarahi dan menghina seorang hambanya. Seorang tuan, dapat melakukan apa sahaja ke atas hambanya

jika hamba tersebut melakukan kesalahan dan ini harus diterima oleh seorang hamba kerana tuannya tersebutlah yang menjaga dan merawatnya walaupun hanya sebagai seorang hamba. Seorang hamba tidak boleh melawan apa yang dilakukan dan diperintahkan oleh majikannya. Selain itu dalam gambar 17, dapat dilihat bagaimana Darsam sebagai seorang hamba kepada keluarga Tuan Mellema yang tugasnya menjaga keselamatan keluarga Tuan Mellema daripada bahaya yang mungkin akan menyerang keluarga Tuan Mellema. Darsam sebagai seorang pendekar yang diambil sebagai seorang hamba juga harus patuh terhadap arahan yang diberikan oleh tuannya. Dapat dilihat, dalam teks yang terkandung dalam rajah tersebut yang diucapkan oleh Darsam yang menyatakan Robert iaitu anak lelaki kepada Nyai Ontosoroh yang menugaskan Darsam untuk membunuh Minke. Namun hal tersebut tidak dilakukan oleh Darsam kerana Darsam adalah hanya seorang hamba kepada Tuan Mellema dan Nyai Ontosoroh. Darsam hanya akan mengikuti perintah yang dikeluarkan oleh Nyai dan Tuan Mellema sahaja tidak kepada anak-anak Tuan Mellema dan Nyai. itu yang menyebabkan Darsam tidak membunuh Minke kerana, arahan Nyai yang meminta Darsam untuk menjaga dan melindungi Minke daripada bahaya. Dan juga Darsam turut mengetahui bagaimana keadaan dan hubungan Robert dengan Nyai yang renggang hanya kerana Nyai Ontosoroh adalah seorang Pribumi dan Robert menganggap dirinya adalah bangsawan mulia Eropah yang tidak setaraf dengan pribumi.

Dapat disimpulkan bahawa, adaptasi yang dilakukan daripada novel *Bumi Manusia* ke dalam filem *Bumi Manusia*, mempunyai kelainan yang telah dilakukan oleh pengarah filem daripada teks asal *Bumi Manusia*. Ini adalah bagi menyesuaikan jalan cerita dengan keadaan sekarang dan mengelakkan berlakunya



perselisihan faham dalam masyarakat. Ini adalah kerana, seperti yang umum mengetahui teks *Bumi Manusia* ini ditulis oleh Pramoedya Ananta Toer berdasarkan pengalaman beliau sewaktu penjajahan Eropah. Dan novel ini pernah disekat keluarannya oleh pemerintah kerana terdapat unsur meghasut yang dapat menyebabkan masyarakat bergaduh dan saling bermusuhan. Kerana masyarakat Indonesia terdapat darah campuran Eropah yang boleh menyebabkan pergaduhan dan perselisihan. Oleh itu, proses adaptasi yang dilakukan adalah wajar serta yang penting adalah daripada mesej yang ingin disampaikan adalah semangat patriotisme yang sangat tinggi kepada masyarakat.

## **4.2 Kesan Kemasukan Pengaruh Eropah**

Pada abad ke-19, pengaruh Eropah terhadap masyarakat Indonesia menjadi sangat ketara dan memberi kesan kepada pelbagai aspek kehidupan. Kedatangan orang Eropah khususnya Belanda pada mulanya adalah berkaitan dengan tujuan ekonomi, tetapi seiring dengan berlalunya masa pengaruh mereka berkembang ke dalam bidang politik, sosial, budaya dan ekonomi. Walaupun proses ini juga mewujudkan konflik dan ketidaksamaan, tempoh ini penting dalam perjalanan sejarah Indonesia menuju kemerdekaan.

### **4.2.1 Struktur pemerintahan**

Struktur pemerintahan merujuk kepada organisasi dan tadbir urus sesebuah kerajaan untuk menjalankan tugas dan memberi perkhidmatan kepada rakyatnya. Struktur kerajaan merangkumi pengagihan kuasa dan tanggungjawab di kalangan pelbagai institusi dan peringkat kerajaan, serta cara kerajaan ini berinteraksi. Struktur pemerintahan boleh berbeza dengan ketara antara negara bergantung pada sistem politik

dan perlembagaan masing-masing. Sistem kerajaan seperti demokrasi berparlimen, republik presiden, atau raja berperlembagaan mempunyai struktur kerajaan yang berbeza. Novel *Bumi Manusia* karya Pramoedya Ananta Toer merupakan sebuah karya sastera yang menggambarkan kehidupan masyarakat Jawa pada awal abad ke-20 khususnya sekitar zaman penjajahan Belanda. Struktur kerajaan dalam novel ini mencerminkan keadaan politik pada masa itu, dengan kerajaan kolonial Belanda yang dominan dalam pemerintahan.

Sebelum penjajahan Belanda, Indonesia mempunyai struktur pemerintahan yang tersendiri. Hasnida Hasnida (2017) yang mengungkapkan bahawa, pemerintahan Indonesia dikuasai oleh masyarakat Pribumi itu sendiri yang mengelolakan negara dengan undang-undang yang telah ditetapkan oleh kerajaan Indonesia. Sebelum kedatangan kolonialisme Belanda, wilayah yang kini menjadi Indonesia mempunyai pelbagai bentuk pemerintahan yang bervariasi, bergantung pada kerajaan atau entiti politik yang ada. Sejarah pemerintahan Indonesia sebelum penjajahan Belanda dapat dilihat dari beberapa zaman dan entiti yang berbeza. Sebelum abad ke-20, kebanyakan wilayah Indonesia didiami oleh pelbagai kerajaan. Setiap kerajaan mempunyai kerajaan sendiri dengan sistem beraja, di mana seorang raja atau sultan memimpin, dan terdapat struktur birokrasi untuk membantu menguruskan kerajaan. Di banyak kawasan, terutamanya di pedalaman dan pulau-pulau kecil, rakyat hidup di bawah sistem pemerintahan tradisional berdasarkan adat dan kepimpinan tempatan. Sistem ini selalunya tidak berpusat dan melibatkan penyertaan aktif masyarakat dalam membuat keputusan. Selain itu, beberapa masyarakat di kepulauan itu hidup dengan sistem pemerintahan yang berkaitan dengan kehidupan maritim, seperti kerajaan pelabuhan yang kaya dengan perdagangan.

Seterusnya, beberapa kerajaan di Indonesia, seperti Kutai Martadipura di Kalimantan dan Tarumanegara di Jawa Barat, mempunyai pengaruh kuat dari India dan China dalam sistem pemerintahan dan budaya mereka. Pengaruh-pengaruh ini memberi pengaruh yang amat besar dalam pemerintahan di Indonesia iaitu, beberapa kerajaan melaksanakan sistem feodal, di mana tanah dikuasai oleh golongan bangsawan atau elit, dan masyarakat dibahagikan kepada kasta atau struktur kelas sosial tertentu. Kerajaan Sriwijaya di Sumatera dan Majapahit di Jawa merupakan dua kerajaan besar yang mempunyai pengaruh yang ketara. Majapahit misalnya mempunyai sistem pemerintahan yang tersusun dan mencapai kemuncaknya di bawah pimpinan Hayam Wuruk dan Gajah Mada. Di beberapa daerah, terutama di pedalaman atau komuniti yang lebih kecil, sistem pemerintahan didasarkan pada aturan adat dan kepemimpinan lokal. Adat istiadat dan hukum tradisional memainkan peranan penting dalam mengatur kehidupan masyarakat.

Selepas penjajahan Eropah, struktur pemerintahan Indonesia adalah dikuasai oleh Eropah dan hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam novel dan filem *Bumi Manusia* karya Pramoedya Ananta Toer yang merupakan sebuah karya yang berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui oleh Pak Pram sewaktu penjajahan Eropah. Pengaruh budaya Eropah yang dapat dilihat dalam pemerintahan tempatan Indonesia adalah, pemakaian yang dipakai oleh pemerintah tempatan adalah berdasarkan daripada panduan yang telah ditetapkan oleh Eropah. Pemerintah tempatan harus mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Eropah jika tidak pihak Eropah berhak untuk melucutkan jawatan yang dipegang oleh seseorang itu dan diberikan kepada orang lain yang mengikuti dan mentaati kepada pemerintah Eropah. Berdasarkan undang-undang pemerintahan Eropah adalah yang tertinggi dan tiada kuasa tempatan yang dapat menjatuhkan pemerintahan Eropah. Selain itu, undang-undang yang telah digariskan oleh Eropah harus diikuti oleh masyarakat pribumi jika menginginkan kemudahan dan tidak ditindas oleh Eropah.

Undang-undang Eropah mendahulukan masyarakat Eropah dan menindas dan tidak berlaku adil terhadap masyarakat pribumi.



**Gambar 18:** Tangkap layar babak yang menunjukkan individu yang berkuasa dalam bidang pemerintahan Eropah dan hakim mahkamah Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 1.11.24)



**Gambar 19:** Tangkap layar babak yang menunjukkan Nyai Ontosoroh yang ditindas oleh mahkamah Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 1.12.32)

“Tidak dapatkah mereka melihat peribumi tidak penyek terinjak-injak kakinya. Bagi mereka peribumi mesti salah, orang Eropah harus bersih, jadi peribumi pun sudah salah. Dilahirkan sebagai peribumi lebih salah lagi. Kita menghadapi keadaan yang lebih sulit Minke, anakku.”

(Pramoedya Ananta toer, 2023: 464)

Berdasarkan petikan daripada novel dan filem *Bumi manusia* yang menunjukkan rakyat tempatan Indonesia yang memasuki mahkamah perlu melepaskan kasut dan perlu berjalan secara merangkak untuk memasuki mahkamah. Ini menunjukkan penindasan yang dilakukan oleh pihak Eropah yang menekan masyarakat peribumi. Budaya Eropah yang memandang rendah terhadap masyarakat yang dijajah olehnya adalah merupakan sebuah perkara yang biasa dapat disaksikan jika sesebuah negara itu dijajah oleh sebuah kuasa besar. Hal ini adalah kerana, Eropah adalah sebuah kuasa besar yang dapat melakukan apa sahaja yang mereka inginkan dan masyarakat tempat tidak mempunyai hak untuk menegur dan melawan segala peraturan yang telah ditetapkan oleh mereka. Selanjutnya, pemerintah tempatan harus mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Eropah untuk menguruskan pentadbiran. Walaupun pemerintahan itu adalah bersifat menekan masyarakat tempatan pemerintah tempatan harus melakukan pemerintahan yang sesuai oleh Eropah jika tidak, bekalan makanan, dana akan disekat dan tidak akan diberi oleh pihak Eropah jika pemerintahan itu tidak mengikuti pemerintahan Eropah. Pemerintah yang dahulunya menentang Eropah kini menjadi penjilat kepada pihak Eropah adalah demi keselamatan dan kesenangan yang akan diberikan oleh pihak Eropah.

Menurut Muhammad Fauzi Ridwan, dan Kunto Sofianto (2019) yang mengatakan bahawa Karl Marx mengidentifikasikan dua kelas utama dalam masyarakat kapitalis, iaitu proletariat (kelas pekerja) yang menjual tenaga kerjanya, dan borjuisie (kelas kapitalis) yang memiliki alat produksi dan mengawal ekonomi. Marxisme mengkritik peranan negara dalam masyarakat kapitalis sebagai alat yang digunakan oleh kelas borjuisie untuk melindungi kepentingan ekonominya. Marx menekankan pada penghapusan negara dalam masyarakat komunis. Marxisme menerangkan bahawa demokrasi kapitalis cenderung melindungi kepentingan kelas borjuisie, dengan keterlibatan dalam politik yang terbatas dan menguatkan kuasa dalam kekuatan ekonomi. Menurut Marxisme,


politik merupakan sebahagian dari struktur ideologi yang mencerminkan dan mempertahankan kepentingan kelas dominan.

Berdasarkan teori Marxisme daripada aspek politik yang menerangkan bahawa, wujudnya kelas sosial daripada sudut politik yang membezakan antara kaum pribumi dan juga Eropah yang terdapat dalam filem dan novel *Bumi Manusia*. Kaum pribumi menjadi hamba dan golongan bawahan kepada pihak Eropah dalam menguruskan pentadbiran atau politik. Setiap undang-undang yang dibuat adalah berat kepada pihak Eropah dan masyarakat pribumi tidak mampu untuk melawan undang-undang Eropah. Dalam politik, Eropah adalah kuasa besar dalam politik yang menguruskan pentadbiran dan undang-undang akan digubal oleh pihak Eropah. Setiap perintah yang dikeluarkan adalah mutlak dan pemerintah tempatan tidak mampu untuk melawan perintah daripada Eropah. Justeru itu, Karl Marx telah menggariskan teori kelas sosial yang memaparkan penindasan yang terdapat dalam politik yang menyebabkan masalah kelas sosial semakin berkembang dalam masyarakat.

#### **4.2.2 Bahasa**

Menurut Mahyudin Ritonga (2015) bahasa merupakan satu sistem komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan idea, perasaan dan maklumat kepada orang lain melalui simbol-simbol yang mempunyai makna bersama. Bahasa boleh dituturkan atau ditulis, dan setiap bahasa mempunyai peraturan atau tatabahasa yang mengawal struktur ayat dan penggunaan perkataan. Bahasa juga boleh merangkumi bahasa badan, ekspresi muka dan bahasa isyarat sebagai bentuk komunikasi bukan lisan. Setiap komuniti atau kumpulan manusia biasanya mempunyai bahasa masing-masing, yang berkembang mengikut keperluan dan interaksi sosial mereka. Secara umumnya,

bahasa mempunyai beberapa fungsi diantaranya adalah untuk menyampaikan maklumat, berkomunikasi, meluahkan perasaan, meminta pertolongan, malah untuk tujuan hiburan. Bahasa juga dapat mencerminkan budaya dan nilai masyarakat di mana ia digunakan.



**Gambar 20:** Tangkap layar babak Minke yang menjadi penterjemah kepada ayahnya sewaktu perjumpaan dengan golongan pemerintah Eropah.

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: 1.53.32)



**Gambar 21:** Tangkap layar babak golongan pemerintah Eropah sewaktu perjumpaan bersama dengan pemerintah priyayi

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: 1.52.18)

Tuan Penolong Residen selesai berpidato. Aku pun selesai menterjemah. Dia bersalaman dengan Ayahanda. Dan sekarang giliran Ayahanda pula yang berucap. Dia tidak tahu bahasa Belanda, dan itu masih lebih baik daripada para bupati yang buta huruf. Dia berbahasa Jawa dan aku menterjemah dalam bahasa Belanda. Sekarang dengan lagak Eropah sepenuhnya, tertuju kepada Tuan Penolong Residen B. dan hadirin Eropah.

Aku melihat Tuan Penolong Residen mengangguk-angguk mengawasi aku, seolah-olah aku yang berpidato, atau mungkin juga sedang menikmati sandiwaraku sebagai monyet di tengah khalayak ramai. Pembesar memberi salam selamat pada Ayahanda, Bonda, abang dan aku.

Sewaktu Tuan Penolong Residen bersalam denganku, dia memuji bahasa Belandaku.

(Pramoedya Ananta toer, 2023: 223-224)

Kesan kemasukan yang dapat dilihat dengan jelas dalam novel dan filem *Bumi Manusia* adalah daripada pengaruh bahasa. Eropah memartabatkan bahasa Eropah dan mewajibkan semua masyarakat Indonesia untuk mempelajari bahasa Eropah. Masyarakat harus pandai untuk bertutur dan memahami bahasa Eropah, dalam struktur pemerintahan juga mewajibkan untuk menggunakan bahasa Eropah dalam urusan rasmi. Minke seorang pemuda pribumi yang mempelajari bahasa Eropah sewaktu di sekolah, dan Minke menggunakan bahasa Eropah untuk bergaul dengan masyarakat Eropah. Berdasarkan gambar diatas, Minke menjadi penerjemah bahasa Eropah kepada ayahnya sewaktu perjumpaan dengan pemerintah Eropah, Minke lancar untuk bertutur dalam bahasa Eropah yang membuatkan masyarakat dan pemerintah Eropah merasa sangat kagum dengan syarahan yang diberikan oleh Minke dalam bahasa Eropah. Sehingga Minke diundang ke rumah pemerintah tersebut kerana mereka kagum dengan syarahan dan kagum kerana Minke amat fasih untuk bertutur dalam bahasa Eropah.

Marxisme melihat bahasa sebagai alat kekuasaan dan mengawal ideologi oleh kelas dominan. *Borjuisie menggunakan bahasa untuk memelihara status quo dan mempertahankan kekuasaan mereka.* Dalam perspektif bahasa, media menjadi instrumen penting yang digunakan oleh kelas dominan untuk membentuk dan memperkuat ideologi mereka melalui pemilihan kata, dan frasa tertentu. Bahasa juga memainkan peranan kunci




dalam membentuk pengkhususan ekonomi dan politik. Cara istilah-istilah seperti "kebebasan pasar" atau "pemberdayaan pekerja" digunakan dapat mempengaruhi persepsi kelas sosial. Konsep alienasi dalam Marxisme dapat ditemukan dalam bahasa. Pekerja mungkin merasa tertekan dan terpinggir dari bahasa yang digunakan dalam konteks ekonomi dan politik, di mana kekuasaan atas makna sering kali dipegang oleh kelas borjuis. Bahasa memainkan peranan kunci penting dalam pembentukan kesadaran kritis. Pemahaman pekerja tentang keadaan sosial dan ekonomi mereka tergantung pada bahasa yang digunakan untuk menyampaikan maklumat dan pengalaman mereka. Pada sisi lain, bahasa juga dapat menjadi alat perlawanan dan pembebasan. Gerakan sosial dan pekerja sering menggunakan bahasa sebagai sarana untuk mengekspresikan ketidakpuasan dan menuntut perubahan struktur. Dalam teori Marxisme, kelas sosial tidak hanya merupakan kategori ekonomi, tetapi juga memiliki dampak yang signifikan dalam aspek bahasa. Bahasa menjadi alat untuk memproduksi atau menentang struktur kelas, dan analisis bahasa memainkan peranan penting dalam memahami kekuasaan, identiti, dan perubahan sosial.

Dari sudut bahasa pula, isu kelas sosial yang dapat dilihat berdasarkan teori Marxisme adalah, perbezaan darjat daripada segi bahasa. Bahasa tempatan dipandang rendah oleh pihak Eropah dan pihak Eropah mewajibkan masyarakat tempatan untuk mempelajari bahasa Eropah. Ini adalah kerana, setiap urusan akan dilakukan dalam bahasa Eropah dan bahasa tempatan semakin dilupakan. Ini dapat disaksikan dalam *Bumi Manusia* yang memaparkan bahasa Jawa telah dilupakan dan masyarakat lebih tertumpu bercakap dan menggunakan bahasa Eropah dalam kehidupan seharian mereka. Ini menyebabkan berlakunya kelas sosial daripada sudut bahasa yang terdapat dalam *Bumi Manusia*.

### 4.2.3 Nilai dan Etika

Totok Wahyu Abadi (2016) yang menerangkan bahawa nilai merujuk kepada kepercayaan, prinsip atau piawaian yang dianggap penting oleh individu atau kumpulan masyarakat. Nilai mencerminkan apa yang dianggap baik atau buruk, betul atau salah, dan merupakan asas untuk membuat keputusan dan tindakan. Nilai boleh bersifat peribadi, seperti integriti atau kejujuran, atau sosial, seperti keadilan atau kerjasama. Nilai-nilai ini membentuk asas moral dan etika seseorang atau masyarakat. Selain itu, etika adalah kajian tentang moral dan prinsip moral. Ia melibatkan pertimbangan apa yang dianggap baik atau buruk, betul atau salah dalam konteks norma moral tertentu. Etika merangkumi pemikiran kritis dan refleksi terhadap tindakan manusia, nilai, dan keputusan moral. Etika membantu individu atau kumpulan dalam mengembangkan pandangan mereka tentang moral dan menyediakan kerangka kerja untuk memahami dan menilai tindakan dan keputusan dalam kehidupan seharian.



**Gambar 22:** Tangkap layar babak yang menunjukkan cara atau etika pemakaian pakaian tradisional Indonesia

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 2.12.01)



**Gambar 23:** Tangkap layar babak perkahwinan Minke dan Annalies yang menunjukkan budaya Indonesia dan Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 45.30)

“Aku sudah merasa , calon menantu dan besanku tidak mampu membatik. Jadi aku mesti kerjakan ini. Waktu aku masih kanak-kanan. Gus, buruk benar perempuan tidak mampu membatik.”

\*\*\*

“Bertapa kau pandai menyenangkan hatiku. Itu ucapan anak berbakti. Juga untaian-untaian bunga ini buatanku sendiri. Keris ini peninggalan Nendamu, sudah berumur ratusan tahun sebelum ada Mataram, sebelum ada panjang. Zaman Majapahit, Gus.”

(Pramoedya Ananta toer, 2023: 518)

Aspek yang dapat dilihat berdasarkan novel dan filem *Bumi Manusia* adalah melalui aspek pemakaian yang dikenakan oleh masyarakat tempatan. Eropah mempunyai budaya pakaian yang tersendiri seperti memakai skirt, blouse bertopi dan banyak lagi. Masyarakat tempatan mengikuti gaya pemakaian tersebut untuk bergaul dengan masyarakat Eropah yang lain. Ini kerana, masyarakat Eropah amat mementingkan penampilan dan gaya yang menarik, justeru itu, masyarakat tempatan mengikuti gaya pemakaian Eropah untuk bertampil menarik dan bergaya. Untuk pemakaian lelaki juga mempunyai pengaruh budaya Eropah seperti pemakaian koat, topi berkasut kulit dan bercakap dengan elegant. Selain itu, nilai estetika yang dapat dilihat dalam plot *Bumi*

*Manusia* yang mendapat pengaruh budaya Eropah adalah berdasarkan daripada segi majlis yang mengikuti gaya Eropah. Ini dapat dilihat melalui pernikahan Minke dan Annalise yang menggunakan konsep Eropah dalam perkahwinan mereka. Ini menunjukkan pengaruh Eropah dalam kehidupan sehari-hari masyarakat pribumi adalah amat ketara.

Berdasarkan teori Marxisme, kelas sosial juga memainkan peranan dalam membentuk nilai dan estetika, yang mencerminkan relasi kuasa dan struktur ekonomi masyarakat. Marxisme menilai bahwa nilai-nilai dalam masyarakat dipengaruhi oleh kelas dominan, iaitu borjuisie. Nilai-nilai kapitalis seperti individualisme, persaingan, dan akumulasi kekayaan cenderung mendominasi. Perbezaan kelas dapat tercermin dalam bentuk seni dan budaya. Karya seni dan estetika seringkali mencerminkan pandangan dan pengalaman kelas borjuisie, menciptakan jurang dalam representasi dan akses. Pada tingkat estetika, hal ini bisa diterjemahkan sebagai eksploitasi nilai tambahan oleh kelas borjuisie dalam produksi seni dan budaya. Nilai-nilai kapitalis sering kali diterapkan dalam estetika konsumerisme, di mana preferensi estetika seringkali ditentukan oleh kelas sosial yang dapat membeli produk dan layanan tertentu. Marxisme melihat pengaruh media massa yang dikendalikan oleh kelas borjuisie dalam membentuk citra dan nilai-nilai yang diinginkan oleh masyarakat. Dalam analisis kelas sosial, Marxisme menciptakan kritikan terhadap kebudayaan populer yang mungkin menjadi alat untuk menormalkan dan mempertahankan ideologi kapitalis. Dalam pandangan Marxisme, estetika komunis menciptakan nilai-nilai yang berfokus pada keadilan sosial, persamaan, dan kebebasan individu dalam konteks kolektif. Dalam konteks nilai dan estetika, kelas sosial memiliki pengaruh yang signifikan. Jurang nilai antara kelas-kelas sosial terlihat dalam nilai yang diterapkan dalam seni, budaya, dan media, menciptakan perbezaan dalam citra, preferensi, dan representasi dalam masyarakat. Selain itu, nilai-nilai estetika

juga bisa menjadi sumber perlawanan dan ekspresi ketidakpuasan, membentuk sekaligus mencerminkan dinamika kelas sosial.

Sejak kemasukan Eropah yang menjajah tanah Jawa yang menyebabkan terdapatnya kelas sosial daripada sudut Budaya. Pengaruh budaya Eropah telah terlihat jelas dalam masyarakat pribumi Jawa yang digunakan oleh masyarakat dalam sehari-hari. Pengaruh dari sudut pemakaian dan juga adat yang telah terlihat jelas dalam *Bumi Manusia*. Budaya dan nilai tempatan telah terpinggir dan hanya segelintir masyarakat yang masih mempertahankan budaya tempatan yang dianggap suci dan bersih. Ini dapat dilihat dari pemakaian yang dikenakan oleh Nyai iaitu kebaya tradisional Indonesia. Situasi ini merupakan masalah kelas sosial yang dihadapi daripada aspek budaya kerana terdapat diskriminasi dan berlakunya perselisihan antara budaya yang ditonjolkan dalam *Bumi Manusia*.

#### **4.2.4 Pendidikan**

Pendidikan boleh ditakrifkan sebagai satu proses atau usaha sistematik yang dijalankan oleh sesebuah masyarakat untuk menyampaikan pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma kepada generasi muda. Ia melibatkan interaksi antara pengajar (guru atau pengajar) dan pelajar (pelajar atau pelajar) dalam persekitaran pembelajaran. Pendidikan bukan sahaja terhad kepada pembelajaran di bilik darjah atau institusi pendidikan formal, tetapi juga boleh berlaku dalam pelbagai konteks, termasuk di rumah, dalam komuniti, atau melalui pengalaman seharian. Mohamad Ali (2016) pendidikan bertujuan untuk mengembangkan potensi individu, membentuk karakter, dan mempersiapkan seseorang untuk menghadapi kehidupan bermasyarakat. Aspek pendidikan merangkumi pemindahan pengetahuan dan kemahiran, pembangunan kemahiran sosial, pembentukan

sikap dan nilai, dan peningkatan kebolehan kritis dan analitikal. Pendidikan juga merangkumi etika pengajaran, moral, dan tanggungjawab sosial. Pendidikan boleh dilihat sebagai satu pelaburan dalam pembangunan individu dan masyarakat, kerana melalui proses ini, seseorang diharapkan menjadi warganegara yang lebih berilmu, berkemahiran dan bertanggungjawab.



**Gambar 24:** Tangkap layar babak yang menunjukkan situasi Minke dan sahabatnya berbalah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 1.45.28)



**Gambar 25:** Tangkap layar babak guru Minke yang sedang membela Minke sewaktu Minke dan sahabatnya berselisihan faham

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 1.45.51)

Waktu tulisannya yang pertama diumumkan, dia ber umur 17 tahun. Menulis tidak dalam bahasa ibu sendiri! Sebahagian daripada teman-temanku menyangkal kebenaran berita itu. Mana mungkin ada peribumi, dara pula, hanya lulusan E.L.S boleh menulis, menyatakan buah fikiran secara Eropah, apatah lagi dimuatkan di dalam majalah keilmuan?...

(Pramoedya Ananta toer, 2023: 113)

Pengaruh Eropah dalam bidang pendidikan merupakan sebuah bidang yang mendapat satu pengaruh yang besar yang dibawa oleh Eropah. Novel dan filem *Bumi Manusia* memaparkan bahawa masyarakat pribumi mendapatkan pendidikan dari sekolah Eropah. Pembelajaran dilaksanakan sepenuhnya dalam bahasa Eropah dan tahap pendidikan adalah sepenuhnya dibawa dari Eropah. Tahap pendidikan tempatan tidak lagi relevan selepas kedatangan pendidikan Eropah kerana persaingan dan permintaan yang diambil bagi pelajar adalah daripada lepasan sekolah Eropah. Ini adalah seperti Minke yang belajar di sekolah aliran Eropah yang merupakan sebuah sekolah yang terkenal dan menjadi rebutan bagi para pelajar yang ingin memasuki sekolah tersebut. Ini kerana, untuk belajar di sekolah aliran Eropah mempunyai peraturan yang tertentu dan mempunyai syarat yang ketat. Bagi para pelajar yang bersekolah yang belajar di sekolah aliran Eropah harus mematuhi peraturan yang telah digariskan seperti tidak boleh berkata tidak baik terhadap pemerintahan Eropah. Pembelajaran di sekolah aliran Eropah akan diajarkan mengenai pemerintahan negara Eropah dan sejarah-sejarah Eropah dan tiada lagi pembelajaran mengenai sejarah dan kebudayaan Indonesia, yang diangkat adalah budaya Eropah.

Berdasarkan Karl Marx dalam teori yang berkaitan dengan kelas sosial daripada sudut pendidikan yang menunjukkan bidang pendidikan dikuasai oleh pemerintah. Bidang pendidikan dalam *Bumi Manusia* dikuasai oleh Eropah dan semua pembelajaran dibawa

dari Eropah untuk diajarkan kepada masyarakat. Ini adalah kerana tidak menginginkan kebangkitan dalam penentangan terhadap Eropah dalam kalangan masyarakat pribumi. Struktur pendidikan yang terdapat dalam *Bumi Manusia* dipelopori oleh Eropah dan pendidikan tempatan masyarakat pribumi harus bersaing dengan pendidikan Eropah yang mendapat permintaan yang tinggi selepas tamat persekolahan. Masyarakat tempatan juga berusaha dengan sebaik mungkin untuk masuk belajar di sekolah aliran Eropah kerana dengan permintaan dan pekerjaan yang akan mereka peroleh selepas tamat sekolah. Justeru itu, ini menunjukkan perbezaan kelas dalam bidang pendidikan berdasarkan dalam teori Marxisme.

Merujuk kepada teori Marxisme, pendidikan dipandang sebagai institusi yang tidak hanya untuk memberi ilmu pengetahuan, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memelihara dan membina struktur kelas sosial. Marxisme melihat bagaimana sistem pendidikan dapat meningkatkan kelas dengan memberikan akses dan kualitas pendidikan yang berbeza kepada kelas-kelas sosial. Pendidikan berperanan sebagai alat ideologi untuk menciptakan hegemoni, iaitu dominasi ideologi kelas borjuisie yang di internalisasi oleh masyarakat. Proses pendidikan dapat menciptakan alienasi, di mana pelajar merasa terasing dari kandungan dan kaedah pembelajaran yang tidak mencerminkan realiti hidup mereka. Adanya sekolah swasta yang sering kali diakses oleh kelas borjuisie dapat memperkuat pemisahan dan jurang antara kelas-kelas sosial. Pendidikan juga dapat dianggap sebagai bentuk modal sosial yang memberikan keuntungan kepada kelas borjuisie dan memperkuat posisi sosial mereka. Sistem evaluasi dalam pendidikan sering kali menciptakan reproduksi jurang, di mana keberhasilan atau kegagalan pelajar dapat mencerminkan latar belakang kelas mereka. Bidang pendidikan dapat digunakan sebagai alat represif untuk mengawasi dan mengontrol perilaku pelajar yang mungkin tidak sesuai dengan norma-norma yang mendukung sistem kapitalis.



Meskipun demikian, pendidikan juga dapat menjadi tempat untuk mengembangkan kesadaran kritis dan perlawanan terhadap struktur kelas sosial yang ada. Dalam pandangan Marxisme, pendidikan tidak hanya sebagai tempat mempelajari ilmu pengetahuan, tetapi juga sebagai alat untuk membina struktur kelas sosial. Jurang dalam akses, kualiti, dan manfaat pendidikan menjadi cermin dari ketidaksetaraan ekonomi dan sosial dalam masyarakat kapitalis. Meskipun begitu, pendidikan juga menjadi alat untuk menciptakan kesadaran kritis dan perubahan sosial.

#### **4.2.5 Agama**

Agama adalah sistem kepercayaan, nilai, ritual dan amalan kerohanian yang diikuti oleh sekumpulan manusia. Ary Antony Putra (2016) agama biasanya melibatkan kepercayaan terhadap kewujudan kuasa atau entiti yang lebih tinggi, seperti Tuhan atau kuasa rohani. Agama juga merangkumi satu set norma moral, etika, dan peraturan tingkah laku yang mengawal hubungan antara manusia dan kuasa yang lebih tinggi, serta hubungan antara manusia. Agama boleh memainkan peranan penting dalam membentuk identiti individu dan kumpulan, memberikan bimbingan moral, dan menyediakan kerangka untuk memahami erti kehidupan dan alam semesta. Agama juga boleh merangkumi aspek-aspek seperti ritual ibadat, sembahyang, meditasi, dan perayaan keagamaan. Pelbagai agama di dunia mempunyai perbezaan dalam pandangan agama, kepercayaan, amalan, dan tradisi. Agama-agama utama seperti Kristian, Islam, Hindu, Buddha dan Yahudi adalah contoh agama yang mempunyai jutaan penganut di seluruh dunia. Sebagai tambahan kepada agama-agama utama ini, terdapat juga banyak sistem kepercayaan dan kerohanian yang berbeza di kalangan pelbagai masyarakat dan budaya.



**Gambar 26:** Tangkap layar yang menunjukkan para ulama Islam yang memarahi apabila hukum Islam di dimainkan oleh Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 33.49)

Mahkamah agama di Betawi mengeluarkan pernyataan bahawa perkahwinan kami sah dan dapat dipertanggungjawabkan, tidak dapat diganggu-gugat. Sebaliknya beberapa akhbar kolonial mengejek, memaki dan melecehkan. Akhbar Nijman dan Kommers sibuk meringkaskan pernyataan-pernyataan tersebut.

(Pramoedya Ananta toer, 2023: 571)

Kemasukan budaya Eropah dalam budaya masyarakat Indonesia yang mengamalkan agama Islam menyebabkan undang-undang agama Islam perlu patuh terhadap undang-undang yang dibawa oleh Eropah. Ini adalah seperti, masalah yang terjadi terhadap perkahwinan Minke dan Annalies bahawa perkahwinan mereka adalah tidak sah dan mereka perlu berpisah. Walaupun undang-undang agama Islam telah mengatakan bahawa perkahwinan tersebut adalah sah dalam Islam namun sebaliknya terjadi apabila pihak Eropah mengatakan bahawa Annalies mempunyai wali yang sah di Eropah yang menyebabkan perkahwinan yang terjalin adalah tidak sah. Jika menurut agama Islam perkahwinan tersebut adalah sah kerana, Annalies adalah anak kandung kepada Nyai Ontosoroh yang Nyai boleh mempersetujui perkahwinan tersebut. Ini

menunjukkan selepas kemasukkan budaya Eropah di tanah Indonesia menyebabkan aktiviti keagamaan dan undang-undang agama telah dihadkan dan mempunyai larangan yang telah ditetapkan oleh Eropah.

Berdasarkan teori Marxisme, agama dipandang sebagai "opium bagi rakyat" dan dijelaskan sebagai refleksi dari kondisi sosial dan ekonomi masyarakat tertentu. Marxisme melihat agama sebagai refleksi dari ketidaksetaraan kelas dan kondisi ekonomi dalam masyarakat. Agama cenderung mencerminkan struktur kekuasaan dan pemisahan kelas. Teori marxisme menganggap agama sebagai salah satu bentuk ideologi yang digunakan oleh kelas dominan (borjuisie) untuk mempertahankan dan membenarkan ketidaksetaraan sosial dan ekonomi. Agama dianggap sebagai alat yang dipakai oleh kelas dominan untuk memelihara status quo dan melegitimasi hierarki sosial. Selain itu, marxisme menggambarkan agama sebagai bentuk alienasi, di mana rakyat terasing dari realiti sosial dan keadaan ekonomi mereka, dan agama menjadi penghiburan dalam kehidupan yang sulit. Marxisme menyoroti bagaimana agama dapat memperkuat jurang dan operasi kelas sosial dengan menawarkan hiburan kepada mereka yang menderita, tanpa mengubah struktur kelas yang ada. Istilah "opium bagi rakyat" menyoroti pandangan Marx bahawa agama bertindak sebagai penghiburan atau pelarian dari penderitaan dan kesenjangan kelas sosial, tanpa menangani penyebab strukturnya. Marxisme mencatat bahwa hierarki dalam struktur kepemimpinan agama sering mencerminkan hierarki kelas sosial, dengan elite agama mendukung status quo. Meskipun agama dapat memberikan harapan dan kenyamanan kepada kelompok yang menderita, Marxisme mencatat bahwa agama juga dapat berfungsi sebagai ideologi yang mengalihkan perhatian dari perubahan sosial yang mendasar. Dalam perspektif Marxisme, agama tidak hanya dilihat sebagai suatu sistem keyakinan spiritual, tetapi juga sebagai produk dari struktur kelas sosial dan ekonomi. Pandangan ini menekankan

bagaimana agama dapat memainkan peranan dalam memelihara status quo dan jurang ketidaksetaraan kelas sosial. Meskipun begitu, pendekatan ini juga memahami bahawa agama dapat menjadi respon terhadap keadaan sulit dan mencerminkan aspirasi perubahan sosial.

Perbezaan kelas dalam aspek agama yang dapat dikaitkan dengan teori Marxisme berdasarkan novel dan filem *Bumi Manusia* adalah, masyarakat beragama Islam bebas untuk mengamalkan agama Islam dalam kehidupan seharian namun tidak boleh mempunyai agenda bagi menentang Eropah. Undang-undang agama Islam harus mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Eropah dan Eropah berhak untuk menyangkal undang-undang Islam jika undang-undang tersebut tidak membelahi kepada Eropah. Keadaan ini menunjukkan terdapatnya perbezaan kelas sosial berdasarkan agama Islam dan pihak Eropah dalam *Bumi Manusia*. Ini dapat dilihat sewaktu kes mahkamah mengenai perkahwinan Minke dan Annalies yang dikatakan tidak sah oleh mahkamah Eropah walaupun undang-undang Islam telah mengeluarkan bukti bahawa perkahwinan Minke dan Annalies adalah sah namun mahkamah Eropah tetap tidak mengendahkan bukti yang telah dikeluarkan oleh pendakwah yang arif dalam undang-undang Islam.

#### **4.2.6 Modenisasi**

Modenisasi merujuk kepada proses mengubah masyarakat daripada keadaan tradisional kepada keadaan yang lebih moden. Proses ini melibatkan perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk ekonomi, politik, sosial, budaya, dan teknologi. Modenisasi sering dikenal pasti dengan penggunaan teknologi, pambandaran, perindustrian, perkembangan pendidikan, dan perubahan dalam nilai sosial. Elly Rosana (2011) modenisasi sering dianggap sebagai proses yang kompleks dan boleh melibatkan

cabaran seperti konflik antara nilai tradisional dan moden, ketidaksamaan ekonomi, dan ketegangan sosial. Proses modenisasi boleh berlaku dengan cara yang berbeza dalam pelbagai masyarakat dan boleh menimbulkan pelbagai impak, baik positif mahupun negatif.



**Gambar 27:** Tangkap layar yang menunjukkan masyarakat yang sedang menyertai upacara dan majlis yang dianjurkan oleh Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 2.55.04)



**Gambar 28:** Tangkap layar yang menunjukkan rekaan kereta kuda dan rumah yang mengikut reka bentuk Eropah

(Sumber: Filem Bumi Manusia, 2019: Minit 2.47.37)

Sebuah kereta kuda model baharu, berbentuk ikan kap, telah menunggu di pintu gerbang. Kami pun naik, kuda mula bergerak, pengendalinya seorang Jawa tua,

“Pasti sewanya lebih mahal,” kataku dalam bahasa Belanda.

“Jangan main-main, Minke, ini bukan kereta kuda sembarangan, bukan kretrek, kereta kuda dengan pegas, barangkali yang pertama

menjelang akhir abad ini. Barangkali juga pagasnya lebih mahal daripada seluruh kereta kuda ini.”

(Pramoedya Ananta toer, 2023: 13)

Menerusi novel atau filem *Bumi Manusia*, terdapat pergeseran budaya dan nilai tradisional Jawa akibat pengaruh kolonial Belanda. Masyarakat Jawa mengalami konflik antara tradisi dan kemodenan yang menunjukkan tradisi masyarakat Jawa yang dahulu telah semakin dilupakan kerana pengaruh budaya Eropah yang semakin tinggi. Ini adalah seperti cara pemakaian pakaian tradisional dan juga cara percakapan yang semakin berubah mengikut adat Eropah. Pemodenan selalunya disertai dengan perubahan pemikiran dan pendidikan. Watak utama, Minke, mendapat pendidikan di sekolah Eropah dan mengalami perubahan dalam pemikiran sebagai hasilnya beliau dapat menjadi seorang penulis yang menyiarkan penulisannya di akhbar. Minke menggunakan medium akhbar untuk berkongsi maklumat dan juga menyadarkan masyarakat mengenai penjajahan yang telah mereka terima. Minke terlibat dalam dunia kesusasteraan dan pemikiran Barat, yang mencerminkan penggunaan unsur moden dalam bidang intelektual dan seni. Dalam perjalanan cerita, konflik berlaku antara nilai tradisional yang dipegang teguh oleh masyarakat dan dorongan untuk kemajuan dan perubahan yang diwakili oleh idea moden. Kemajuan yang dibawa masuk oleh Eropah dalam mengubah struktur ekonomi masyarakat tempatan, ini adalah seperti kemasukan kenderaan yang semakin maju walaupun penggunaan kereta kuda, namun struktur yang telah diubah mengikut permintaan dan budaya Eropah ini menunjukkan pemodenan yang dibawa oleh Eropah. Dalam perniagaan dan pertanian juga terdapat kemajuan yang telah dibawa oleh Eropah dalam mengembangkan ekonomi. Pemodenan dalam *Bumi Manusia* bukan sahaja menggambarkan perubahan fizikal dan material, tetapi juga perubahan dalam corak pemikiran dan nilai sosial.

Konteks modernisasi, kelas sosial memainkan peranan utama dalam membentuk dan mempengaruhi proses transformasi sosial, ekonomi, dan politik. Modernisasi merujuk pada perubahan menuju struktur sosial yang lebih moden, seringkali ditandai oleh industrialisasi, urbanisasi, perubahan nilai-nilai, dan perkembangan teknologi. Selama jangka masa industrialisasi, masyarakat mengalami perubahan dari pertanian ke sektor industri. Ini menciptakan kelas buruh yang baru, terpisah dari kelas pemilik modal atau borjuis. Perkembangan industri membentuk struktur kelas baru. Modernisasi seringkali dikaitkan dengan urbanisasi, di mana banyak orang berpindah ke kota untuk mencari pekerjaan dalam sektor industri. Hal ini menciptakan perubahan baru dalam struktur kelas sosial dengan munculnya kelas pekerjaan di bandar. Modernisasi membawa perubahan nilai-nilai tradisional menuju nilai-nilai moden seperti rasionalitas, individualisme, dan mobiliti sosial. Ini mempengaruhi cara masyarakat memandang kelas sosial dan hierarki. Modernisasi seringkali terkait dengan kemajuan teknologi. Jurang akses terhadap teknologi, seperti akses ke internet dan alat digital, dapat menciptakan jurang sosial dan ekonomi. Modernisasi juga dapat mempengaruhi penglibatan dalam politik. Kelas sosial dapat memainkan peranan dalam akses terhadap kekuasaan politik dan pengambilan keputusan. Dalam era modernisasi, ekonomi kreatif dan pekerjaan kreatif semakin berkembang. Ini dapat menciptakan kelompok sosial baru dan mengubah dinamika kelas sosial. Dalam konteks modernisasi, kelas sosial memainkan peranan penting dalam membentuk dan mempengaruhi pelbagai aspek masyarakat. Transformasi ekonomi, sosial, dan politik yang terjadi selama proses modernisasi menciptakan ruang baru dalam struktur kelas sosial dan berbagai jurang yang dapat muncul antara kelompok-kelompok sosial.

Perbezaan kelas sosial yang terdapat dalam modenisasi ataupun ekonomi berdasarkan teori Marxisme yang terdapat dalam *Bumi Manusia* adalah, ekonomi dikuasai oleh Eropah dan kemajuan serta alatan yang dibuat dibawa dari Eropah. Ini dapat dilihat, bangsawan Eropah menjadi pemilik kepada perniagaan dan pertanian yang dilakukan dan bawahan yang bekerja pula adalah masyarakat pribumi. Ini dapat dilihat Tuan Mellema yang merupakan seorang bangsawan Eropah yang memiliki, penternakan, pertanian dan perniagaan. Kelengkapan dan cara pertanian diambil daripada Eropah yang dibawa ke Tanah Jawa. selain itu, dapat dilihat juga daripada kereta kuda yang dipakai oleh pihak Eropah serta, pakaian dan perhiasan yang dikenakan dalam *Bumi Manusia* juga melambangkan modenisasi atau kemajuan ekonomi yang dibuat oleh pihak Eropah di Indonesia. Tetapi masyarakat pribumi masih berjuang untuk hidup dalam pemerintahan Eropah. Hanya masyarakat pribumi yang mentaati peraturan eropah yang dapat menikmati kemewahan dan kemajuan yang telah dilakukan. Ini menunjukkan perbezaan kelas sosial dalam ekonomi yang masih terdapat jurang antara eropah dan masyarakat tempatan.

Kesimpulannya kemasukan pengaruh Eropah dalam masyarakat Indonesia pada abad ke-19 ini merangkumi kesan yang sangat ketara dalam pelbagai aspek kehidupan. Pengaruh Eropah membawa perubahan asas dalam struktur sosial dan ekonomi masyarakat Indonesia. Sistem penanaman paksa, pembangunan infrastruktur, dan perubahan dalam corak pekerjaan mencipta transformasi besar-besaran. Kedatangan orang Eropah mengakibatkan pembangunan infrastruktur dan penambahbaikan dalam teknologi. Rangkaian pengangkutan dan teknologi pertanian baharu memberi kesan kepada ketersambungan antara wilayah dan pengeluaran ekonomi. Masyarakat Indonesia mula mengamalkan unsur budaya Barat antaranya gaya hidup, pakaian dan seni. Ini mewujudkan dinamika budaya yang berbeza dan pelbagai. Secara keseluruhannya,



kemasukan pengaruh Eropah merupakan tonggak sejarah yang mendalam dalam perjalanan masyarakat Indonesia. Dengan mengenali kesan positif dan negatifnya, pengaruh ini menjadi asas kepada perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang membawa Indonesia ke arah kemerdekaan.



## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab kesimpulan akhir adalah sebuah bab yang terakhir kerana ia memberikan rumusan dan penilaian terhadap keseluruhan kandungan kajian. Tujuan utama bab kesimpulan adalah untuk meringkaskan dapatan atau hujah yang dijelaskan dalam kajian ini dan memberikan pandangan keseluruhan tentang topik yang dibincangkan. Selain itu, bab kesimpulan juga mengemukakan cadangan atau implikasi praktikal daripada hasil kajian atau analisis yang telah dijalankan.

#### **5.1 Kesimpulan Kajian**

Kajian sosiobudaya dalam filem "Bumi Manusia," adaptasi novel karya Pramoedya Ananta Toer, memberikan gambaran mendalam tentang konteks sosial dan budaya yang dipaparkan dalam jalan cerita yang terdapat di dalam novel dapat dilihat dengan lebih jelas dalam adaptasi yang dilakukan dalam filem. Filem ini menggambarkan perjuangan rakyat Indonesia menentang penjajahan Belanda dan perjuangan keadilan yang sewajarnya mereka peroleh daripada pemerintahan Belanda dan memperjuangkan bagi menuntut kemerdekaan. Kajian ini memperincikan bagaimana politik penjajah mempengaruhi kehidupan seharian rakyat. Penjajahan yang dilakukan telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam politik tempatan yang menyebabkan masyarakat ditindas melalui undang-undang yang telah diperkenalkan. Perbezaan kelas sosial telah menyebabkan terdapat golongan masyarakat yang Indonesia yang tidak berpuas hati telah menyebabkan golongan penentang ini wujud. Dapat dilihat melalui

watak Minke yang menentang undang-undang Eropah melalui penulisan akhbar yang telah beliau lakukan bagi membuka minda masyarakat. Minke semakin giat menulis akhbar selepas kematian ayah mertuanya Tuan Mellema yang menyebabkan Nyai telah ditindas dan dipermalukan oleh pihak Eropah, serta perkahwinan Minke dan Annalies yang telah dinyatakan tidak sah oleh Eropah yang menyebabkan Minke semakin menantang Eropah dalam akhbar yang ditulisnya. Dalam konteks ini, kelas sosial merupakan faktor penting yang dapat dilihat dalam jalan cerita Bumi Manusia.

Selain itu, cerita ini membincangkan bagaimana budaya tempatan dan identiti kebangsaan menjadi asas penentangan terhadap penindasan penjajah. Kemasukan penjajah daripada Eropah telah menyebabkan identiti dan budaya masyarakat tanah Jawa dan Indonesia telah dipermainkan dan dipinggirkan oleh Eropah. Umum mengetahui masyarakat Indonesia sememangnya memiliki kepelbagaian budaya yang telah diamalkan oleh masyarakat sejak dahulu sehingga kini. Penindasan yang dilakukan oleh Eropah telah meningkatkan nilai budaya dan semangat nasionalisme yang dipaparkan oleh watak dan watak sampingan yang terdapat dalam cerita Bumi Manusia yang sentiasa berjuang untuk mendapatkan kebebasan dan hak mereka. Jika berlakunya penjajahan dan penindasan golongan wanita juga menerima tempas dan menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran sewaktu penjajahan berlaku. Watak Nyai Ontosoroh dan Annalies merupakan sosok wanita yang tangguh dan bekerja keras serta berjuang bagi mendapatkan keadilan dan hak yang sewajarnya untuk masyarakat tempatan. Tuan Mellema mengerjakan pertanian dan dikelolakan oleh Nyai Ontosoroh daripada setiap bidang yang terdapat dalam bidang pertanian dan perniagaan yang dijalankan oleh keluarganya. Nyai mengambil kerja masyarakat tempatan untuk bekerja di ladang dan kilang susu miliknya, Nyai berniat bagi membantu masyarakat tempatan untuk memperoleh perlindungan dan menjaga kebajikan masyarakat tempatan yang bekerja

dengannya. Kebanyakan yang bekerja di ladang, dan kilang susu milik keluarga Nyai adalah kaum wanita yang sangat bekerja keras dan berusaha untuk membantu suami mereka bagi mendapatkan wang. Annalies pula, memberikan pendidikan kepada anak-anak kecil yang dibawa oleh ibu bapa mereka ke ladang sewaktu bekerja. Beliau juga membantu Nyai dalam mengelola pertanian, penternakan, dan kilang mereka. Ini menunjukkan kaum wanita sangat berperanan dalam mengatasi norma sosial dan memiliki tahap perjuangan yang menjadikan mereka sebahagian daripada perubahan sosial.

Seterusnya, berlaku percampuran penggunaan bahasa sewaktu penjajahan Eropah. Bahasa rasmi yang ditetapkan oleh Eropah adalah menggunakan bahasa Eropah dalam pelbagai kegiatan rasmi. Masyarakat tempatan menggunakan bahasa Eropah sewaktu berurusan untuk ekonomi atau politik. Menggunakan bahasa tempatan akan dianggap lemah dan ditindas oleh masyarakat Eropah. Disamping itu, dalam sektor pendidikan juga menggunakan bahasa eropah, pendidikan Eropah akan mempelajari mengenai peradaban Eropah dan budaya-budaya yang terdapat di Eropah. Masyarakat tempatan berusaha dengan bersungguh-sungguh sehingga sanggup merendahkan martabat bagi mendapatkan pendidikan aliran Eropah. Ini adalah kerana, pendidikan Eropah lebih diperhatikan oleh pemerintah berbanding pendidikan tempatan yang dipinggirkan oleh pemerintah Eropah. Sebagai contoh, Minke dapat memasuki sekolah aliran Eropah yang terkenal adalah kerana beliau merupakan anak daripada Bupati atau pemerintah tempatan dan beberapa masyarakat tempatan yang lain dapat memasuki sekolah aliran Eropah kerana mereka dilahirkan atas kapal milik Eropah. Ini menunjukkan bagaimana Eropah telah mempengaruhi masyarakat tempatan dan struktur pendidikan yang dijalankan. Akhir sekali, kemasukan Eropah juga membawa pemodenan dalam masyarakat. Pemodenan ini dapat dilihat dalam ekonomi, pengangkutan, pertanian dan

perniagaan yang dijalankan. Masyarakat tempatan memberi penerimaan baik terhadap pemodenan yang dibawa oleh Eropah di Indonesia

## **5.2 Cadangan**

### **5.2.1 Cadangan Mengatasi Kelas Sosial dan sosiobudaya**

#### **a. Sosial**

Cadangan untuk mengatasi berlakunya kelas sosial dan ketidakstabilan sosiobudaya dalam masyarakat adalah dengan pendidikan inklusif bagi meningkatkan akses dan kualiti pendidikan untuk semua lapisan masyarakat. Program biasiswa dan bantuan pendidikan boleh membantu mengurangkan jurang pendidikan yang sering dikaitkan dengan kelas sosial. Pendidikan inklusif ialah satu pendekatan di mana setiap pelajar, tanpa mengira latar belakang, keperluan khas, atau ciri-ciri peribadi yang lain, mempunyai hak untuk menerima pendidikan berkualiti. Matlamat pendidikan inklusif adalah untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong dan menyesuaikan diri dengan keperluan semua pelajar. Antara langkah yang dapat dilakukan adalah dengan memastikan setiap kanak-kanak mempunyai akses penuh dan tanpa halangan kepada pendidikan. Ini termasuk kanak-kanak berkeperluan khas, kanak-kanak daripada kumpulan terpinggir, dan kanak-kanak daripada pelbagai latar belakang sosial dan budaya. Keduanya, menggalakkan pembelajaran kolaboratif dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang yang pelbagai. Pendidikan inklusif menggalakkan interaksi dan sokongan positif antara pelajar, membolehkan mereka belajar antara satu sama lain. Selain itu, menyediakan

sokongan dan peralatan khas untuk murid berkeperluan khas. Ini mungkin termasuk guru pengiring, peralatan khas, dan pelarasan kurikulum mengikut keperluan.

Seterusnya, menyediakan latihan dan sokongan berterusan kepada guru untuk mengembangkan kemahiran mereka dalam pengajaran dalam persekitaran yang inklusif. Ini melibatkan pemahaman keperluan pelajar yang pelbagai dan strategi pengajaran yang sesuai. Akhir sekali, penglibatan ibu bapa dan masyarakat dalam menyokong pendidikan inklusif. Kerjasama antara sekolah, ibu bapa dan komuniti boleh mewujudkan sokongan yang lebih besar untuk kejayaan setiap pelajar. Pendidikan inklusif adalah asas penting untuk mewujudkan masyarakat yang inklusif dan adil, memastikan setiap individu berpeluang untuk berkembang secara optimum. Dengan adanya pendidikan yang inklusif ini dapat membuka minda semua golongan lapisan masyarakat untuk berfikiran jauh supaya masyarakat tidak berpegang pada pemikiran yang kolot bagi menghalang berlakunya masalah kelas sosial dan juga masalah dalam sosiobudaya agar masyarakat dan budaya dapat berkembang seiring dengan kemajuan yang sedang meningkat naik.

Akhir sekali, promosi kesaksamaan jantina dapat menggalakkan kesaksamaan gender melalui pendidikan dan kesedaran awam. Ini mungkin termasuk program yang menyokong pemerksaan wanita dan meningkatkan kesedaran tentang peranan dan hak jantina. Promosi kesaksamaan jantina adalah satu usaha untuk mewujudkan keadaan di mana semua individu, tanpa mengira jantina, mempunyai hak yang sama, peluang yang sama, dan diiktiraf sama rata dalam masyarakat. Langkah yang dapat dilakukan adalah dengan menganjurkan program pendidikan yang mendidik orang ramai tentang kepentingan

keseksamaan jantina, mengatasi stereotaip gender, dan menggalakkan kesedaran tentang hak setiap individu tanpa mengira jantina. Serta, menyediakan latihan keseksamaan jantina untuk pekerja, pendidik dan individu lain. Latihan ini mungkin termasuk memahami keseksamaan jantina, melindungi daripada keganasan berasaskan jantina dan cara mengatasi berat sebelah gender.

Selain itu, membangun dan melaksanakan dasar yang menyokong keseksamaan gender dalam pelbagai sektor, termasuk pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan kesihatan. Dasar ini mesti mengiktiraf hak individu tanpa mengira jantina dan memastikan akses yang sama rata. Seterusnya, mengamalkan strategi untuk mengatasi keganasan berasaskan jantina melalui undang-undang dan pendidikan awam. Ini melibatkan penguatkuasaan undang-undang terhadap pelaku keganasan dan menyediakan perkhidmatan sokongan untuk mangsa. Menjalankan kempen kesedaran gender untuk meningkatkan pemahaman orang ramai tentang keseksamaan gender. Kempen ini mungkin termasuk pameran, persidangan dan aktiviti lain yang menyokong keseksamaan jantina. Melalui usaha ini, masyarakat boleh mewujudkan persekitaran yang menyokong dan menggalakkan keseksamaan jantina, menyediakan hak dan peluang yang sama untuk semua individu, tanpa mengira jantina mereka. Keseksamaan jantina dalam setiap bidang adalah sebuah langkah yang dapat mengelakkan daripada berlakunya masalah dalam kelas sosial dan sosiobudaya ini adalah untuk mengelakkan berlakunya penindasan terhadap jantina yang boleh menyebabkan perselisihan faham.

## **b. Ekonomi**

Menggalakkan pembangunan ekonomi yang inklusif untuk mengurangkan jurang sosial dan ekonomi. Ini melibatkan pemerksaan ekonomi komuniti, akses yang lebih baik kepada pekerjaan, dan pembangunan infrastruktur di kawasan terpinggir. Meningkatkan kesaksamaan ekonomi adalah matlamat penting dalam pembangunan ekonomi yang mampan. Kesaksamaan ekonomi memberi tumpuan kepada pengagihan kekayaan, peluang dan faedah ekonomi yang lebih saksama di kalangan pelbagai peringkat masyarakat. Ini dapat dilakukan dengan, melabur dalam pendidikan yang saksama dan latihan kemahiran untuk memastikan semua komuniti mempunyai akses kepada pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengambil bahagian dalam ekonomi moden. Selain itu, menggalakkan penciptaan pekerjaan yang layak dengan gaji yang adil dan keadaan kerja yang mencukupi. Ini termasuk menyokong sektor pekerjaan yang berpotensi tinggi, seperti sektor perkhidmatan, teknologi dan industri kreatif. Memperkasakan wanita dari segi ekonomi dengan menyediakan akses kepada pendidikan, latihan kemahiran dan peluang pekerjaan. Memperkasakan wanita bukan sahaja menyumbang kepada kesaksamaan jantina tetapi juga meningkatkan kesaksamaan ekonomi secara keseluruhan. Disamping itu, mencipta peluang untuk mobiliti sosial dengan memastikan individu mempunyai akses kepada peluang pendidikan dan pekerjaan yang sama, tanpa mengira latar belakang ekonomi atau sosial mereka. Menyediakan pelaburan dalam infrastruktur komuniti, seperti pengangkutan awam, kesihatan, dan perumahan mampu milik, untuk meningkatkan kualiti hidup dan mobiliti ekonomi masyarakat. Menggalakkan pemerksaan komuniti tempatan dengan melibatkan mereka dalam proses membuat keputusan yang mempengaruhi kawasan mereka. Ini



termasuk sokongan untuk projek pembangunan tempatan dan ekonomi berasaskan komuniti.

Selanjutnya, menyediakan akses yang lebih baik kepada sumber produktif, seperti tanah dan teknologi, terutamanya bagi kumpulan yang mungkin terpinggir atau tidak mempunyai hak akses yang sama. Akhir sekali, perkongsian antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil untuk mereka bentuk dan melaksanakan dasar dan program yang menumpukan kepada peningkatan kesaksamaan ekonomi. Oleh itu, meningkatkan kesaksamaan ekonomi bukan sahaja soal keadilan sosial, tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan stabil. Kesaksamaan ekonomi boleh mewujudkan masyarakat yang lebih stabil, produktif dan adil. Pengagihan pendapatan ekonomi dengan saksama adalah sebuah langkah yang sangat baik supaya bersikap adil dengan semua golongan lapisan masyarakat supaya masyarakat tanpa terkecuali dapat merasai pengagihan ekonomi tanpa memberatkan kepada mana-mana golongan. Ini adalah bagi mengelakkan mana-mana golongan masyarakat merasa tertindas dalam kelas sosial dan juga sosiobudaya.

Pemeriksaan wanita dalam ekonomi adalah langkah penting untuk mencapai pembangunan inklusif dan mampan. Ini melibatkan memperkasakan wanita dari segi ekonomi, meningkatkan akses mereka kepada peluang ekonomi, dan mengatasi pelbagai halangan yang mungkin mereka hadapi. Untuk membuka keterlibatan kaum wanita dalam sektor ekonomi adalah dengan meningkatkan akses wanita kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang relevan dengan keperluan pasaran buruh. Pendidikan yang diperolehi dapat membuka pintu

kepada peluang pekerjaan yang lebih baik dan pembangunan kemahiran dapat meningkatkan daya saing. Seterusnya, memastikan gaji yang sama untuk kerja yang sama. Menangani jurang gaji antara lelaki dan wanita dan menggubal dasar yang menghalang diskriminasi gaji berdasarkan jantina. Seterusnya adalah dengan menggalakkan penyertaan aktif wanita dalam membuat keputusan ekonomi dan politik. Menggalakkan penglibatan mereka dalam institusi pembuat keputusan untuk memastikan perwakilan yang seimbang. Pemerksaan wanita dalam ekonomi bukan sahaja tindakan adil, tetapi juga pelaburan strategik dalam pembangunan mampan dan kesaksamaan. Dengan langkah-langkah ini, persekitaran ekonomi yang inklusif dapat diwujudkan dan memperkasakan wanita untuk menyumbang sepenuhnya kepada pembangunan masyarakat. Oleh itu pemerksaan kaum wanita dalam ekonomi adalah sebuah langkah yang dapat mengelakkan berlakunya penindasan kelas sosial berdasarkan jantina dan juga masalah dalam sosiobudaya dalam kalangan masyarakat.

### **c. Politik**

Penyertaan politik inklusif dapat menggalakkan penyertaan politik yang lebih luas dan lebih inklusif. Memastikan perwakilan yang adil dari pelbagai kumpulan sosial dalam institusi politik dapat membantu memajukan kepentingan seluruh masyarakat. Kemasukan politik inklusif adalah usaha untuk memastikan semua lapisan masyarakat, termasuk kumpulan yang mungkin terpinggir, mempunyai akses dan peranan yang sama dalam proses membuat keputusan politik. Kemasukan politik inklusif menghormati kepelbagaian pendapat dan memastikan setiap rakyat berpeluang untuk mengambil bahagian dalam proses

demokrasi. Langkah yang sesuai bagi menggalakkan penyertaan dalam politik inklusif adalah, menegakkan kesaksamaan undang-undang dan hak asasi manusia sebagai asas untuk penyertaan politik yang inklusif. Ini termasuk melindungi hak warganegara untuk menyatakan pendapat, berhimpun dan bersekutu. Selain itu, menjamin pilihan raya yang adil dan bebas daripada ugutan atau penindasan. Menggalakkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam proses pilihan raya untuk memastikan setiap undi dikira dan dihargai bagi memastikan kelancaran politik.

Seterusnya, menyediakan pendidikan politik yang saksama untuk membina pemahaman awam tentang sistem politik, dasar, dan kepentingan penyertaan aktif dalam proses demokrasi. Membangunkan program pemerksaan khas untuk kumpulan yang mungkin terpinggir atau kurang diwakili dalam proses politik. Ini melibatkan latihan kepimpinan, sokongan kewangan, dan membangunkan kemahiran untuk memberi mereka suara. Dan menggalakkan penglibatan aktif pertubuhan masyarakat sivil dalam advokasi politik. Ini termasuk menyokong kumpulan advokasi, NGO dan komuniti yang berusaha untuk memastikan kepentingan rakyat diwakili dalam dasar awam. Disamping itu, menggalakkan penyertaan aktif wanita dalam politik. Ini termasuk menyokong kempen untuk meningkatkan perwakilan wanita dalam institusi politik, serta menyediakan sokongan untuk wanita bertanding jawatan. Memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan akses dan penyertaan dalam proses politik. Ini termasuk menggunakan media sosial dan platform dalam talian untuk melibatkan rakyat dalam perbincangan politik dan mendapatkan maklum balas. Kemasukan politik inklusif bukan sahaja menyediakan hak untuk mengambil bahagian, tetapi juga mewujudkan keadaan yang adil dalam politik dengan melibatkan pelbagai

kaum dan jantina untuk bermain dalam sektor politik bagi mengekang masalah pada kemudian hari.

Selain itu, ketelusan dan akauntabiliti dapat mengatasi terjadinya masalah dalam kelas sosial dan sosiobudaya dalam masyarakat adalah dengan merealisasikan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses membuat keputusan politik. Ini boleh melibatkan penubuhan institusi yang memastikan integriti dan ketelusan dalam dasar awam. Ketelusan dan akauntabiliti adalah dua aspek penting dalam mengurus kerajaan, organisasi atau institusi bagi memastikan keadilan, integriti dan kepercayaan pihak yang terlibat. Ketelusan merujuk kepada ketersediaan maklumat yang jelas, terbuka dan boleh diakses oleh pihak yang berminat. Ini dapat dijalankan dengan memastikan maklumat awam, termasuk dasar, keputusan dan data, mudah diakses oleh orang awam. Ini melibatkan penyediaan maklumat secara terbuka melalui laman web, penerbitan atau forum lain. seterusnya, membuka proses membuat keputusan supaya ia boleh diakses oleh orang ramai. Ini termasuk penglibatan masyarakat dalam proses membuat dasar dan keputusan yang memberi kesan kepada mereka. Melaksanakan kod etika yang jelas dan menggalakkan tingkah laku terbuka dan jujur daripada pihak yang terlibat dalam membuat keputusan atau penyampaian perkhidmatan. Selain itu, akauntabiliti merujuk kepada tanggungjawab dan kewajipan seseorang atau organisasi dalam menjalankan tugas dan keputusan mereka. Ini dapat dilihat dengan memastikan pemimpin dan individu yang membuat keputusan bertanggungjawab terhadap tindakan dan keputusan mereka. Ini melibatkan penentuan sekatan atau akibat sekiranya berlaku pelanggaran etika atau dasar.

Disamping itu, melaksanakan sistem pemantauan dan penilaian yang berkesan untuk menilai prestasi organisasi atau individu. Ini termasuk mengukur pencapaian sasaran, penilaian program dan semakan prestasi biasa. Akhir sekali, menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam memantau dan menilai prestasi kerajaan atau organisasi. Komuniti mempunyai peranan penting dalam mengingatkan kita tentang akauntabiliti melalui kritikan, maklum balas dan penyeliaan. Oleh itu, ketelusan dan akauntabiliti bekerjasama untuk mewujudkan persekitaran kejujuran, keterbukaan dan akauntabiliti di semua peringkat kerajaan dan organisasi. Kedua-duanya menyumbang kepada mewujudkan kepercayaan dan legitimasi dalam perkhidmatan awam bagi mengelakkan yang terjadi sebarang masalah dalam sosial.

#### **d. Budaya**

Pemeliharaan budaya tempatan dapat menyokong inisiatif pengkalan dan pemeliharaan budaya tempatan. Ini boleh melibatkan mengiktiraf dan melindungi warisan budaya, tradisi dan bahasa komuniti. Mengekalkan budaya tempatan adalah satu usaha untuk melindungi, mempromosi dan memelihara warisan budaya dan tradisi sesebuah komuniti. Ia merangkumi pelbagai aspek, seperti bahasa, kesenian, kraf, adat resam dan pengetahuan tempatan yang diwarisi turun-temurun. Mengekalkan budaya tempatan adalah penting untuk memastikan kelestarian dan kepelbagaian warisan budaya global. Pemeliharaan budaya dapat dilakukan dengan mengintegrasikan pendidikan budaya tempatan dalam kurikulum sekolah untuk meningkatkan pemahaman generasi muda tentang nilai budaya, tradisi dan sejarah mereka. Serta, menjalankan dokumentasi dan

penyelidikan yang teliti mengenai warisan budaya tempatan. Ini termasuk merakam cerita, ritual, lagu dan tradisi lisan, serta menyusun arkib gambar dan dokumentasi visual. Selain itu, memperkasakan komuniti untuk menjadi aktor utama dalam mengekalkan budaya mereka sendiri. Ini melibatkan penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan, pelaksanaan projek dan penjagaan warisan budaya. Akhir sekali, mengintegrasikan aspek budaya dalam perancangan pembangunan tempatan dan negara untuk memastikan kelestarian budaya diiktiraf sebagai sebahagian daripada pembangunan masyarakat. Oleh itu, mengekalkan budaya tempatan bukan sahaja untuk mengekalkan masa lalu, tetapi juga tentang memastikan kesinambungan dan relevannya di tengah-tengah perubahan zaman. Penglibatan masyarakat secara aktif dalam usaha ini dapat memperkaya dan mengukuhkan identiti budaya tempatan bagi mengelakkan berlakunya masalah dalam sektor sosiobudaya.

Dasar Hak Asasi Manusia budaya dapat dilakukan dengan melaksanakan dasar yang menghormati hak asasi budaya. Ini melibatkan melindungi hak kumpulan minoriti dan mengiktiraf kepelbagaian budaya yang dapat mengelakkan terjadinya masalah dalam sosial. Hak Asasi Manusia (HAM) adalah hak yang melekat pada setiap individu sebagai manusia, tanpa mengira bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, pandangan politik, asal usul kebangsaan atau sosial, harta benda, kelahiran, atau status lain. Hak asasi manusia budaya mengiktiraf dan melibatkan dimensi budaya dalam perlindungan dan promosi hak asasi manusia. Hak asasi manusia budaya menghormati nilai budaya dan memastikan pelaksanaan hak asasi manusia tidak memusnahkan atau merendahkan nilai, kepercayaan atau tradisi budaya masyarakat. Selain itu, hak asasi manusia budaya menggalakkan penyertaan aktif dan perundingan orang

dalam proses membuat keputusan yang menjejaskan hak mereka, memastikan pandangan dan aspirasi budaya diiktiraf. Serta hak asasi budaya melibatkan hak untuk mengekalkan, mengembangkan dan menyatakan identiti budaya, serta hak untuk mengambil bahagian dalam kehidupan budaya masyarakat. Seterusnya, hak asasi manusia budaya mengiktiraf hak wanita dan jantina, memastikan hak budaya wanita diiktiraf dan dilindungi, dan menggalakkan penghapusan diskriminasi jantina dalam konteks budaya. Asas budaya hak asasi manusia memainkan peranan penting dalam memastikan kepelbagaian dan keadilan dalam masyarakat global yang semakin terhubung. Ini melibatkan dialog, penghormatan dan perlindungan nilai budaya yang telah diwariskan secara turun temurun yang harus dipertahankan bagi generasi yang akan datang.

**e. Keseluruhan**

Mengadakan program kesedaran dan pendidikan awam adalah dengan Melaksanakan program kesedaran dan pendidikan awam untuk mengubah persepsi orang ramai tentang kelas sosial dan kepelbagaian budaya. Memahami masyarakat tentang nilai inklusif dan kesaksamaan boleh mencetuskan perubahan positif. Program kesedaran dan pendidikan awam adalah inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai tentang isu, norma, dan nilai penting yang mempengaruhi kehidupan mereka. Program ini boleh merangkumi pelbagai topik, seperti hak asasi manusia, alam sekitar, kesihatan, kesaksamaan jantina dan banyak lagi. Program kesedaran dan pendidikan awam yang berkesan boleh memainkan peranan penting dalam membentuk sikap, tingkah laku dan pengetahuan orang ramai tentang isu-isu penting. Dengan

mereka bentuk program dengan teliti dan melibatkan masyarakat secara aktif, impak positif yang ketara terhadap pembangunan sosial dan budaya dapat diwujudkan dan mengelakkan masalah yang boleh memecahkan masyarakat.

Akhir sekali, memperkukuh institusi demokrasi yang dapat memperkukuh institusi demokrasi untuk memastikan keadilan dan melindungi hak rakyat. Ini termasuk menambah baik sistem keadilan dan penguatkuasaan undang-undang yang adil. Untuk memperkukuh institusi demokrasi, langkah komprehensif diperlukan untuk meningkatkan ketelusan, penyertaan rakyat, akauntabiliti dan perlindungan hak asasi manusia. Bagi mengukuhkan institusi demokrasi adalah dengan meningkatkan pendidikan politik di sekolah dan komuniti untuk meningkatkan pemahaman rakyat tentang prinsip demokrasi, hak dan kewajiban mereka sebagai warganegara, serta kepentingan penyertaan dalam politik. Selain itu adalah dengan meningkatkan ketelusan dalam membuat keputusan kerajaan dan menyediakan akses yang lebih baik kepada orang ramai mengenai maklumat awam, dasar dan proses membuat keputusan. Seterusnya, menggalakkan budaya demokrasi yang menghormati perbezaan pendapat, dialog dan penyelesaian konflik melalui cara yang aman. Ini boleh dicapai melalui pendidikan, media, dan kempen kesedaran. Penguatan institusi demokrasi adalah proses berterusan dan memerlukan komitmen pelbagai pihak, termasuk kerajaan, masyarakat sivil dan sektor swasta. Dengan langkah-langkah ini, persekitaran yang menyokong pembangunan demokrasi yang kukuh dan inklusif dapat diwujudkan.



### 5.3 Penutup

Kesimpulannya, kajian sosiobudaya dalam filem “Bumi Manusia” yang diadaptasi daripada novel karya Pramoedya Ananta Toer menghasilkan pemahaman yang mendalam tentang pengaruh budaya, sejarah dan masyarakat terhadap keseluruhan naratif. Bumi Manusia merupakan sebuah karya seni yang memaparkan kisah cinta tragis antara Minke dan Annelies dan pada masa yang sama menyajikan gambaran kritikal tentang kerumitan sosial dan budaya Hindia Belanda pada awal abad ke-20. Cerita ini dengan jelas menggambarkan ketidaksetaraan dan pembiakan kelas sosial dalam masyarakat kolonial. Susunan kasta dan sosial yang diwarisi turun-temurun merupakan antara elemen utama yang membentuk watak dan konflik dalam cerita. Selain itu, penyelidikan menonjolkan dinamik kuasa penjajah dan usaha menentang penindasan. Watak-watak dalam filem ini mencerminkan penentangan terhadap hegemoni budaya Belanda dan meneroka identiti nasional dan rasa bangga terhadap budaya tempatan. Serta peranan wanita khususnya melalui watak Annelies memberi lapisan tambahan kepada analisis sosiobudaya. Keterbatasan wanita dalam menentukan nasib mereka sendiri dan tuntutan norma sosial menjadi tumpuan asas. Disamping itu, filem ini menyentuh tentang ketidaksetaraan kaum dengan menggambarkan bagaimana orang asli dianggap rendah oleh penjajah Belanda. Dengan gambaran ini, filem ini mewujudkan ruang untuk refleksi tentang perkauman dan kesannya terhadap hubungan sosial. Kajian sosiobudaya ini mengajak penonton dan pembaca merenung kembali warisan sejarah, ketidaksetaraan dan perjuangan manusia yang tergambar dalam cerita “Bumi Manusia”. Secara keseluruhannya, cerita ini memberi sumbangan penting untuk memahami kerumitan masyarakat Hindia Belanda ketika itu, serta meneroka nilai budaya dan identiti nasional yang terus berkembang.

## Rujukan

- Abadi, T. W. (2016). “Aksiologi: antara etika, moral, dan estetika” dlm. *KANAL: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 4(2), 187-204.
- Abidin, M. Z. (2012). “Materialisme dialektik dan konflik kelas dalam sejarah manusia: telaah terhadap pemikiran Karl Marx” dlm. *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*, 10(1).
- Alfaidzin, T, Wedasuwari, I. A. M., & Indrawati, I. G. A. P. T. (2021). “Diskriminasi terhadap nilai feminimisme dalam novel Bumi Manusia karya Pramoedya Ananta Toer” dlm. *JIPBSI (Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia)*, 2(1), 55-67.
- Ali, M. (2016). “Membedah tujuan pendidikan muhammadiyah” dlm. *Profetika: Jurnal Studi Islam*, 17(01), 43-56.
- Alpert, H. (1940). “Emile Durkheim and the theory of social integration” dlm. *J. Soc. Phil.*, 6, 172.
- Aprila, T. M. (2022). “Gaya bahasa hiperbola dalam novel Bumi Manusia karya Pramoedya Ananta Toer” dlm. *Takuana: Jurnal Pendidikan, Sains, dan Humaniora*, 1(1), 40-49.
- Apriliandara, W. R. (2022). “Kearifan lokal dalam novel Bumi Manusia karya Pramoedya Ananta Toer” dlm. *Diksatrasia: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 6(1).
- Ardianto, D. T. (2014). “Dari novel ke film: Kajian Teori Adaptasi sebagai pendekatan dalam penciptaan film” dlm. *Panggung*, 24(1).
- Arif, K. (2018, March). “Sikap hidup wanita Jawa pada tokoh Nyai Ontosoroh dalam novel Bumi Manusia” dlm. *In Prosiding Seminar Nasional Bahasa dan Sastra Indonesia (SENASBASA) (Vol. 2, No. 1)*.
- Azmi, N. N., Hashim, R., & Hamid, R. A. (2012). “Kesetiaan kepada teks: Dari novel ke filem Ranjau Sepanjang Jalan” dlm. *Persidangan Shahnon Ahmad Salam Sastera, Media dan Budaya*.

- Baca artikel CNN Indonesia "Membumikan Bumi Manusia, mimpi Panjang Pramoedya Ananta Toer" selengkapnya di sini:  
<https://www.cnnindonesia.com/hiburan/20190816214226-241-422152/membumikan-bumi-manusia-mimpi-panjang-pramoedya-ananta-toer>.
- Boyman, S. N. (2015). "Pola pengundian orang Melayu dalam pilihan raya umum 2008 di Selangor" dlm. *Doctoral dissertation, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia*.
- Bramanyanto, H. (2019) Filem Bumi Manusia. Tunas Filem Indonesia. *Netflix*.  
<https://www.netflix.com>.
- Devito, M., Aziz, R. A., & AF, M. R. (2022). "Konsepsi keadilan dan hukum menurut Karl Max" dlm. *Praxis: Jurnal Filsafat Terapan, 1(01)*.
- DiLorenzo, T. J. (2009, February). "The real Lincoln: a new look at Abraham Lincoln, his agenda, and an unnecessary war" dlm. *Forum Books*.
- Faccarello, G., Gehrke, C., & Kurz, H. D. (2016). "Karl Heinrich Marx (1818-1883)" dlm. *Handbook on the History of Economic Analysis, 2, 211-233*.
- Farihah, I. (2015). "Filsafat Materialisme Karl Marx" dlm. *Fikrah: Jurnal Ilmu Aqidah dan Studi Keilmuan, 3(2)*.
- Firmansyah, E. (2013). "Refleksi budaya Jawa dalam novel Bumi Manusia dan Anak Semua Bangsa karya Pramoedya Ananta Toer: Perspektif Filsafat" dlm. *LITERASI: Indonesian Journal of Humanities, 3(2), 144-149*.
- Fitriyani, N. (2019). "Reaksi interpretatif terhadap teks susastra dan tingkat elaborasi estetika dalam teks sinema: Telaah Bumi manusia sebagai karya adaptasi dari novel ke film" dlm. *Jurnal Seni Nasional cikini, 5(2), 36-49*.
- Gunawan, L. (n.d.). "Bumi Manusia Pramoedya Ananta Toer" dlm. *PDF free download*.  
adoc.pub. <https://adoc.pub/bumi-manusia-pramoedya-ananta-toer.html>

- Hamid, M. N. S., & Yaapar, M. S. (2015). "Adaptasi teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada film: Analisis perbandingan unsur naratif" dlm. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-223.
- Hargita, B. S. (2023). "The cinderella complex's reflection on the female character in the novel Bumi Manusia by Pramoedya Ananta Toer" dlm. *KEMBARA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 9(1).
- Hasnida, H. (2017). "Sejarah perkembangan pendidikan Islam di Indonesia pada masa PRA kolonialisme dan masa kolonialisme (Belanda, Jepang, Sekutu)" dlm. *Kordinat: Jurnal Komunikasi Antar Perguruan Tinggi Agama Islam*, 16(2), 237-256.
- Helandri, J. (2021). "Analisis komunikasi antara Budaya dalam Film Bumi Manusia" dlm. *El-Ghiroh: Jurnal Studi Keislaman*, 19(1), 47-60.
- Ikranegara, D. D. (2021). "Eksistensialisme dalam novel Bumi Manusia karya Pramoedya Ananta Tour Analisis Wacana Pendekatan Eksistensialisme" dlm. *Doctoral Dissertation, Uin Fas Bengkulu*.
- Inda, D. N. (2016). "Adaptasi novel Ronggeng Dukuh Paruk ke dalam film Sang Penari: sebuah kajian ekranisasi" dlm. *Aksara*, 28(1), 25-38.
- Ismail, I., & Mohamad Ramli, Y. (2012). "Karl Marx dan konsep perjuangan kelas sosial (Karl Marx and the Concept of Social Class Struggle)" dlm. *International Journal of Islamic Thought*, 1, 27-33.
- KH, F. H. H. U. P., & Zuhri, S. (2023) "Gagasan pendidikan dalam perspektif priyayi dan Santri: Kajian Pemikiran Ki Hadjar Dewantara dan KH Ahmad Dahlan".
- Kusumastuti, A. N., & Nugroho, C. (2017). "Representasi pemikiran Marxisme dalam film Biografi Studi Semiotika John Fiske mengenai pertentangan kelas sosial Karl Marx Pada Film Guru Bangsa Tjokroaminoto" dlm. *Semiotika: Jurnal Komunikasi*, 11(1).
- Magnis-Suseno, F. (1999). "Pemikiran Karl Marx: dari sosialisme utopis ke perselisihan revisionisme" dlm. *Gramedia Pustaka Utama*.

- Marandika, D. F. (2018). "Keterasingan Manusia menurut Karl Marx" dlm. *Tsaqafah*, 14(2), 229-322.
- Marta, R. F. (2017). "Esensi dan pemetaan teoretisasi media komunikasi dalam Perspektif Karl Marx" dlm. *Bricolage: Jurnal Magister Ilmu Komunikasi*, 2(02), 47-53.
- Marx, K. (1973). "Karl Marx on society and social change: With selections by Friedrich Engels" dlm. *University of Chicago Press*.
- Nisa', I. N. (2019). "Perbedaan Kelas Sosial Pada Novel Bumi Manusia Karya Pramoedya Ananta Toer" dlm. *Prosiding SENASBASA (Seminar Nasional Bahasa dan Sastra)*, 3(2). <https://doi.org/10.22219/v3i2.3192>
- Nurjannah, H. J., & Supratno, H. "Nilai-nilai moral dalam film Bumi Manusia yang disutradarai oleh Hanung Bramantyo".
- Oktafiyani, A., Suseno, S., & Nuryatin, A. (2017). "Transformasi makna simbolik mihrab pada Novel Ke Film Dalam Mihrab Cinta Karya Habiburrahman El Shirazy Kajian Ekranisasi" dlm. *Jurnal Sastra Indonesia*, 6(3), 39-45.
- Pujiatna, T. (2016). "Analisis novel Bumi Manusia Karya Pramoedya Ananta Toer dengan kajian feminisme" dlm. *Deiksis Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 3(1).
- Putra, A. A. (2016). "Konsep Pendidikan Agama Islam Perspektif Imam Al-Ghazali" dlm. *Jurnal Pendidikan Agama Islam Al-Thariqah*, 1(1), 41-54.
- Putri, S. E. (2014). "Perjuangan kelas proletar dalam Novel Kani Kousen Karya Kobayashi Takiji melalui pendekatan Teori Marxisme" dlm. *Doctoral dissertation, Brawijaya University*.
- Rachmawati, F. (2020). "Kritik terhadap konsep ideologi komunisme Karl Marx" dlm. *Jurnal Sosiologi Agama Indonesia (JSAI)*, 1(1), 66-78.
- Ridwan, M. F., & Sofianto, K. (2019). "Rasisme dalam novel Bumi Manusia karya Pramoedya Ananta Toer: Kajian sosiologi sastra" dlm. *Diglosia: Jurnal Pendidikan, Kebahasaan, dan Kesusastraan Indonesia*, 3(2), 1-11.

- Rini, P. C. (2019). "Interpretasi feminisme Tokoh Nyai Ontosoroh dalam Novel Bumi Manusia tulisan Pramoedya Ananta Toer pada Komposisi Musik Ontosoroh karya Peni Candra Rini" dlm. *GELAR: Jurnal Seni Budaya*, 17(1), 24-30.
- Risnawati, R., Anshari, A., & Abidin, A. (2016). "Pertentangan dan Kesadaran Kelas dalam Novel Bumi Manusia Karya Pramoedya Ananta Toer (Pendekatan Teori Marxis)" dlm. *Retorika*, 9(1), 68-79.
- Smith, A. (2000). "1723-1790. The Wealth of Nations" dlm. *New York: Modern Library*.
- Sundari, H. (2015). "Model-model pembelajaran dan pemerolehan bahasa kedua/asing" dlm. *Jurnal Pujangga*, 1(2), 106-117.
- Syifa, S. N., Rahardianto, R. D., Ramadhan, S. N., Sultan, N. R., & Fitria, S. D. (2022). "Bentuk pemerintahan dalam pandangan Aristoteles serta bentuk dan sistem pemerintahan di Indonesia menurut undang-undang dasar tahun 1945" dlm. *Praxis: Jurnal Filsafat Terapan*, 1(01).
- Teori, D. S. T. M. K., Klasik, S., Munandar, A., & Pratama, M. "Pengantar erhadap pemikiran Karl Marx".
- Townshend, J. (2002). "Marx (1818–1883). Interpreting modern political philosophy: From Machiavelli to Marx, 198-218."
- Toer P, A (2005). *Bumi Manusia*. Biblio Press.
- Tyas, A. A. (2021). "Kajian Feminisme dalam Novel "Bumi Manusia" Karya Pramoedya Ananta Toer". *Jurnal Simki Pedagogia*, 4(2), 159-168.
- Von Leyden, W. (1967). "Aristotle and the concept of law1" dlm. *Philosophy*, 42(159), 1-19.
- Wijaya, E. (2008). "Pengantar mengenai teori Marxis tentang hukum" dlm. *Jurnal Dinamika Hukum*, 8(3), 183-189.
- Yaakup, H. S. (2018). "Tombiruo: Adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat" dlm. *Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 323-337.